

Jilid II
Bil. 33



Hari Khamis
20hb Oktober, 1988

MALAYSIA

PENYATA RASMI PARLIMEN
PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT
House of Representatives

PARLIMEN KETUJUH
Seventh Parliament

PENGGAL KEDUA
Second Session

KANDUNGANNYA

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN
[Ruangan 5873]

USUL:

Waktu Mesyuarat dan Urusan yang dibebaskan daripada Peraturan Mesyuarat
[Ruangan 5933]

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Syarikat (Pindaan) [Ruangan 5934]

Rang Undang-undang Wang Tak Dituntut (Pindaan) [Ruangan 5968]

Rang Undang-undang Pertubuhan Peladang (Pindaan) [Ruangan 5979]

MALAYSIA
DEWAN RAKYAT YANG KETUJUH

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG KEDUA

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATO' MOHAMED ZAHIR BIN HAJI ISMAIL, P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K., J.M.N.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Menteri Dalam Negeri dan Menteri Kehakiman, DATO' SERI DR MAHATHIR BIN MOHAMAD, S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J., D.P., D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.N.M., P.I.S. (Kubang Pasu).

„ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Jasin).

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, DATO DR LING LIONG SIK, D.P.M.P. (Labis).

„ Menteri Kerjaraya, DATO' S. SAMY VELLU, S.P.M.J., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput).

„ Menteri Perusahaan Utama, DATO' DR LIM KENG YAIK, D.P.C.M. (Beruas).

„ Menteri Pertahanan, Y.B.M. TENGKU DATO' AHMAD RITHAUDDEEN AL-HAJ BIN TENGKU ISMAIL, S.P.M.P., S.S.A.P., P.M.K. (Kota Bharu).

„ Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATUK LEO MOGGIE ANAK IROK, P.N.B.S. (Kanowit).

„ Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATIN PADUKA RAFIDAH AZIZ, D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar).

„ Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATO' DR SULAIMAN BIN HAJI DAUD, S.I.M.P., P.N.B.S., J.B.S. (Santubong).

„ Menteri Pertanian, DATUK SERI SANUSI BIN JUNID, D.S.D.K., D.G.S.M., S.M.K. (Jerlun-Langkawi).

„ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, DATUK AMAR STEPHEN YONG KUET TZE, D.A., P.N.B.S. (Padawan).

„ Menteri Pendidikan, TUAN ANWAR BIN IBRAHIM (Permatang Pauh).

„ Menteri Luar Negeri, DATO' ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, S.P.M.S., D.P.M.S., S.M.T., P.I.S. (Kuala Selangor).

„ Menteri Kewangan, DATO' PADUKA DAIM ZAINUDDIN (Merbok).

„ Menteri Kesihatan, DATO' CHAN SIANG SUN, S.I.M.P., D.I.M.P., J.S.M., A.M.N., P.J.K., J.P. (Bentung).

Yang Berhormat Menteri Buruh, TUAN LEE KIM SAI, P.P.N. (Hulu Langat).

- „ Menteri Belia dan Sukan, DATO' SERI HAJI MOHD. NAJIB BIN TUN HAJI ABDUL RAZAK (Orang Kaya Indera Shahbandar), S.S.A.P., S.I.M.P., D.S.A.P. (Pekan).
- „ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATUK KASIFAH BIN GADDAM, P.G.D.K. (Kinabalu).
- „ Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN NG CHENG KIAT (Klang).
- „ Menteri Penerangan, DATO' MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.S.I.J., S.I.M.P., D.P.M.J., D.P.M.S., P.N.B.S., K.M.N. (Pulau).
- „ Menteri Kebudayaan dan Pelancongan, DATO' HAJI SABBARUDDIN CHIK, D.S.A.P., S.M.S. (Temerluh).
- „ Menteri Perusahaan Awam, DATO NAPSIAH BINTI OMAR, D.S.N.S. (Kuala Pilah).
- „ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' DR MOHAMAD YUSOF BIN HAJI MOHAMED NOR, D.P.M.T., J.M.N., S.M.T., P.P.T. (Setiu).
- „ Menteri Kebajikan Masyarakat, TUAN MUSTAFFA BIN MOHAMMAD, S.M.J., K.M.N., P.I.S., B.S.I. (Sri Gading).
- „ Timbalan Yang di-Pertua, DATO' MOHAMED AMIN BIN HAJI DAUD, D.I.M.P., A.M.N., A.M.P. (Rompin).
- „ Timbalan Yang di-Pertua, TUAN D. P. VIJANDRAN (Kapar).
- „ Timbalan Menteri Kesihatan, DATO' K. PATHMANABAN, D.S.N.S., K.M.N. (Telok Kemang).
- „ Timbalan Menteri Pertahanan, DATO' ABANG ABU BAKAR BIN DATU BANDAR ABANG HAJI MUSTAPHA, D.S.A.P., P.N.B.S., J.M.N. (Paloh).
- „ Timbalan Menteri Kerjaraya, TUAN LUHAT WAN (Baram).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, TUAN MOHD. KASSIM BIN AHMED (Machang).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO' S. SUBRAMANIAM, D.S.N.S., S.M.J. (Segamat).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' OO GIN SUN, D.S.D.K., S.D.K., A.M.K., J.P. (Alor Setar).
- „ Timbalan Menteri Dalam Negeri, DATO' MEGAT JUNID BIN MEGAT AYOB, D.P.C.M., A.M.P., A.M.K. (Pasir Salak).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Awam, TUAN HAJI DAUD BIN DATO' HAJI TAHA (Batu Pahat).
- „ Timbalan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, DATO NG CHENG KUAI, D.P.M.P., A.M.P. (Lumut).

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, DATO' MOHD. TAJOL ROSLI BIN MOHD. GHAZALI, D.P.M.P., A.M.P. (Gerik).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, DATO' ALEXANDER YU LUNG LEE, D.P.M.P. (Batu).
- „ Timbalan Menteri Buruh, DATO' WAN ABU BAKAR BIN WAN MOHAMED, D.I.M.P. (Jerantut).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' DR SITI ZAHARAH BINTI HAJI SULAIMAN, D.I.M.P. (Mentakab).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATO' KOK WEE KIAT, A.M.N. (Selandar).
- „ Timbalan Menteri Pendidikan, TUAN WOON SEE CHIN, A.M.N., P.I.S. (Senai).
- „ Timbalan Menteri Buruh, TUAN KALAKAU UNTOL (Tuaran).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, TUAN LOKE YUEN YOW, A.M.P. (Tanjong Malim).
- „ Timbalan Menteri Kerjaraya, TUAN OSU BIN HAJI SUKAM (Papar).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, TUAN RAILEY BIN JAFFREY (Silam).
- „ Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN LAW HIENG DING, K.M.N., P.B.S. (Sarikei).
- „ Timbalan Menteri Pengangkutan, DATIN PADUKA HAJAH ZALEHA BINTI ISMAIL, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N. (Selayang).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, DATO' ALIAS BIN MD. ALI, D.P.M.T., S.M.T., K.M.N., P.J.K. (Hulu Terengganu).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, RAJA DATO ARIFFIN BIN RAJA SULAIMAN, D.S.D.K., S.M.S. (Baling).
- „ Timbalan Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATO HAJI MOHD. KHALID BIN MOHD. YUNUS, D.S.N.S. (Jempol).
- „ Timbalan Menteri Pendidikan, DR LEO MICHAEL TOYAD (Mukah).
- „ Timbalan Menteri Luar Negeri, DATO DR ABDULLAH FADZIL BIN CHE WAN, D.P.C.M., P.C.M. (Bukit Gantang).
- „ Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, TUAN ABDUL GHANI BIN OTHMAN (Ledang).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DRS SULEIMAN BIN MOHAMED (Titiwangsa).
- „ Timbalan Menteri Belia dan Sukan, CIK TENG GAIK KWAN, A.M.N., P.P.N. (Raub).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan, TUAN HAJI AWANG BIN JABAR, S.M.T., A.M.N., P.J.K. (Dungun).

Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, DATO' HAJI DUSUKI BIN HAJI AHMAD, D.I.M.P. (Tumpat).

- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebajikan Masyarakat, TUAN PETER CHIN FAH KUI (Lambir).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos, TUAN ONG TIN KIM (Teluk Intan).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan dan Perindustrian, TUAN M. G. PANDITHAN, K.M.N. (Tapah).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan, TUAN ABDUL RAMAN BIN SULIMAN (Parit Buntar).
- „ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, TUAN OTHMAN BIN ABDUL (Pendang).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN MOHAMED BIN JAMRAH, A.M.P., P.P.T. (Bagan Datok).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, TUAN ADAM BIN ABDUL KADIR (Kuantan).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, DR TING CHEW PEH (Gopeng).
- „ TUAN ABDOL MULOK AWANG DAMIT (Labuan).
- „ DATO' ABDUL AJIB BIN AHMAD, D.G.S.M., D.P.M.J., B.S.I. (Mersing).
- „ DR ABDUL HADI BIN DERANI, K.M.N., A.M.K., (Kota Setar).
- „ DATO' ABDUL KADIR BIN HAJI SHEIKH FADZIR, D.S.D.K., A.M.K. (Kulim Bandar Baharu).
- „ TUAN HAJI ABDUL MANAF BIN HAJI AHMAD, A.M.N., A.M.P., P.J.K., (Sungai Petani).
- „ TUAN ABDUL RAHMAN BIN BAKAR (Marang).
- „ TUAN HAJI ABDUL RAZAK BIN ABU SAMAH, D.S.M., A.M.N., P.J.K. (Lembah Pantai).
- „ DATUK PATINGGI HAJI ABDUL TAIB MAHMUD, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K. (Samarahan).
- „ DATO' ABDULLAH AHMAD, S.J.M.K., D.P.M.K., P.N.B.S., A.D.K. (Kok Lanas).
- „ DATUK ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI, D.M.P.N., D.J.N., K.M.N. (Kepala Batas).
- „ TUAN HAJI NIK ABDULLAH BIN HAJI ARSHAD, S.M.K. (Pengkalan Chepa).
- „ DATO' DR AFFIFUDIN BIN HAJI OMAR, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., B.C.K. (Padang Terap).
- „ TUAN AHMAD BIN OMAR, P.P.N. (Pagoh).

- Yang Berhormat TUAN HAJI BASRI BIN BAJURI, K.M.N., S.M.S., P.J.K. (Kuala Langat).
- .. DATUK BERNARD GILUK DOMPOK, P.G.D.K. (Penampang).
- .. TUAN HAJI BUJANG BIN HAJI ULIS (Simunjan).
- .. DR CHEN MAN HIN (Seremban).
- .. TUAN CHEW KAM HOY, A.M.K., J.P. (Padang Serai).
- .. TUAN CHIAN HENG KAI (Bukit Mertajam).
- .. TUAN SAMSON CHIN CHEE TSU (Tawau).
- .. TUAN CHUA JUI MENG (Bakri).
- .. DR V. DAVID (Puchong).
- .. TUAN DOUGLAS UGGAH EMBAS, A.B.S., P.B.S. (Betong).
- .. DR ENG SENG CHAI (Petaling Jaya).
- .. TUAN FUNG KET WING (Sandakan).
- .. TUAN GERARD MATH LEE MIN, A.S.D.K. (Gaya).
- .. TUAN GHAZALI BIN AHMAD, A.M.N., P.C.K. (Jerai).
- .. DR GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).
- .. TUAN GOOI HOCK SENG (Bukit Bendera).
- .. TUAN HASHIM BIN SAFIN *alias* SHAFAIN, A.M.N. (Tanah Merah).
- .. TUAN HSING YIN SHEAN (Tanjong Aru).
- .. TUAN HAJI HUSSEIN BIN HAJI TAIB, P.P.N., P.J.K. (Sabak Bernam).
- .. TUAN HU SEPANG (Rasah).
- .. TUAN HAJI IBRAHIM BIN ALI (Pasir Mas).
- .. TUAN HAJI IBRAHIM AZMI BIN HASSAN (Kuala Nerus).
- .. TUAN ISMAIL *alias* MANSOR BIN SAID, S.M.T., A.M.N. (Kemaman).
- .. TUAN JAWAH ANAK GERANG (Lubok Antu).
- .. TUAN JIMBUN ANAK PUNGA *alias* JAMES JIMBUN ANAK PUNGA, P.B.S. (Kapit).
- .. TUAN JUSTINE ANAK TEMENGGONG JINGGUT (Ulu Rajang).
- .. DATUK KADOH AGUNDONG, P.G.D.K. (Padas).
- .. DATO' HAJI KAMARUZAMAN BIN HAJI AHMAD, D.P.M.S., J.M.N., A.M.N., J.P. (Tanjung Karang).
- .. TUAN R. KARPAL SINGH (Jelutong).
- .. TUAN LAINUS ANAK ANDREW LUWAK (Serian).
- .. TUAN LAU DAK KEE (Pasir Pinji).

- Yang Berhormat TUAN LAW LAI HENG *alias* GOH LAI HENG, P.I.S., B.S.I., K.M.N.,
A.M.N. (Pontian).
- „ TUAN LEE LAM THYE (Bukit Bintang).
- „ DATO' PAUL LEONG KHEE SEONG, D.P.C.M. (Taiping).
- „ TUAN LIEW AH KIM (Seputeh).
- „ DR LIM ANN KOON, S.S.A., P.J.K. (Ampang Jaya).
- „ TUAN LIM GUAN ENG (Kota Melaka).
- „ TUAN LIM KIT SIANG (Tanjong).
- „ PUAN LING CHOOI SIENG (Kluang).
- „ TUAN MADATANG BIN MOREJAL (Bandau).
- „ TUAN MAIDOM BIN PANSAL *alias* PAUL PANSAL (Kota Belud).
- „ TUAN MICHAEL ASANG, B.S.K. (Jambongan).
- „ TUAN HAJI MOHAMAD BIN ABDULLAH, P.J.K. (Maran).
- „ DATO' HAJI MOHAMED BIN HAJI ALI, D.J.M.K., K.M.N., A.M.N.,
P.B. (Nilam Puri).
- „ TUAN HAJI MOHAMED BIN HAJI ISA, A.M.N., P.S. (Kuala Kerai).
- „ TUAN HAJI MOHAMED SAM BIN HAJI SAILAN, A.M.N., P.I.S., B.S.I.
(Muar).
- „ TUAN MOHAMED TAWFIK BIN TUN DR ISMAIL (Sungai Benut).
- „ TUAN HAJI MOHAMED BIN YAACOB (Rantau Panjang).
- „ DATO' HAJI MOHAMMAD ABU BAKAR BIN RAUTIN IBRAHIM,
D.S.D.K., K.M.N. (Kuala Kedah).
- „ TUAN MOHAMMAD SUBKY BIN HAJI ABDUL RAOF, A.M.N., P.J.M.
(Balik Pulau).
- „ TUAN MOHAMMED YUSOFF BIN ABDUL LATIFF, J.P. (Tasek
Gelugor).
- „ DATUK SERI HAJI MOHD. ADIB BIN HAJI MOHD. ADAM, D.G.S.M.
(Alor Gajah).
- „ TUAN MOHD. NOH BIN RAJAB (Tampin).
- „ TUAN MOHD. SHARIF BIN JAJANG, A.M.N., P.J.K. (Sepang).
- „ TUAN MOHD. TAMRIN BIN ABDUL GHAFAR (Batu Berendam).
- „ TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH, S.M.K. (Bachok).
- „ TUAN HAJI MOHD. ZIHIN BIN HAJI MOHD. HASSAN (Larut).
- „ DATO' MUSA BIN HITAM, S.P.M.J., S.S.I.J., S.P.M.S., D.U.N.M.,
S.P.N.S. (Kota Tinggi).
- „ TUN DATU HAJI MUSTAPHA BIN DATU HARUN, S.M.N., S.P.D.K.,
S.I.M.P., P.N.B.S., S.P.M.J., S.P.M.P., S.P.C.M., K.C.R.L., K.ST.J.
(Limbawang).

Yang Berhormat TUAN MUTANG TAGAL (Bukit Mas).

- „ TUAN NASRUDDIN BIN HAJI ALANG SAISIN, A.M.P. (Parit)
- „ TUAN NGOI THIAM WOH (Kampar).
- „ DR NICHOLAS MUNONG ANAK IBAU (Rajang).
- „ TUAN NURNIKMAN BIN ABDULLAH (Kimanis).
- „ TUAN JOE OJIHI SUPIRING (Marudu).
- „ DATUK JOSEPH PAIRIN KITINGAN (Keningau).
- „ DR PATAU RUBIS, P.B.S. (Mas Gading).
- „ TUAN P. PATTO (Ipoh).
- „ TUAN PETER PAUL DASON (Bayan Baru).
- „ DATUK PETER TINGGOM ANAK KAMARAU, P.N.B.S., P.C., K.M.N., A.M.N. (Saratok).
- „ TUAN PITTING BIN HAJI MOHD. ALI (Kinabatangan).
- „ DATO' RADZI BIN SHEIKH AHMAD, D.P.M.P. (Kangar).
- „ DATIN PADUKA HAJAH RAHMAH BINTI OTHMAN, D.P.M.S., J.S.M., S.M.S., A.M.P., P.J.K. (Shah Alam).
- „ DATO' RAIS YATIM, D.S.N.S. (Jelebu).
- „ Y.B.M. TENGKU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Gua Musang).
- „ DATO' HAJI SAIDIN BIN HAJI MAT PIAH, D.P.M.P., P.M.P., A.M.N., P.J.K. (Tasik Chenderoh).
- „ DATUK HAJI SAKARAN BIN DANDAI, S.P.D.K., J.P. (Semporna).
- „ TUAN SHAHIDAN BIN KASSIM, A.M.P. (Arau).
- „ DATO SHAHRIR BIN ABDUL SAMAD, D.P.M.J., P.I.S. (Johor Bahru).
- „ PUAN HAJAH SHARIFAH DORAH BINTI DATO' SYED MOHAMMED, S.M.J., A.M.N., P.I.S., B.S.I. (Parit Sulong).
- „ TUAN SIM KWANG YANG (Bandar Kuching).
- „ TUAN S. S. SUBRAMANIAM, P.J.K., A.M.S. (Hulu Selangor).
- „ TUAN TAIMAN BIN LUMAING (Pensiangan).
- „ DATUK DANIEL TAJEM ANAK MIRI, P.N.B.S., J.M.N. (Batang Lupar).
- „ TUAN TAN KOK WAI (Sungai Besi).
- „ DR TAN SENG GIAW (Kepong).
- „ TUAN TEOH TEIK HUAT (Bagan).
- „ TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
- „ TUAN TIEU SUNG SENG *alias* TIU SIING SENG (Sibu).
- „ TUAN TING CHEK MING (Batu Gajah).

Yang Berhormat TUAN TING LING KIEW (Bintulu).

- „ TUAN HAJI WAN OMAR BIN WAN MAJID, S.M.K., P.P.N. (Pasir Puteh).
- „ TUAN WANG CHOON WING, A.M.N. (Lipis).
- „ DATUK HAJI YAHAYA BIN MOHD. SHAFIE, P.S.D., P.M.P., A.M.P., A.M.N., J.P. (Tambun).
- „ PUAN SITI ZAINABON BINTI ABU BAKAR (Tebrau).
- „ DATO' ZAINAL ABIDIN BIN ZIN, D.P.M.P., P.M.P. (Bagan Serai).
- „ DATO' ZAINOL ABIDIN BIN JOHARI, D.S.D.K., K.M.N., P.P.N., B.K.M., P.J.K., J.P. (Sik).
- „ DATO' HAJI ZAKARIA BIN HAJI ABDUL RAHMAN, D.P.M.T., K.M.N., P.J.K. (Besut).
- „ TUAN ZUBIR BIN EMBONG (Kuala Terengganu).

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Haji Wan Zahir bin Sheikh Abdul Rahman, J.S.M.

Ketua Penolong Setiausaha: Haji Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abdul Hamid, A.M.N.

Penolong Setiausaha: Abdullah bin Abdul Wahab.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Ketua Penyunting: Haji Yahya Manap.

Penyunting Kanan: P. B. Menon.

Penyunting Kanan: Haji Osman bin Sidik.

Penolong Penyunting: N. Ramaswamy.

Penolong Penyunting: Amran bin Ahmad.

Pelapor Perbahasan Parlimen:

Suhor bin Husin.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

Shamsiah binti Mohd. Yusof.

Hajjah Kalsom binti Ghazali.

Mohamed bin Osman.

Norishah binti Mohd. Thani.

Zaharah binti Naim.

Su Soon Chuan.

Norwahidah binti Azizi.

Rozita binti Abdul Samad.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Mohd. Kassim bin Hashim

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

Khamis, 20hb Oktober, 1988

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

DOA

(Timbalan Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Mesyuarat*)

JAWAPAN-JAWAPAN
MULUT
BAGI PERTANYAAN-
PERTANYAAN

LEBUHRAYA KUALA LUMPUR-
KELANG—KESESAKAN

1. Tuan S. S. Subramaniam minta Menteri Kerjaraya menyatakan:

- (a) adakah beliau sedar kesesakan dan kesulitan yang dihadapi oleh penduduk-penduduk di Lembah Kelang untuk mengangkut antara Petaling Jaya dan Shah Alam, khususnya pada waktu pagi dan petang. Walaupun masalah ini telah-pun dibangkit kepada Kementeriannya beberapa kali, kita tidak dapat melihat apa-apa perubahan di atas jalan yang berada di antara bandar-bandar tersebut. Adakah tujuan Kementeriannya untuk menunggu hingga menyiapkan "Klang Valley Express Way" oleh UEM untuk menyelesaikan masalah tersebut. Jika tidak, apakah tindakan yang jangka masa pendek yang akan diambil oleh Kementeriannya untuk menyelesaikan masalah tersebut; sebab apakah lagi satu

jalan antara Subang Jaya dan Shah Alam tidak boleh dibina untuk menyelesaikan masalah ini secepat mungkin; dan

- (b) adakah beliau sedar suatu masalah seperti yang tersebut juga dialami oleh motoris-motoris dari utara di atas jalan antara Kuala Lumpur dan Tanjung Malim. Apakah tindakan jangka masa pendek yang akan diambil oleh Kementeriannya untuk menyelesaikan masalah tersebut.

Timbalan Menteri Kerjaraya (Tuan Osu bin Haji Sukam): Tuan Yang di-Pertua, untuk menjawab soalan:

- (a) Kerajaan memang sedar akan kesesakan yang terjadi di Lebuhraya Kuala Lumpur-Kelang, khususnya di antara Subang Jaya ke Kelang.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan tidak bercadang untuk mengambil apa-apa langkah jangka pendek bagi mengatasi masalah kesesakan di Lebuhraya tersebut oleh kerana ianya telah pun dimasukkan di-dalam projek pengswastaan Lebuhraya Utara-Selatan yang akan mengatasi masalah ini secara jangka panjang. Tindakan sedemikian adalah perlu dan munasabah memandangkan bahawa kesesakan jalanraya tersebut

adalah agak rumit dan tidak boleh diatasi secara jangka pendek.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, perjanjian projek pengswastaaan projek tersebut telah pun berkuatkuasa mulai 31-5-1988 yang lalu dan kerja-kerja pembinaan yang telah dirancang akan bermula dengan pembinaan lebuh raya baru Lembah Kelang yang akan menyambungkan Kelang melalui Bukit Raja ke Jalan Lapangan Terbang Subang dan ke Damansara. Lebuh raya baru ini dijangka akan disiapkan dalam tempoh tiga tahun dari sekarang dan seterusnya apabila lebuh raya baru itu siap, maka kerja-kerja melebarkan lebuh raya di antara Subang Jaya ke Kelang akan dilaksanakan selanjutnya.

Adalah diharapkan apabila kedua-dua jalan tersebut siap nanti, kesesakan yang dihadapi pada masa ini akan dapat diatasi buat beberapa waktu. Ia juga akan memberikan kepada pengguna-pengguna jalan, jalan raya yang selamat dan selesa. Oleh itu diharap pengguna-pengguna jalan berkenaan sentiasa dapat bersabar sedikit dengan memberikan peluang kepada syarikat berkenaan menjalankan projek lebuh raya tersebut dalam waktu yang ditetapkan oleh Kerajaan.

- (b) Mengenai kesesakan jalan raya yang berlaku di antara Kuala Lumpur-Tanjung Malim pula sebagai langkah jangka masa pendek, Kerajaan telah dan sedang mengambil tindakan untuk memperbaiki, melurus dan melebarkan jalan di bahagian-bahagian tertentu jalan dan di samping

menyelenggara jalan tersebut supaya ianya sentiasa berada di dalam keadaan yang baik.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, pihak Syarikat PLUS Berhad akan melaksanakan pembinaan Lebuh raya Express-way di antara Tanjung Malim ke Kuala Lumpur yang akan mempunyai laluan baru yang merupakan sebahagian daripada projek Lebuh raya Utara-Selatan; dan ini adalah cara mengatasi masalah kesesakan jalan raya dalam jangka masa panjang.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, dengan kedua-dua jalan yang disebutkan tadi untuk Lembah Kelang, adakah jalan alternatif baginya dan di kedua-dua batang jalan tersebut, berapa plaza tol yang akan diadakan dan setakat ini adakah kadar bayaran tol itu ditetapkan?

Tuan Osu bin Haji Sukam: Tuan Yang di-Pertua, sepertimana yang saya nyatakan, Kerajaan sedang melalui penswastaaan lebuh raya Utara-Selatan dan akan melaksanakan satu jalan raya yang menghubungkan Kelang dengan Kuala Lumpur di samping meningkatkan lagi kepada jalan raya yang ada iaitu jalan raya yang menghubungkan Kelang dan Kuala Lumpur.

Begitu juga jalan Kuala Lumpur-Tanjung Malim, selain daripada yang ada sekarang, kita juga telah senaraikan untuk mengadakan satu jalan raya alternatif yang akan juga dilaksanakan oleh Syarikat PLUS Berhad iaitu anak syarikat UEM.

Mengenai plaza tol, perkara ini sedang dalam perbincangan dan ianya akan diumumkan pada masa yang sesuai.

Tuan Mohd. Tamrin bin Abdul Ghafar: Tuan Yang di-pertua, seperti yang dimaklumkan oleh Yang

Berhormat Timbalan Menteri sebentar tadi bahawa perjanjian di antara Kerajaan dan juga UEM telah dimateri pada 31-5-88. Sehingga ke hari ini projek yang patut dilaksanakan oleh UEM melalui anak syarikatnya PLUS Berhad dan sebagainya masih lagi belum dijalankan. Jadi saya ingin tahu, apakah masalah yang sebenarnya yang dihadapi oleh UEM sehinggakan terlewat untuk melaksanakan projek ini.

Tuan Osu bin Haji Sukam: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya tidak ada masalah yang dihadapi oleh UEM. Walaupun perjanjian telah ditandatangani pada 31hb Mei, 1988, penguatkuasaan perjanjian itu untuk kedua-dua belah pihak cuma berkuatkuasa tiga bulan daripada perjanjian itu iaitu untuk membolehkan kedua-dua pihak membuat persediaan-persediaan yang perlu dibuat bagi menjalankan kerja-kerja yang ditandatangani dalam bulan Mei itu.

Tuan Haji Abdul Razak bin Haji Abu Samah: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin membuat pertanyaan tambahan. Dengan keterangan yang telah diberikan oleh Yang Berhormat berkenaan tadi, saya ingin bertanya adakah pihak Lebuhraya ini akan mengikut rekabentuk atau pelan lama berhubung dengan Klang Valley Express Way ini nanti akan melibatkan kawasan-kawasan kepunyaan orang-orang Melayu iaitu kawasan kampung tradisional, umpamanya Kampung Bukit Lanjan, Sungai Pencala dan juga Segambut. Itu yang pertama.

Kedua, bagi mengelakkan perkara-perkara yang disebutkan oleh Yang Berhormat tadi berhubung dengan laluan Petaling Jaya dan Shah Alam, tidakkah ada cadangan supaya pihak Lebuhraya menghentikan kerja-kerja pemotongan rumput yang selalu diadakan di sebelah pagi dan ini

menyebabkan berpanjangan kereta menunggu disebabkan kerja memotong rumput di pembahagian jalan. Ini yang mengendalakan lalu-lintas. Saya mengharapkan supaya pemotongan rumput ini dilakukan pada sebelah tengahari, bukan di waktu pagi kerana di masa itu kawasan sesak. Saya harap dapat diarahkan supaya perkara ini tidak berlaku.

Tuan Osu bin Haji Sukam: Tuan Yang di-Pertua, mengenai dengan lot-lot perkampungan orang-orang Melayu yang terlibat di dalam pembinaan Lebuhraya Kelang-Kuala Lumpur ini, perkara ini telah pun ditimbang sedalam-dalamnya untuk mengurangkan segala masalah yang boleh mengakibatkan atau boleh merugikan mana-mana pihak. Di samping itu juga Kerajaan terpaksa melaksanakan projek ini. Setelah ditimbang perkara ini memanglah ada pihak yang terlibat, tanahnya terpaksa diambil balik oleh Kerajaan bagi membolehkan kita melaksanakan pembinaan Lebuhraya ini. Tetapi saya difahamkan bahawa kebanyakan tanah-tanah yang terlibat adalah dipunyai oleh syarikat-syarikat besar dan sedikit sahaja yang melibatkan orang-orang perseorangan.

Bagi menjawab soalan yang kedua, saya mengambil ingatan di atas perkara ini dan saya akan menyampaikan masalah ini kepada Lembaga Lebuhraya Malaysia atau Majlis Perbandaran Petaling Jaya atau Dewan Bandaraya Kuala Lumpur untuk mengambil tindakan seperti yang dicadangkan oleh Ahli Yang Berhormat.

DISIPLIN DI SEKOLAH

2. Tuan Haji Abdul Manaf bin Haji Ahmad minta Menteri Pendidikan menyatakan kesan baik dan buruknya setelah perkara disiplin di Sekolah didedahkan kepada Media Massa dan apakah bentuk perlindungan yang

diberi kepada Pengetua atau Guru Disiplin yang selalu mendapat cabaran dan ugutan dari pelajar-pelajar atau ibubapa.

Timbalan Menteri Pendidikan (Dr Leo Michael Toyad): Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, di antara kesan baik yang boleh didapati apabila sesuatu perkara disiplin di sekolah didedahkan di akhbar ialah masyarakat di seluruh negara akan peka terhadap perkara tersebut, dan dengan itu masyarakat seluruhnya terutamanya sekali di kalangan ibubapa atau penjaga akan membantu pihak sekolah untuk menyelesaikan masalah tersebut.

Seterusnya, pihak sekolah pula akan sentiasa memastikan supaya disiplin pelajar di sekolahnya sentiasa mantap dan sentiasa berwaspada dalam urusan terutamanya apabila mengendalikan perkara-perkara yang berkaitan dengan disiplin.

Di samping beberapa kebaikan, tidak dapat dinafikan bahawa dengan pendedahan perkara disiplin di akhbar juga boleh mendatangkan kesan buruk, misalnya pelajar-pelajar yang sengaja nakal dan juga ingin menarik perhatian, akan merasa gembira apabila cerita mengenai mereka disiarkan di akhbar. Sungguhpun begitu, Kementerian Pendidikan mendapati golongan tersebut itu adalah sangat kecil, dan tidak akan memburukkan lagi masalah disiplin kita. Kementerian Pendidikan sentiasa mempertahankan serta melindungi Pengetua atau guru disiplin jika mereka mendapat cabaran atau ugutan dari pelajar-pelajar atau ibu bapa. Tindakan Pengetua atau guru disiplin adalah mengikut arahan serta panduan yang telah dikemukakan oleh Kementerian Pendidikan sebagaimana yang terdapat dalam Peraturan-peraturan Disiplin Sekolah 1959 dan Surat-surat Pekeliling Ikhtisas yang dikeluarkan dari semasa ke semasa.

Tuan Shahidan bin Kassim: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Berdasarkan kepada jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi saya tidak pasti sama ada jawapan ini ialah jawapan biasa iaitu Kerajaan akan mengambil tindakan dan sebagainya. Tetapi baru-baru ini terdapat satu kes yang istimewa dan ini saya rasa akan berlarutan, iaitu guru-guru disiplin yang terlibat dengan program anti dadah di mana mereka telah melaporkan penuntut-penuntut yang terlibat dan penuntut-penuntut ini ada yang terlibat dengan kes polis dan sebagainya. Kita lihat guru-guru ini, memanglah ada pihak atasan mengatakan dia akan memberi perlindungan. Perlindungan dalam bentuk mana? Guru-guru disiplin ini bukan sahaja ditindas di sekolah tetapi di rumah juga diberi ugutan dan saya lihat guru-guru ini bukannya pegawai keselamatan, mereka adalah orang awam yang sentiasa mendapat ugutan dari masa ke semasa.

Saya mencadangkan kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri sama ada kita mansuhkan guru-guru disiplin atau guru anti dadah ini supaya mereka tidak ditindas ataupun diugut oleh penuntut-penuntut. Soalan saya, apakah tindakan tegas untuk menjamin yang mereka ini betul-betul terjamin. Saya tidak mahu jawapan "Kerajaan akan ambil tindakan", tetapi tindakan tegas. Saya beri contoh, di Darul Arqam, dia ada 7,000 penuntut di seluruh Malaysia tetapi kita tidak pernah dengar penuntut-penuntut yang belajar di Darul Arqam—yang belajar di New Zealand itu bukan pelajar Darul Arqam—yang terlibat dengan masalah disiplin. Soalan saya, bolehkah Kementerian mengikut model yang telah dicipta oleh Darul Arqam?

Dr Leo Michael Toyad: Tuan Yang di-Pertua, untuk menjawab soalan Ahli Yang Berhormat tadi, kita akan mengambil tindakan. Kalau ada kes-kes yang tertentu di mana Ahli Yang

Berhormat merasakan tidak mendapat layanan atau jaminan yang sepatutnya, saya harap Ahli Yang Berhormat dapat mengemukakan kepada Kementerian atau kepada saya.

Keduanya mengenai

Tuan Shahidan bin Kassim: (*Bangun*).

Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat, dia hendak penjelasan.

Tuan Shahidan bin Kassim: Contohnya di Perlis, sampai sekarang ini masih berlaku. Guru disiplin yang terlibat dengan anti dadah di Perlis sekarang ini sudah tidak berani duduk di rumah.

Dr Leo Michael Toyad: Kalau begitu kita akan terus menyiasat perkara itu.

Keduanya, masalah pelajar-pelajar yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat tadi, pelajar apa itu tadi?

Tuan Shahidan bin Kassim: Darul Arqam!

Dr Leo Michael Toyad: Sebenarnya untuk pengetahuan Ahli Yang Berhormat, sekolah-sekolah atau pelajar-pelajar Arqam ini tidak ada didaftar atau tidak dalam daftaran sekolah-sekolah di Kementerian Pendidikan.

Tuan Madatang bin Morejal: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Berhubung dengan disiplin murid-murid sekolah, adakah Ahli Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar bahawa kekurangan disiplin di kalangan murid-murid sekolah berpunca daripada kekurangan disiplin di kalangan guru-guru sendiri, khususnya di kalangan sekolah-sekolah di luar bandar. Jika sedar, apakah tindakan Kementerian Yang

Berhormat yang sedang dirancang untuk membetulkan keadaan?

Dr Leo Michael Toyad: Tuan Yang di-Pertua, ini adalah soalan mengenai disiplin guru-guru sekolah, memang kalau ada keadaan begitu di mana kegiatan-kegiatan atau disiplin-disiplin di kalangan guru, tindakan seperti yang mana kita buat atau patut dibuat seperti pindahan atau penukaran atau lain-lain cara yang telah diatur dalam segi cara-cara mengambil tindakan atas pelanggaran salahlaku disiplin di antara guru-guru di dalam Kementerian.

Tuan Haji Mohammed Yusoff bin Abdul Latiff: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Sehingga kini sudah berapa banyakkah kes-kes pengetua-pengetua yang telah mendapat cabaran atau ugutan daripada pihak pelajar atau ibubapa setelah anak-anak mereka diambil tindakan disiplin dan apakah bentuk pembelaan daripada Kementerian Pendidikan terhadap mereka?

Dr Leo Michael Toyad: Tuan Yang di-Pertua, pada hari ini saya mohon maaf, saya tidak ada data-data yang menyatakan berapa kes telah dilaporkan kepada polis dan yang telah mendapat ugutan dari guru-guru yang telah dicabar. Tetapi saya ingin menegaskan sekali lagi di sini bahawa selepas kita mendedahkan dan juga menyedari memberi kesan kepada ibubapa dan masyarakat amnya. Sekarang kita telah mendapat sokongan daripada ibubapa, persatuan-persatuan ibubapa dan juga pengurus-pengurus sekolah, termasuk juga badan-badan seperti polis dan lain-lain agensi Kerajaan telah mengadakan mesyuarat dan juga bekerjasama untuk menjagakan disiplin dan juga mempertahankan perkara-perkara seperti menjaga masyarakat guru-guru yang telah menjalankan tugas untuk menjaga disiplin murid-murid sekalian.

KAMPUCHEA—PENYELESAIAN POLITIK

3. **Dato' Dr Affifudin bin Haji Omar** minta Menteri Luar Negeri menyatakan apakah kesan-kesan terhadap usaha ASEAN untuk membawa penyelesaian politik di Kampuchea oleh usaha-usaha lain seperti yang dilakukan oleh Non Aligned Movement (NAM) yang mana dapat mempengaruhi China (PRC) dan Russia duduk semeja untuk menyelesaikannya; adakah dengan terlibatnya dua kuasa ini akan menjejaskan kepentingan-kepentingan ASEAN.

Timbalan Menteri Luar Negeri (Dato Dr Abdullah Fadzil bin Che Wan): Tuan Yang di-Pertua, usaha ASEAN mencari penyelesaian Kampuchea melalui rundingan telah mendapat sambutan yang baik iaitu dengan Mesyuarat Tidak Rasmi di Jakarta (JIM) yang berlangsung pada 25hb hingga 28hb Julai tahun ini di mana pihak-pihak yang terlibat telah memulakan proses rundingan. Negara-negara yang terlibat dan negara-negara yang bersangkutan termasuk ASEAN meneruskan usaha ini. Pendirian negara-negara ASEAN mendapat sokongan baik dari masyarakat antarabangsa termasuklah Pertubuhan Negara-negara Berkecuali (NAM). Dalam hal ini apa yang dicadangkan oleh Pertubuhan Negara-negara Berkecuali adalah selaras dengan objektif ASEAN di mana NAM telah menyokong inisiatif ASEAN ke arah penyelesaian politik terhadap masalah Kampuchea.

Memanglah menjadi hasrat ASEAN sendiri bukan untuk melibatkan negara-negara seperti Republik Rakyat China dan Soviet Union sahaja bahkan negara-negara lain yang mempunyai kepentingan terhadap penyelesaian politik mengenai masalah Kampuchea ini. Penglibatan negara-negara berkenaan dijangka

dapat diadakan melalui persidangan antarabangsa.

Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya perkara mengenai Kampuchea ini telah begitu lama menjadi perkara yang diheboh-hebohkan diperbincangkan dan mengambil minat begitu banyak negara-negara di dunia ini, termasuk negara ASEAN dan termasuk juga Malaysia, tetapi ramai daripada rakyat negara kita sendiri belum lagi faham mengapa Malaysia, memanglah kita perlu mengambil berat, tetapi ramai yang belum faham mengapa Malaysia ini harus mengambil berat dan campurtangan dalam bidang ini, iaitu bidang masalah Kampuchea ini. Jadi, dapatkah pihak Kerajaan menyenaraikan satu persatu sebab mengapa kita mesti mengambil berat soal Kampuchea dan mesti bekerjasama dengan negara-negara ASEAN lain dan seluruh dunia untuk menyelesaikan masalah Kampuchea ini?

Yang keduanya, bagaimana pula di kalangan negara-negara ahli-ahli ASEAN sendiri, adakah mereka itu secara "outwardly" ataupun "inwardly" benar-benar mempunyai hasrat untuk menentukan supaya masalah ASEAN ini dapat diselesaikan ataupun di luar official sahajakah ataupun dari segi jiwa raganya berjuang sama-sama untuk menentukan masalah Kampuchea ini dapat diselesaikan bersama?

Dato Dr Abdullah Fadzil bin Che Wan: Tuan Yang di-Pertua, bagi jawapan soalan pertama, pihak negara kita mengambil peranan tentang masalah di Kampuchea oleh kerana Kampuchea itu adalah sebuah negara yang terletak di Asia Tenggara yang mana keadaan dan keselamatan di dalam negara Kampuchea hendak tak hendak melibatkan juga keselamatan negara kita di Malaysia, lebih-lebih lagi kita tahu bahawasanya

masalah di Kampuchea itu melibatkan kuasa-kuasa besar. Contohnya seperti di Kampuchea dan di Vietnam terdapat kuasa Soviet Union yang memainkan peranan yang penting di kawasan Kampuchea, Vietnam dan sebagainya dan dengan sebab itu kita memastikan yang negara kita tetap dalam keadaan yang aman damai, tak diganggu-gugat oleh mana-mana kuasa besar. Kita mahukan masalah Kampuchea yang melibatkan kuasa-kuasa besar seperti Soviet Union, Republik Rakyat China dan Amerika Syarikat supaya dapat mengatasi masalah di Kampuchea supaya perlawanan ataupun perebutan kuasa antara kuasa-kuasa besar di Tenggara Asia ini dapat dihapuskan.

Untuk menjawab soalan kedua, pihak kita dan ASEAN memang benar-benar berhasrat dengan seikhlas-ikhlasnya melihat agar masalah Kampuchea ini dapat diselesaikan secepat mungkin di atas sebab-sebab yang sama juga seperti yang saya katakan dalam saya menjawab soalan untuk Ahli Yang Berhormat yang pertama tadi, iaitu untuk mewujudkan keadaan aman dan sejahtera di kalangan negara-negara di Asia Tenggara.

Dato' Dr Affudin bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Yang Berhormat Timbalan Menteri mengatakan bahawa usaha-usaha NAM ataupun negara-negara berkecuali dibuat selaras dengan usaha-usaha ASEAN. Adakah usaha-usaha mereka ini disalurkan melalui ASEAN ataupun dibuat berasingan daripada usaha ASEAN?

Soalan yang kedua, jikalau ya, apakah response pihak-pihak yang terlibat di dalam konflik Kampuchea ini terhadap usaha ini dan adakah kemungkinan "response" mereka terhadap usaha Russia dan China ini adalah lebih baik kerana kedua-dua negara ini adalah terlibat secara langsung di dalam konflik itu dan

akhirnya usaha-usaha ASEAN ini akan tenggelam begitu sahaja?

Dato Dr Abdullah Fadzil bin Che Wan: Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana masalah Kampuchea ini seperti yang dikatakan oleh Yang Berhormat dari Simunan tadi begitu lama berlarutan, sudah lebih 8 tahun, kita perlukan penglibatan seberapa ramai yang boleh negara-negara dalam dunia ini untuk sama-sama memainkan peranan bagi mewujudkan penyertaan politik terhadap masalah Kampuchea. Maka, walaupun ASEAN telah cuba beberapa lama untuk mencari jalan keluar di atas masalah Kampuchea, kita juga mengalu-alukan penglibatan NAM untuk mereka menggunakan budibicara dan pengaruh mereka pula untuk mencari jalan keluar ke atas masalah Kampuchea. Sebenarnya kita tidak bercanggah, tidak berlainan hajat, cuma penglibatannya sahaja yang mana kita juga mahu selain daripada NAM, ASEAN, juga lain-lain negara seperti Soviet Union, Amerika Syarikat, China, malah dengan negara-negara Eropah seperti France juga untuk memainkan peranan supaya dapat kita mengatasi masalah Kampuchea yang begitu lama berlarutan.

Untuk jawapan yang kedua, response dari pihak Kampuchea dianggap baik dari segi penglibatan NAM dalam mencari jalan keluar di atas masalah Kampuchea. Putera Norodom Sihanouk sendiri telah pun meminta pemimpin NAM, Presiden Mugabe, untuk juga menggunakan platform NAM mencari jalan keluar untuk masalah Kampuchea.

Dr Goh Cheng Teik: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri sama ada beliau bersetuju bahawa sebab utama Malaysia dan negara-negara ASEAN berminat dan mengambil berat soal Kampuchea ialah kerana pencerobohan yang dilakukan oleh Vietnam ke atas

Kampuchea masih belum berhenti dan askar-askar Vietnam masih terus menduduki Kampuchea sehingga hari ini dan sekiranya beliau bersetuju sama ada Malaysia dan negara-negara ASEAN tidak akan bosan berjuang sehingga satu hari nanti askar-askar asing berundur dari Kampuchea.

Dato' Dr Abdullah Fadzil bin Che Wan: Tuan Yang di-Pertua, saya setuju dengan pendapat Yang Berhormat tadi bahawasanya salah satu sebab-sebab utama mengapa Malaysia dan ASEAN mengambil berat tentang masalah Kampuchea itu ialah atas sebab pencerobohan tentera Vietnam di atas negara Kampuchea. Salah satu cadangan pihak ASEAN untuk mengatasi masalah Kampuchea ini ialah untuk tentera Vietnam keluar dari Kampuchea secepat mungkin.

Bagi soalan yang kedua, saya ingin juga memberi kepastian kepada Yang Berhormat dari Nibong Tebal bahawasanya pihak Malaysia dan saya kira ASEAN juga tidak akan merasa bosan untuk meneruskan usaha-usaha kita bagi mendesak bukan sahaja Vietnam malah menyokong Vietnam seperti Soviet Union dan menggunakan negara-negara asing, negara-negara yang berpengaruh di seluruh dunia untuk mendesak supaya tentera Vietnam itu keluar dari Kampuchea. Setakat ini kita sudah agak berjaya yang mana pihak Vietnam telah menyatakan bahawasanya negaranya akan mengeluarkan tenteranya dari Kampuchea mungkin selewat-lewatnya pada tahun 1990. Maka kita ada harapan yang mana askar-askar Vietnam akan keluar dari negara Kampuchea.

PELABUR ASING DALAM SYARIKAT PEMBUATAN

4. Tuan Ahmad bin Omar minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan apakah

dorongan, galakan dan syarat-syarat yang dikenakan kepada pelabur asing dalam bidang pembuatan barangan tekstil dan keluaran tekstil, elektronik, elektrik, kimia dan hasil keluaran dari kimia di negara ini dan bagaimanakah kepesatan kemajuan bidang-bidang yang berkenaan.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan dan Perindustrian (Tuan M. G. Pandithan): Tuan Yang di-Pertua, dorongan, galakan dan syarat-syarat yang dikenakan kepada pelabur asing dalam bidang pembuatan tekstil dan barang-barang tekstil, barang-barang elektrik dan elektronik, kimia dan barang-barang kimia di negara ini adalah sama seperti dengan yang terdapat pada pelabur asing dalam bidang-bidang pembuatan yang lain. Seperti Ahli Yang Berhormat sedia maklum, Kerajaan telah pun mengumumkan tentang kelonggaran kepada syarat-syarat penyertaan ekuiti asing dan pengambilan pekerja-pekerja ekspatriat serta kelonggaran kepada peraturan-peraturan yang berkaitan dengan perlesenan di bawah Akta Penyelarasan Perindustrian 1975. Kerajaan telah juga memperkenalkan galakan-galakan baru di bawah Akta Penggalakan Pelaburan 1986 dan menyelaraskan prosedur-prosedur pentadbiran bagi mempercepatkan penubuhan projek-projek perindustrian. Dengan pendekatan-pendekatan baru ini adalah diharap pengaliran masuk pelaburan asing ke dalam semua bidang pembuatan akan bertambah lagi.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pertumbuhan dalam ketiga-tiga bidang berkenaan adalah amat menggalakkan. Bagi tempoh 1980 hingga September, 1988, jumlah pelaburan modal dalam industri tekstil dan barang-barang tekstil adalah sebanyak \$693.6 juta, industri barang-barang elektrik dan elektronik \$3,158.6 juta dan industri kimia dan

barang-barang kimia \$3,729.8 juta. Kadar pertumbuhan pelaburan industri-industri berkenaan untuk tempoh Januari hingga September tahun ini, berbanding dengan tempoh yang sama untuk tahun lepas, adalah sebanyak 72.7% untuk sektor tekstil dan barang-barang tekstil, 92.4% untuk sektor barang-barang elektrik dan elektronik dan bagi sektor kimia dan barang-barang kimia, ianya telah meningkat sebanyak 26 kali ganda.

Tuan Haji Mohamed bin Abdullah: Alhamdulillah, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Jawapan panjang!

Tuan Haji Mohamed bin Abdullah: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Bolehkah pihak Setiausaha Parlimen memberitahu kepada Dewan ini mengenai jumlah perindustrian yang berkaitan, yang dibina di Barat Semenanjung Malaysia, di Timur Semenanjung Malaysia dan di Malaysia Timur. Jadi, berapa dari segi rasionya?

Tuan M. G. Pandithan: Tuan Yang di-Pertua, sukarlah saya menjawab soalan ini.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Mengapa susah itu?

Tuan M. G. Pandithan: Saya tidak mempunyai rekod terhadap soalan ini. Jika Ahli Yang Berhormat hendak jawapan yang lengkap, saya perlu notis untuk menjawab soalan itu.

Tuan Sim Kwang Yang: Tuan Yang di-Pertua, semasa menggalakkan pelaburan dari luar negeri untuk industri-industri tertentu, apakah tekanan telah diberi kepada aspek perlindungan alam sekitar? Adakah pihak Kerajaan melaksanakan Environmental Quality Control Act dengan ketat supaya memastikan bahawa kesihatan rakyat Malaysia pun

perlu dipelihara, ketika kita pun boleh menikmati manfaat yang didatangkan oleh pelabur asing itu. Apakah tekanan yang diberi? Ini senang dijawab—"ya" ataupun "tidak" sahaja.

Kedua, Tuan Yang di-Pertua, apakah langkah yang telah diambil oleh pihak Kerajaan untuk menggalakkan pelaburan bagi tujuan, dengan izin, Research and Development, supaya negara kita akan dapat pengetahuan teknologi baru supaya kita tidak akan menjadi satu transit station bagi syarikat Multinational, yang mana kita import barang-barang komponen dari luar negeri membuat komponen sendiri, eksport lagi kepada syarikat di Los Angeles, contohnya. Ini tidak baik. Adakah perhatian diberi kepada Research and Development? Macam mana negara kita menarik pelaburan untuk tujuan ini?

Tuan M. G. Pandithan: Tuan Yang di-Pertua, sebelum kita meluluskan permohonan untuk menjalankan industri-industri di negara kita, kita mengambil kira segala aspek sebelum kita meluluskan permohonan itu. Itulah sebabnya baru-baru ini Kerajaan kita menubuhkan satu pusat, namanya Pusat.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Pusat apa, lama sangat ini. Sudah berjumpa pusat itu, Yang Berhormat?

Tuan M. G. Pandithan: Pusat itu ditempatkan di MIDA dan dianggotai oleh pegawai-pegawai dari Kementerian Sains dan Teknologi, Jabatan Imigresen, Kementerian Buruh dan sebagainya untuk meneliti semua permohonan sebelum permohonan itu diluluskan.

Kedua, Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan telah pun ada satu badan untuk.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Satu bidang?

Tuan M. G. Pandithan: Satu bidang atau badan (*Ketawa*) supaya kita membuat research. Namanya ialah Institut Sistem Mikro-Elektronik Malaysia (MIMES) untuk membuat penyelidikan dan perkembangan dan reka bentuk keluaran berasaskan sistem mikro elektronik dan juga Kerajaan mendirikan taman teknologi bagi menempatkan industri-industri berasaskan pengetahuan seperti industri elektronik dan mana-mana industri lain.

Tuan Mutang Tagal: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya kepada Setiausaha Parlimen, banyakkah diperkatakan mengenai dengan pelaburan asing di negara kita dan selain daripada memberi peluang pekerjaan kepada rakyat Malaysia, saya ingin tahu pencapaian mengenai dengan "transfer of technology" sebenarnya daripada syarikat asing ini kepada rakyat Malaysia oleh kerana ada satu tuduhan yang mengatakan bahawa jentera-jentera yang dipakai oleh sebahagian pelabur asing dalam bidang pembuatan tekstil, kimia, elektronik dan sebagainya adalah jentera-jentera yang out-dated ataupun lama di pasaran. Jadi saya ingin tahu apakah, kalau benar, bahawa jentera-jentera yang mereka gunakan itu adalah jentera yang lama, apakah langkah yang diambil oleh Kerajaan supaya "state of the technology" digunakan di negara ini mengenai dengan mesin-mesin ataupun jentera yang dipakai oleh pelabur asing supaya memang sebenarnya dalam usaha kita mengambil pelaburan asing datang "transfer of technology" ada dipindah daripada syarikat ini kepada syarikat negara kita?

Tuan M.G. Pandithan: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, "transfer of technology"

sudahpun dimulakan beberapa lama dahulu dan dari semasa ke semasa Kementerian mengadakan perundingan dengan syarikat-syarikat ataupun industri-industri untuk memodenkan machinery supaya negara kita tidak "backward" dari segi machinery ataupun jentera ini.

TUNTUTAN FILIPINA KE ATAS SABAH

5. Tuan Fung Ket Wing minta Menteri Luar Negeri menyatakan perkembangan terbaru mengenai tuntutan Filipina ke atas Sabah, mengapa Malaysia melayan tuntutan ini sedangkan Sabah sudahpun menyertai Malaysia dan keinginan rakyatnya untuk memasuki ke dalam Malaysia telah pun diakui oleh Bangsa-bangsa Bersatu.

15-11-88

15. Tuan Maidom bin Pansai minta Menteri Luar Negeri menyatakan perkembangan terakhir tentang tuntutan Filipina ke atas Sabah. Apakah tindakan yang telah diambil oleh Kerajaan dalam usaha agar pengguguran tuntutan sedemikian ke atas Sabah dapat dipercepatkan demi untuk kepentingan terutama sekali rakyat Malaysia di Sabah dan juga negara Malaysia pada keseluruhannya.

18-11-88

13. Datin Paduka Hajjah Rahmah binti Othman minta Menteri Luar Negeri menyatakan sama ada Kerajaan Filipina telah menggugurkan tuntutannya ke atas Sabah dan jika ya, adakah pihak Dewan Negaranya juga akan menarik balik bil yang akan dibentangkan dalam Dewan itu di mana ianya telah mengenakan syarat-syarat sebelum satu-satu persetujuan dibuat seperti bayaran penuh kepada keluarga Sultan Sulu atas tuntutan kewangan mereka.

Dato Dr Abdullah Fadzil bin Che Wan: Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menjawab soalan ini bersama soalan-soalan daripada Ahli Yang Berhormat dari Kota Belud pada 15hb November, 1988 dan Ahli Yang Berhormat dari Shah Alam pada 18hb November, 1988.

Tuan Yang di-Pertua, penyelesaian isu tuntutan Filipina ke atas Sabah melibatkan beberapa proses dalam negeri Filipina, terutamanya proses perundangan. Pentadbiran Aquino telah berusaha bersungguh-sungguh ke arah ini. Namun demikian, usaha-usaha mereka setakat ini telah menemui jalan buntu, terutamanya yang berpunca dari Bil Senate Filipina yang telah mengenakan beberapa syarat sebelum tuntutan kedaulatan ke atas Sabah digururkan.

Pendirian Kerajaan kita terhadap tuntutan Filipina ke atas Sabah ini adalah tegas dan tidak berubah. Malaysia tidak mengiktiraf tuntutan Filipina ke atas Sabah dan menganggap bahawa isu tuntutan ini sebagai masalah Filipina sendiri dan oleh yang demikian harus diselesaikan oleh Kerajaan Filipina. Malaysia berpendirian bahawa terserahlah kepada Filipina untuk menggururkan tuntutannya ke atas Sabah secara mutlak dan tanpa syarat, apabila ianya telah bersedia untuk berbuat demikian.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Apakah syarat-syarat yang telah disebutkan oleh Yang Berhormat tadi dan bukannya Presiden Corazon Aquino telah mengakui bahawa Sabah adalah tanah kedaulatan Malaysia dan dengan itu apakah pendapat beliau setakat ini sama ada beliau telah mengubah fikirannya?

Dato' Dr Abdullah Fadzil bin Che Wan: Tuan Yang di-Pertua, setakat ini Presiden Aquino masih lagi berpendirian bahawasanya Sabah itu

hak mutlak Malaysia tetapi malangnya sistem Kerajaan di Filipina itu lain daripada setengah sistem yang berada seperti di Malaysia yang mana pihak Kerajaan tidak dapat mempengaruhi Senate di Filipina dan Senate di Filipina telah pun menekankan syarat-syarat yang tertentu sebelum Kerajaan Filipina mengundurkannya ke atas Sabah. Di antara syarat-syarat yang ditetapkan termasuk juga imbuhan kewangan dan berbagai-bagai lagi yang mana kita, pihak Kerajaan Malaysia, langsung tidak mahu menimbangkannya sebab Kerajaan Filipina telah mengatakan bahawasanya mereka sanggup menghentikan tuntutan itu tanpa syarat. Tetapi oleh kerana Senate masih lagi berpengaruh, pihak Kerajaan Filipina sedang berusaha untuk mempengaruhi Senatannya supaya meninggalkan tuntutan itu dengan tanpa syarat.

Dato' Haji Mohammad Abu Bakar bin Rautin Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Dalam sedikit masa kebelakangan ini banyak peristiwa-peristiwa yang telah berlaku yang menyebabkan perhubungan di antara Filipina dengan Malaysia agak kurang baik sedikit seperti peristiwa penangkapan nelayan-nelayan Filipina di Sabah dan juga masalah pelarian Filipina di Sabah. Begitulah juga masalah penentuan sempadan yang sebenarnya di antara Malaysia dan Filipina. Saya ingin tahu apakah tindakan ataupun usaha Kerajaan untuk mengurangkan ketegangan-ketegangan ini di antara Filipina dengan Malaysia supaya dapat mempengaruhi Senate Filipina meluluskan satu undang-undang dan menggururkan tuntutan Filipina terhadap Sabah?

Dato' Dr Abdullah Fadzil bin Che Wan: Tuan Yang di-Pertua, sebagai dua buah negara yang berjiran tentunya kita terpaksa juga

menghadapi beberapa masalah lebih-lebih lagi masalah mengenai dengan membabitkan sempadan di antara sebuah negara dengan sebuah negara yang berjiran. Setakat ini pihak Kerajaan kita dan Kerajaan Filipina telah berjaya mengatasi segala masalah secara diplomasi, secara berpakat dan berunding tanpa penglibatan apa-apa perkara yang boleh merosakkan lagi perhubungan di antara Malaysia dan Filipina. Malangnya terdapat sedikit masalah akhir-akhir ini sebab berpunca dengan perkara-perkara yang dilaporkan oleh setengah-setengah akhbar di Filipina yang bersabit dengan penangkapan 49 nelayan di Sabah yang mana telah pun dibebaskan oleh Kerajaan kita. Ini dibuat oleh kerana mungkin disebabkan masalah di Filipina itu masih lagi banyak dan mungkin untuk mengelakkan ataupun memesongkan pemikiran ataupun tumpuan rakyat jelata di Filipina kepada masalah yang lain, maka perkara itu diperbesar-besarkan. Tetapi daripada segi perhubungan Kerajaan dan Kerajaan, saya kira ianya masih lagi baik dan saya yakin dan percaya walaupun mungkin akan timbul dari semasa ke semasa berbagai masalah bersabit dengan sempadan, kedua-dua buah Kerajaan ini akan dapat mengatasi dengan secara perundingan melalui diplomasi dan politik.

Tuan Maidom bin Pansai: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya tentang sikap Kerajaan Malaysia terhadap tuntutan Filipina ke atas Sabah yang sebenar-benarnya. Tadi dikatakan Kerajaan Malaysia, walau bagaimana sekalipun tidak akan mengiktiraf tuntutan tersebut, tetapi di sini saya dapat lihat bahawa selama ini Kerajaan Malaysia hanya bersikap setakat itu sahaja, selain daripada mengharap Kerajaan Filipina untuk berbuat sesuatu bagi menggugurkan tuntutan itu.

Pertanyaan saya ialah adakah Kerajaan Malaysia hanya bersikap

untuk menunggu sahaja semata-mata kepada Kerajaan Filipina untuk menggugurkan tuntutan itu? Kalau ia, kiranya Kerajaan Filipina tidak membuat sesuatu untuk menggugurkan tuntutan itu, adakah itu bererti bahawa Kerajaan Malaysia hanya akan membiarkan tuntutan itu tergantung-gantung begitu sahaja untuk selama-lamanya. Terima kasih.

Dato' Dr Abdullah Fadzil bin Che Wan: Tuan Yang di-Pertua, tuntutan negara Filipina ke atas Sabah itu tidak langsung melibatkan apa-apa masalah kepada Sabah mahupun Kerajaan Malaysia. Ianya sebagai satu tuntutan yang dibawa oleh sebelah pihak sahaja, dengan izin, unilateral claim by the Philippines, yang mana tidak diiktiraf pun oleh mana-mana negara antarabangsa. Dan oleh kerana ianya tidak menyulitkan pihak negara kita dan Sabah, juga kerana kita ingin memelihara perhubungan baik di antara Malaysia dengan Filipina, kita tidak mahu membuat ataupun mengambil tindakan yang kerap ataupun tergesa-gesa untuk melihatkan supaya tuntutan itu ditarik semula. Kita sanggup menunggu oleh kerana kita kira ini masalah Filipina sendiri, bukan masalah kita. Kepada kita Sabah adalah kepunyaan Malaysia, rakyat Sabah pun sudah mengakui mereka hendak masuk Malaysia, tetapi Filipina masih ingin tuntutan lagi, maka ini masalah mereka sendiri. Ini tidak menyulitkan kita dan kita mahukan masalah ini diputuskan dan diselesaikan oleh Filipina dan Kerajaannya sendiri, yang telah pun dipimpin oleh Presiden dan pemimpin-pemimpin yang memimpin Kerajaan di Filipina.

JAMBATAN MENYEBERANGI SUNGAI PAHANG

6. **Tuan Mohamad bin Abdullah** minta Menteri Kerjaraya menyatakan iaitu adakah Kementerian bercadang untuk membina sebuah jambatan

menyeberangi Sungai Pahang yang akan menghubungkan kawasan Lembaga Kemajuan Wilayah Jengka (LKWJ) dengan DARA melalui Bandar Chenor. Sekiranya bercadang, bilakah projek ini akan dilaksanakan.

Tuan Osu bin Haji Sukam: Tuan Yang di-Pertua, pembinaan jambatan menyeberangi Sungai Pahang yang akan menghubungi kawasan Lembaga Kemajuan Wilayah Jengka (LKWJ) dengan kawasan Lembaga Kemajuan Pahang Tenggara (DARA) melalui Chenor, merupakan projek di bawah tanggungjawab Kerajaan Negeri Pahang.

Saya adalah difahamkan bahawa cadangan projek jambatan ini telah pun dimasukkan di dalam Rancangan Malaysia Kelima. Walau bagaimanapun, peruntukan bagi projek tersebut belum dapat diluluskan lagi.

PELAJAR MENKRIK DASAR KERAJAAN

7. **Dr Tan Seng Giaw** minta Menteri Pendidikan menyatakan:

- (a) setakat ini, apakah usaha-usaha atau jaminan yang telah diberi kepada para belia, khasnya graduan di dalam dan di luar negeri, supaya bebas membuat penilaian-penilaian yang kritis terhadap tindak-tanduk tokoh-tokoh politik yang lepas dan sekarang, serta dasar-dasar Kerajaan. Adakah garis-garis panduan diberi mengenai apa yang boleh diterima oleh Kementerian sebagai "objektif";
- (b) di sebelah pihak yang lain, pada 12 Ogos ini Timbalan Menteri Dalam Negeri mengatakan bahawa ketiga-tiga Kementerian Dalam Negeri, Pendidikan dan Luar Negeri bersama-sama dengan Jabatan-jabatan Perkhidmatan Awam

akan mengambil tindakan terhadap pelajar Malaysia di luar negeri yang mengkritik sesetengah pemimpin negara serta tindak-tanduk mereka; dan

- (c) bukankah ini bercanggah dengan saranan asal Menteri supaya pelajar bebas mengkritik dasar serta pimpinan Kerajaan. Apakah kata akhir ketiga-tiga Kementerian khasnya Pendidikan dalam perkara ini.

Dr Leo Michael Toyad: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada pelajar dan lulusan universiti adalah bebas membuat penilaian ke atas tokoh-tokoh politik dan dasar-dasar Kerajaan, tertakluk kepada peruntukan-peruntukan yang sedia ada. Kerajaan sentiasa mendengar pandangan dan kritik-kritik yang membina dari mana-mana pihak mengenai dasar-dasar yang dijalankan.

Mengenai pelajar-pelajar di luar negeri pula, Kerajaan sentiasa memberikan perhatian dan pengawasan supaya kebajikan dan tujuan mereka dihantar ke tempat-tempat berkenaan mencapai matlamat yang dihasratkan.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Kalau hasrat Kerajaan itu seperti yang disebut oleh Yang Berhormat, mengapa tuduhan-tuduhan sentiasa dibangkitkan dalam akhbar mengenai tindak-tanduk oleh pelajar-pelajar di luar negeri. Adakah ini membuktikan Kerajaan tidak mahu menerima kritikan-kritikan yang dilemparkan ataupun Kerajaan tidak benarkan sama sekali pelajar-pelajar buat sedemikian. Adakah Yang Berhormat di dalam Kementerian berusaha untuk membuat dasar ke atas perkara seperti ini dan adakah Kementerian sanggup memelihara kebebasan untuk bersuara.

Dr Leo Michael Toyad: Tuan Yang di-Pertua, di sini saya ingin menafikan pandangan Ahli Yang Berhormat itu dan pada pandangan saya kita tidak perlu membuat dasar-dasar baru kerana negara kita ini selama ini telah lama mengamalkan dasar demokrasi.

Tuan Shahidan bin Kassim: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Apakah terdapat bukti-bukti yang menunjukkan anasir-anasir dari Malaysia yang tidak sihat yang telah mengacau pemikiran penuntut-penuntut di luar negeri ini, yang menyebabkan kadang-kadang mereka terpesong. Di antara anasir-anasir tersebut yang saya ingin sebutkan di sini ialah seperti Parti-parti Pembangkang seperti DAP dan sebagainya. Adakah bukti-bukti yang mereka telah terlibat mengacau-bilau pemikiran pelajar-pelajar kita di luar negeri?

Dr Leo Michael Toyad: Tuan Yang di-Pertua, mungkin kita juga terdapat laporan-laporan yang tertentu di mana pelajar-pelajar kita telah dipengaruhi atau diketemui oleh pihak-pihak yang tertentu.

Dr Chen Man Hin: Tuan Yang di-Pertua, adakah Timbalan Menteri yang berkenaan faham atau sedia tahu pihak UMNO pun ada banyak Kelab-kelab Student di London, di Britain dan lain-lain tempat, ini menunjukkan UMNO ada menggalakkan penuntut-penuntut di luar negeri berkenaan dengan politik.

Dr Leo Michael Toyad: Tuan Yang di-Pertua, apa soalan Yang Berhormat itu?

Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Dia tidak faham Yang Berhormat, kena sekali lagi.

Dr Chen Man Hin: Yang Berhormat tahukah UMNO ada banyak Kelab.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Dia tidak faham soalan Yang Berhormat. Semula!

Dr Chen Man Hin: Tuan Yang di-Pertua, adakah Timbalan Menteri yang berkenaan tahu ada beberapa Kelab-kelab UMNO di universiti-universiti di Britain untuk menggalakkan penuntut-penuntut di sana campur dalam politik.

Dr Leo Michael Toyad: Tuan Yang di-Pertua, dari maklumat saya, pelajar-pelajar kita di luar negeri adalah menjadi ahli banyak kelab-kelab.

SYARIKAT PERLOMBONGAN BUMIPUTERA

8. **Tuan Law Lai Heng** minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan:

- (a) jumlah permohonan untuk membuka lombong baru yang telah diterima oleh Kementeriannya mengikut negeri sejak tahun 1986 sehingga hari ini; dan
- (b) jumlah syarikat perlombongan Bumiputera dan bukan Bumiputera sejak tahun 1985 hingga bulan September, 1988 di seluruh negara.

Menteri Perusahaan Utama (Dato' Dr Lim Keng Yaik): Tuan Yang di-Pertua, semenjak Skim Merasionalisasikan Bekalan Timah dilancarkan pada 1hb Mac, 1987 oleh Persatuan Negara-negara Pengeluar Timah (ATPC) sehingga bulan September, 1988, Jabatan Galian telah menerima sebanyak 218 permohonan untuk membuka lombong-lombong baru.

Pecahan permohonan-permohonan tersebut mengikut negeri adalah seperti berikut:

Negeri	Jumlah
Perlis	2
Kedah	6

<i>Negeri</i>	<i>Jumlah</i>
Perak	149
Selangor	21
Negeri Sembilan	6
Melaka	1
Johor	10
Pahang	7
Terengganu	15
Kelantan	1

Sebelum Skim ATPC tersebut dilancarkan, angka berkenaan tidaklah sedia ada, akan tetapi kesemua permohonan jika ada telah pun diproses oleh Pengarah Galian di negeri-negeri berkenaan tanpa sebarang sekatan. Walau bagaimanapun, mana-mana lombong yang belum beroperasi pada 1-3-1987 telah dikaji semula dan termasuk di dalam jumlah di atas.

(b) bilangan Syarikat Perlombongan Bumiputera dan bukan bumiputera yang beroperasi di seluruh negara adalah seperti berikut:

<i>Tahun</i>	<i>Bumiputera</i>	<i>Bukan Bumiputera</i>
1985	16	263
1986	10	187
1987	15	206
sehingga Jun 1988	18	197

Walaupun bilangan Syarikat Perlombongan Bumiputera yang rendah itu, tetapi pengeluarannya adalah berbanding dengan pengeluaran perlombongan-perlombongan bukan bumiputera.

Tuan Lee Lam Thye: Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan sektor lombong ini, tadi Yang Berhormat Menteri yang berkenaan ada memberi jawapan tentang permohonan untuk membuka lombong baru di negara kita. Selain daripada itu, bolehkah Yang Berhormat Menteri yang berkenaan menerangkan tentang apakah kedudukan usaha ataupun bantuan yang diberikan oleh pihak Kerajaan

untuk menghidupkan semula lombong-lombong yang terpaksa ditutup waktu harga bijih timah merosot dan bolehkah Yang Berhormat Menteri memberi penjelasan tentang perkara ini.

Datuk Dr Lim Keng Yaik: Tuan Yang di-Pertua, bila pasaran bijih timah telah jatuh pada bulan Oktober, 1985 di mana harga bijih timah telah jatuh sehingga ke suatu paras yang sangat rendah, Kerajaan mula mengadakan satu skim untuk mengadakan satu tabung \$70 juta untuk menolong lombong-lombong yang hendak membuka semula yang mana mereka boleh meminjam dengan tabung ini dengan faedah yang rendah untuk menolong mereka menghidupkan lombong-lombong mereka.

Yang kedua, Kerajaan pada bulan Julai, 1986 telah mengurangkan caj bekalan elektrik kepada lombong-lombong yang menggunakan elektrik untuk menjalankan lombong mereka.

Selain dari itu, ada permohonan dari persatuan-persatuan pelombong untuk mengurangkan harga diesel, tetapi Kerajaan telah mengkaji permohonan ini dan tidak menerima rayuan ini, sebab ini tidak boleh dicampur sama dengan diesel-diesel yang dipakai oleh industri-industri lain.

Selain dari itu, tidak boleh kita macam mana menolong syarikat-syarikat perlombongan untuk menghidupkan semula, sebab ini patuh kepada gred timah, grade of tin ore yang ada di tanah-tanah yang dimiliki oleh mereka dan mereka mesti mengira dalam sesuatu kos pengeluaran yang mana dalam sesuatu perniagaan bolehkah mereka membuka pengeluaran dengan harga pasaran yang ada sekarang. Jika gred-gred timah yang ada di dalam tanah tidak ada justifikasi untuk membuka lombong, saya ingat sebagai seseorang peniaga dia tidak buka lombong lain lagi.

Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya Yang Berhormat mengatakan tadi bahawa lombong bumiputera dari segi peratusnya besar walaupun penglibatan kecil, sebabnya jelas peratusnya besar oleh kerana kita ambil kira MMC misal kata, Peransang sebagai bumiputera, sedangkan ini adalah mewakili corporation-corporation daripada negeri dan negara. Dapatkah Yang Berhormat memberitahu jika ditolak MMC ataupun Peransang dan sebagainya, berapa peratus agaknya lombong bumiputera yang sebenarnya beroperasi. Itu yang pertama.

Yang kedua, adakah program rasionalisasi ATPC ini suatu program yang mandatory, misal kata negara-negara ATPC mesti mengikut ataupun tidak ataupun ianya bergantung kepada harga pasaran bijih timah di pasaran antarabangsa dan apakah pengaruh ITC pula dalam soal ini setelah ATPC membuat satu program rasionalisasi seperti yang disebut oleh Yang Berhormat Menteri tadi.

Datuk Dr Lim Keng Yaik: Tuan Yang di-Pertua, untuk menjawab soalan bahagian (a) di mana bukan peratus dalam bilangan perlombongan bumiputera besar, pengeluaran dari lombong bumiputera adalah berbanding dengan pengeluaran walau bilangan lombong adalah kecil dibandingkan dengan bilangan pelombong bukan bumiputera, tetapi kebanyakan syarikat bumiputera yang menjalankan perlombongan melalui MMC dan Peransang sebagai syarikat yang menggunakan kapal korek. Dan walau mereka tidak mempunyai atau dipunyai oleh pihak seseorang orang Melayu, tetapi pada keseluruhannya syarikat ini dipunyai oleh kaum bumiputera sebagai sesuatu masyarakat dan kebanyakan syarikat MMC telah dipegang oleh Permodalan Nasional Berhad (PNB). Saya tidak ada butir yang mana dalam

menjalankan perlombongan pam kelikir dibandingkan di antara lombong yang dimiliki oleh bumiputera atau yang dimiliki oleh orang bukan bumiputera. Saya tahu ini sangat jauhlah yang mana jumlah bumiputera yang ada lombong yang jalan dengan pam kelikir adalah sangat kecil dibandingkan dengan bukan bumiputera.

Untuk menjawab soalan (b) ialah ATPC adalah suatu persatuan, association berkumpul 7 negara pengeluar bijih timah iaitu Australia, Bolivia, Indonesia, Thailand, Malaysia, Zaire dan Nigeria. Dan dengan sukarela mereka berkumpul dalam persatuan itu dan dalam mesyuarat Menteri-menteri Persatuan Negara-negara Pengeluaran Timah (ATPC), mereka bersetuju dengan sukarela, voluntary agreement untuk menghadkan pengeluaran bijih timah, tidak ada satu undang-undang yang mana kita membuat mandatory untuk mengikut apa yang telah dipersetujui dalam Mesyuarat Menteri ATPC.

Tetapi mengikut pengalaman dua tahun ini yang mana stok over hanging yang ada di pasaran antarabangsa timah adalah sangat tinggi, semua ahli di dalam ATPC telah mengikut apa yang telah dipersetujui dalam Mesyuarat Menteri-menteri ATPC dan termasuk negara Brazil dan PRC ialah negara China yang mana tidak ada menjadi ahli di dalam ATPC tetapi mereka pun setuju mengikutkan skim merasionalisasikan bekalan timah yang dijalankan pada Mac tahun yang lalu.

Dan berkenaan ITC.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat, sudah banyak; masa telah lebih.

Datuk Dr Lim Keng Yaik: Satu sentence lagi. Berkenaan ITC—ITC sudah mati dan sudah ditanam dan tidak ada ITC lagi. (*Ketawa*)

Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Masa sudah cukup.

(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 9 hingga 34 adalah diberi di bawah ini).

BIASISWA KE SEBERANG LAUT

9. Tuan Nurnikman bin Abdullah minta Menteri Pendidikan menyatakan adakah Kerajaan bercadang hendak mengkaji dasar pemberian biasiswa dan mengurangkan penghantaran para pelajar ke seberang laut memandangkan masalah graduan yang menganggur kian bertambah. Setakat ini berapa orang graduan yang tidak bekerja telah ditawarkan kerja. Adakah Kerajaan mempunyai rancangan atau program baru untuk menyelesaikan masalah ini selain dari apa yang telah diadakan.

Dr Leo Michael Toyad: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pendidikan dari semasa ke semasa ada membuat kajian dasar penghantaran pelajar-pelajar ke luar negara berdasarkan kepada keperluan dan kedudukan kewangan.

Setakat ini langkah yang dijalankan untuk mengurangkan bilangan pengangguran di kalangan graduan ialah dengan mengurangkan bilangan penghantaran. Penghantaran penuntut ke luar negara adalah atas sebab kursus yang diambil tidak terdapat di universiti dalam negeri ataupun jenis kursus yang dipohon mempunyai tempat yang terhad di universiti tempatan.

Sehingga ini Kementerian Pendidikan tidak mempunyai perangkaan mengenai bilangan graduan menganggur yang ditawarkan pekerjaan.

Antara langkah-langkah untuk mengurangkan kos penghantaran pelajar-pelajar ke luar negara ialah

dengan mengwujudkan program universiti berkembar (linkages) antara institusi-institusi pengajian tinggi tempatan dan luar negara di mana program tahun satu dan dua diadakan dalam negeri dahulu sebelum pelajar-pelajar berkenaan meneruskan pengajian di luar negara.

Lain-lain langkah yang dijalankan untuk mengurangkan pengangguran di kalangan siswazah ialah dengan melancarkan beberapa program seperti berikut:

- (i) Skim Khidmat Sambilan (SKS).
- (ii) Skim Latihan Khas.
- (iii) Latihan Kemahiran.
- (iv) Penempatan di Sektor Swasta.
- (v) Skim Siswazah Tani.
- (vi) Mendapatkan peluang-peluang latihan amali serta pengalaman bekerja.

KAMPUS ITM CAWANGAN KEDAH

10. Tuan Haji Ghazali bin Ahmad minta Menteri Pendidikan menyatakan adakah rancangan Kementerian untuk mengadakan sebuah pusat pengajian tinggi ITM di Kedah:

- (a) kalau ada bilakah projek tersebut dimulakan;
- (b) anggaran peruntukan dan di mana cadangan ditempatkan; dan
- (c) kalau tidak ada rancangan tersebut mengapa.

Dr Leo Michael Toyad: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pendidikan setakat ini belum lagi bercadang untuk membina Kampus I.T.M. Cawangan Kedah. Kampus baru ITM Cawangan Perlis adalah dijangka dapat menampung pelajar dari kawasan sekitarnya termasuk Negeri Kedah.

PANDANGAN MASYARAKAT ASING TERHADAP MALAYSIA

11. Tuan Haji Abdul Razak bin Haji Abu Samah minta Menteri Luar Negeri menyatakan apakah langkah-langkah yang telah dibuat bagi menerangkan masalah yang sebenarnya berlaku di dalam negara Malaysia yang mana banyak negara-negara luar menganggap Malaysia mengamalkan Dasar Perkauman dan menindas kaum-kaum pendatang terutama tuduhan liar yang dibuat oleh Australia terhadap Malaysia.

Dato' Dr Abdullah Fadzil bin Che Wan: Kementerian Luar Negeri sentiasa mengesan serta meneliti tanggapan dan pandangan masyarakat asing di luar negeri mengenai sebarang perkembangan di Malaysia. Hasil penelitian ini, suka saya nyatakan, pandangan bahawa banyak negara-negara luar menganggap bahawa Malaysia mengamalkan Dasar Perkauman dan menindas kaum-kaum pendatang adalah tidak tepat. Sebenarnya kebanyakan negara luar terutama dari pihak kerajaan-kerajaan sedia memahami dan menghormati dasar-dasar yang dilaksanakan oleh Kerajaan kita untuk menjamin pembangunan Malaysia sebagai sebuah negara merdeka, demokrasi, aman dan bebas. Walaupun demikian kita tidak menafikan tentang adanya anggapan seperti yang disebutkan oleh Yang Berhormat tadi. Anggapan-anggapan ini timbul dari salah faham akan keadaan di Malaysia dan ditambah pula dengan salah faham yang sengaja diputarbelit oleh golongan-golongan dan anasir-anasir tertentu untuk kepentingan-kepentingan mereka sendiri.

Dalam hal ini, perwakilan-perwakilan kita di luar negeri serta pemimpin-pemimpin kita sentiasa memberi penjelasan dan hujah-hujah yang tepat bagi membetulkan salah faham ini. Penjelasan tersebut dijalankan melalui seminar,

persidangan, ceramah kepada pihak-pihak tertentu termasuk pelajar-pelajar Malaysia dan juga pengedaran bahan-bahan maklumat. Di samping itu, Perwakilan-perwakilan kita juga mengambil peluang mengatur perjumpaan-perjumpaan oleh Menteri-menteri dan lain-lain pemimpin-pemimpin negara untuk memberi penerangan dan penjelasan mengenai apa-apa isu yang berbangkit dari masa ke semasa.

PEMERIKSAAN POLIS DI JALAN RAYA

12. Tuan Ting Chek Ming minta Menteri Dalam Negeri menyatakan adakah Kementerian sedar bahawa berikutan dengan pindaan Akta Polis 1967, 2 anggota polis atau sebuah kereta peronda polis bersama-sama dengan 3 ke 4 anggota polis tanpa meletakkan papan tanda telah membuat serang hendap dan menahan pemandu-pemandu untuk pemeriksaan, dan ini telah bercanggah dengan jaminan yang telah diberi oleh Timbalan Menteri Dalam Negeri pada masa perbahasan untuk meminda Aktanya bahawa pihak polis tidak akan menyalahgunakan kuasa dalam pindaan Aktanya.

Timbalan Menteri Dalam Negeri (Dato' Megat Junid bin Megat Ayob): Ada dua undang-undang yang memberi kuasa kepada pegawai-pegawai polis untuk menahan sebarang kenderaan bagi memeriksa pemandu dan penumpang iaitu:

- (i) Akta Polis No. 41/67 (Pindaan 1987)—Seksyen 26 (1);
- (ii) Akta Pengangkutan Jalan 1987—Seksyen 55.

Seksyen 26 (1) Akta Polis No. 41/67 (Pindaan 1987) memberi kuasa kepada mana-mana pegawai polis untuk mendirikan sekatan jalan di mana-mana jalanraya jika difikirkan perlu untuk menjaga dan mengekalkan undang-undang dan ketenteraman awam atau

untuk mencegah atau mengesan jenayah.

Seksyen 55 Akta Pengangkutan Jalan 1987 memperuntukkan mana-mana orang yang memandu sesuatu kenderaan motor di jalan hendaklah memberhentikan kenderaan motor itu apabila dikehendaki sedemikian oleh seseorang pegawai polis berpakaian seragam atau seseorang warden lalulintas berpakaian seragam atau seseorang pegawai pengangkutan jalan berpakaian seragam, dan jika dia gagal berbuat demikian maka dia adalah melakukan suatu kesalahan.

Tindakan dua atau tiga anggota polis atau kereta peronda membuat pemeriksaan di jalanraya adalah mengikut peruntukan Seksyen 55 Akta Pengangkutan Jalan 1987 dan bukan di bawah Seksyen 26 (1) Akta Polis. Langkah ini diambil untuk memastikan pemandu-pemandu dan kenderaan mematuhi undang-undang di jalanraya.

PUSAT KESIHATAN DI KINABATANGAN

13. Tuan Pitting bin Haji Mohd. Ali minta Menteri Kesihatan menyatakan sama ada Menteri menyedari bahawa masyarakat luar bandar terutamanya di kawasan Kinabatangan sangat memerlukan pusat-pusat perubatan atau Dispensary. Kehendak ini didesak oleh kesulitan yang berhadapan dengan mereka:

- (i) faktor perhubungan atau infrastruktur yang sukar menghubungkan dan dihubungi;
- (ii) belanja yang besar, kerana masyarakat di sini adalah terdiri daripada orang-orang miskin, 99% daripada mereka adalah orang yang tidak mempunyai pendapatan, "landless".

Setakat ini mereka terpaksa "bergadaigolok" untuk pergi ke Rumah Sakit Besar Sandakan, ada

pesakit-pesakit luar bandar ini yang mati dalam perjalanan dan kerana ketiadaan pusat-pusat kesihatan ini kadar kematian penduduk luar bandar yang telah tidak terkawal semakin meningkat. Satu sebab juga mengapa patut didirikan pusat-pusat kesihatan di luar bandar adalah untuk menolong mengurangkan masalah kesesakan Rumah Sakit Besar Sandakan yang pada masa ini telah menjadi tumpuan semua lapisan masyarakat Residen Sandakan. Menyedari keadaan ini apakah langkah-langkah yang dibuat oleh Menteri dan Kementeriannya untuk mengatasinya. Kalau ada apakah bentuk tindakan itu, jika tidak tolong jelaskan.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan (Dr Ting Chew Peh): Kementerian Kesihatan sedar bahawa Daerah Kinabatangan adalah merupakan satu daripada kawasan pedalaman di Residen Sandakan yang pada keseluruhannya masih belum dibangunkan. Walaupun sebuah hospital belum lagi disediakan, tetapi penduduk di kawasan tersebut boleh mendapat rawatan serta perkhidmatan kesihatan melalui 5 buah Pusat Kesihatan Fasa I dan 6 buah Klinik Desa. Dalam tempoh Rancangan Malaysia Kelima pula, 8 buah projek telah diluluskan untuk mempertingkatkan lagi tahap perkhidmatan di kawasan tersebut. Daripada 8 buah projek tersebut, 2 projek telah diberi peruntukan untuk dilaksanakan iaitu Kesihatan Fasa I, Sakau dan Klinik Desa Entiliban. Kedua-dua projek ini dijangka siap menjelang 1990.

CUKAI JUDI YANG DIPUNGUT

14. Tuan Haji Ibrahim bin Ali minta Menteri Kewangan menjelaskan berapakah "cukai judi" yang dipungut dari tahun 1984 sehingga September 1988.

Timbalan Menteri Kewangan (Tuan Loke Yuen Yow): Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, cukai judi yang dipungut dari tahun 1984 sehingga September 1988 adalah berjumlah \$1,663,416,140.

SUNTIKAN IMUNISASI RUBELLA

15. Tuan Abdol Mulok Awang Damit minta Menteri Kesihatan menyatakan bilangan wanita kita yang telah diberikan suntikan Rubella dan apakah langkah-langkah Kerajaan untuk memastikan lebih ramai lagi wanita mendapat suntikan tersebut.

Timbalan Menteri Kesihatan (Dato' K. Pathmanaban): Setakat akhir bulan Ogos 1988, jumlah wanita yang telah diberi suntikan imunisasi Rubella ialah 990,607. Dari jumlah ini, 471,484 adalah murid perempuan sekolah menengah dan 519,123 adalah wanita dalam lingkungan umur 15-44 tahun. Jumlah wanita berumur 15-44 tahun yang perlu diberi pelalian dalam tempoh masa 3 tahun yang akan datang ialah 3,380,000 orang.

Sambutan kaum wanita kepada suntikan ini adalah menggalakkan. Untuk memastikan sambutan yang berterusan Kementerian Kesihatan telah menubuhkan Jawatankuasa Pemandu di peringkat negeri dan daerah dengan kerjasama dan penglibatan semua agensi yang berkenaan untuk mengadakan kempen di peringkat negeri dan daerah. Pendidikan kesihatan melalui media massa seperti radio, televisyen dan akhbar-akhbar tempatan dan secara langsung oleh pegawai-pegawai, juga diadakan secara berterusan.

Semua pusat kesihatan menyediakan kemudahan untuk imunisasi Rubella dan klinik-klinik tambahan juga diatur di beberapa daerah untuk menampung permintaan yang tinggi di kalangan wanita. Pasukan kesihatan juga telah

mengadakan sesi imunisasi di kilang-kilang, tempat-tempat kerja, pusat-pusat membeli belah dan lain-lain tempat awam untuk memudahkan wanita mendapatkan imunisasi. Lawatan ke sekolah dibuat untuk memberi imunisasi kepada murid-murid perempuan sekolah menengah.

Pemimpin masyarakat serta tokoh-tokoh politik, ahli-ahli persatuan-persatuan sukarela serta klinik swasta juga diseru membantu Kerajaan dalam menyedarkan masyarakat khususnya mengenai kepentingan imunisasi ini.

SYARIKAT KAWALAN KESELAMATAN

16. Tuan Haji Hussein bin Haji Taib minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:

- (a) jumlah lesen yang dikeluarkan bagi syarikat-syarikat kawalan keselamatan sehingga Oktober 1988 dan berapakah jumlah pegawai-pegawai keselamatan yang dilantik oleh syarikat-syarikat berkenaan;
- (b) apakah syarat-syarat utama bagi mendapatkan lesen-lesen tersebut; dan
- (c) sehingga kini, berapa buahkah syarikat yang beroperasi dengan baik menurut syarat-syarat yang ditetapkan dengan lesen tersebut.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi tahun 1988 sehingga bulan Oktober 1988, sebanyak 99 syarikat telah dikeluarkan lesen bagi menjalankan perkhidmatan kawalan keselamatan. Syarikat-syarikat tersebut telah melantik seramai 20,073 orang pegawai-pegawai keselamatan.

Kesemua pemegang lesen yang telah diluluskan oleh Kementerian Dalam Negeri itu adalah merupakan pembaharuan lesen. Saya suka

menarik perhatian Ahli Yang Berhormat itu bahawa mengikut Seksyen 3 (2) Akta Agensi Persendirian 1971 mana-mana syarikat yang telah memperolehi lesen perlulah membaharui lesen tersebut pada tiap-tiap tahun. Kementerian Dalam Negeri tidak ada mengeluarkan lesen baru dalam tahun 1988.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, kesemua syarikat yang diperbaharui lesen beroperasi dengan baik dan telah mematuhi syarat-syarat yang ditetapkan.

MAS—PERKHIDMATAN KE LUAR NEGERI

17. Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah minta Menteri Pengangkutan menyatakan iaitu di mana akhir-akhir ini Penerbangan Malaysia (MAS) kelihatan begitu aktif sekali mencari destinasi-destinasi baharu dalam operasi penerbangannya. Nyatakan perkhidmatan baru atau perkhidmatan tambahan sejak perkhidmatan mingguan Penerbangan Malaysia (MAS) yang ketiga ke LOS ANGELES dilancarkan pada 3 Ogos, 1987 sehingga sekarang. Setakat manakah pencapaian kejayaannya dalam tempoh itu. Negara-negara manakah yang menjadi tumpuan perhatian MAS pada masa akan datang.

Timbalan Menteri Pengangkutan (Datin Paduka Hajjah Zaleha binti Ismail): Semenjak pelancaran perkhidmatan ketiga Penerbangan Malaysia (MAS) ke Los Angeles pada 3 Ogos 1987, MAS telah pun mengadakan perkhidmatan-perkhidmatan baru pada jalan-jalan berikut:

- (a) Kuala Lumpur—Phuket (Thailand) pergi balik sebanyak dua kali seminggu mulai 4 April 1988 secara usahasama dengan Thai International.

- (b) Kuala Lumpur—Mauritius pergi balik sebanyak satu penerbangan seminggu mulai 1 Mei 1988 secara usahasama dengan Air Mauritius.

Selain daripada itu perkhidmatan baru yang akan diadakan ialah:

- (a) Penerbangan tambahan iaitu penerbangan keempat ke Melbourne dan Sydney mulai November 1988.
- (b) Perkhidmatan pada jalan Kuala Lumpur—Delhi—Karachi pergi balik sebanyak satu penerbangan seminggu mulai Januari 1989.

Di samping itu MAS juga sedang membuat perancangan untuk mengadakan operasi ke destinasi-destinasi baru di Eropah dan Timur jauh.

Walau bagaimanapun, ini adalah tertakluk kepada hasil-hasil rundingan-rundingan yang sedang dijalankan di peringkat Kerajaan.

GURU SANDARAN

18. Datuk Haji Sakaran bin Dandai minta Menteri Pendidikan menyatakan apakah rancangan masa depan pihak Kementerian mengenai perkhidmatan guru-guru sandaran yang ada pada masa ini. Adakah pihak Kementerian mempunyai rancangan untuk menyerap guru-guru tersebut ke dalam perkhidmatan tetap bagi menjamin tenaga pengajar yang cukup dan berpengalaman.

Dr Leo Michael Toyad: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pendidikan mempunyai dua jenis Guru Sandaran iaitu:

- (i) Guru Sandaran Terlatih (GST)
- (ii) Guru Sandaran Tidak Terlatih (GSTT)

Guru Sandaran Terlatih terdiri daripada mereka yang telah

menamatkan latihan perguruan sama ada di Maktab Perguruan atau Universiti. Perlantikan mereka ke dalam kategori Sandaran yang diuruskan oleh Bahagian Perjawatan dan Perkhidmatan, Kementerian Pendidikan adalah sebagai langkah sementara sambil menunggu proses perlantikan tetap selesai diuruskan oleh pihak Suruhanjaya Perkhidmatan Pendidikan.

Guru Sandaran Tidak Terlatih pula adalah mereka yang mempunyai kelayakan akademik tetapi tidak mempunyai Sijil/Diploma Perguruan. Mereka dilantik oleh Pengarah Pendidikan Negeri bagi menampung kekurangan guru-guru terlatih di sesebuah sekolah. Perkhidmatan mereka adalah sementara dan akan ditamatkan apabila Kementerian dapat mengisinya dengan Guru Terlatih. Walau bagaimanapun sebilangan besar daripada Guru Sandaran Tidak Terlatih yang berpengalaman dan mempunyai cukup kelayakan telah pun ditawarkan untuk mengikuti Kursus Perguruan Asas Dalam Cuti (KDC) dan Kursus Perguruan Asas Sepenuh Masa.

PELABUR TAIWAN DI MALAYSIA

19. Tuan Teok Teik Huat minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan:

- (a) bilangan permohonan-permohonan yang dibuat oleh pelabur-pelabur Taiwan untuk mendirikan kilang-kilang di Malaysia sejak tahun 1986 sehingga ke hari ini dan dari permohonan-permohonan ini, berapakah yang telah mendapat kelulusan dari MIDA dan berapakah yang telah benar-benar mendirikan kilang-kilang dengan memberi lokasi jika ada dan jumlah wang modal yang telah dilaburkan;

- (b) sama ada benar bahawa pelabur-pelabur Taiwan memikirkan dua kali untuk melabur di Malaysia disebabkan oleh laporan-laporan berkenaan pertumbuhan ketidakstabilan politik di dalam negara ini di mana telah membuat Perdana Menteri sendiri bersama Menteri Buruh bertindak segera untuk berkunjung ke Taiwan pada bulan Julai diikuti pula dengan Menteri Perdagangan dan Perindustrian bersama dengan Ketua Menteri Pulau Pinang pada bulan September.

Tuan M. G. Pandithan:

- (a) Untuk makluman Yang Berhormat, semenjak tahun 1986 hingga September 1988, sejumlah 168 permohonan untuk mendapatkan lesen pengilangan telah diterima daripada pelabur-pelabur Taiwan. Permohonan-permohonan ini melibatkan jumlah modal pelaburan sebanyak \$795.2 juta. Mengikut perangkaan awal kajian MIDA ke atas Syarikat-syarikat Perkilangan Yang Diluluskan dan Dalam Pengeluaran setakat 31-12-1987, daripada sejumlah 168 permohonan ini, 69 projek telah didirikan. Enam puluh sembilan projek ini melibatkan anggaran pelaburan asing dari Taiwan sebanyak \$29.7 juta. Saya ingin memaklumkan kepada Yang Berhormat walau bagaimanapun bahawa biasanya projek-projek yang telah diluluskan ini memakan masa 1½ hingga 2 tahun untuk dilaksanakan. Oleh itu bilangan projek yang didirikan kelak adalah lebih besar. Lokasi projek-projek yang telah dilaksanakan adalah seperti Lampiran I.
- (b) Memang benar pelabur-pelabur Taiwan berfikir dua kali

sebelum mereka melabur. Seperti lain-lain pelabur mereka perlu menilai dan memilih tempat yang sesuai bagi menguntungkan pelaburan mereka. Persoalan pemilihan ini melibatkan berbagai faktor dan perbandingan di antara Malaysia dengan negara-negara lain sentiasa dilakukan. Oleh sebab inilah, kunjungan-kunjungan dibuat oleh Y.A.B. Perdana Menteri, Y.B Menteri Buruh, Y.B. Perdagangan dan Perindustrian dan Y.A.B. Ketua Menteri, Pulau Pinang ke negara tersebut baru-baru ini. Kunjungan-kunjungan adalah untuk mempengaruhi mereka supaya membuat keputusan melabur di Malaysia dengan memberi penerangan mengenai kemudahan-kemudahan dan insentif yang ditawarkan oleh Kerajaan. Hasil daripada kunjungan-kunjungan ini telah dapat dilihat jika kita perhatikan daripada peningkatan jumlah modal pelaburan dari negara Taiwan sehingga hari ini, iaitu daripada \$10.8 juta dalam tahun 1986 meningkat \$497.9 juta dalam tahun 1988.

Lampiran I

Projek-Projek Perkilangan Dari Negara Taiwan Dalam Pengeluaran Setakat 31-12-1987*

	<i>Bilangan Kelulusan</i>	<i>Anggaran Pelaburan Asing (\$ juta)</i>
1. Sabah	5	2.59
2. Sarawak	5	2.54
3. Pahang	3	0.70
4. Perlis	1	0.11
5. Melaka	3	0.37
6. Kedah	6	6.45
7. Johor	9	9.88

	<i>Bilangan Kelulusan</i>	<i>Anggaran Pelaburan Asing (\$ juta)</i>
8. Negeri Sembilan	1	0.03
9. Perak	7	1.38
10. Pulau Pinang	9	1.97
11. Selangor	15	0.73
12. Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur	5	2.94
	<hr/>	<hr/>
	69	29.69

*(Perangkaan Awal)

Sumber: MIDA

PENDATANG HARAM VIETNAM DI PULAU BIDONG

20. Dr Abdul Hadi bin Derani minta Menteri Luar Negeri menyatakan hasil daripada perbincangan di antara Malaysia dengan Vietnam di atas isu pendatang haram Vietnam yang terlantar di Pulau Bidong. Adakah pihak Hanoi bercadang untuk menerima balik mereka-mereka yang telah lari daripada Vietnam sekiranya dihantar pulang oleh Kerajaan Malaysia.

Dato' Dr Abdullah Fadzil bin Che Wan: Hasil daripada perbincangan di antara Malaysia dengan Vietnam pada 26hb-29hb Ogos, 1988, Kerajaan Vietnam telah menyatakan persetujuannya:

- (i) untuk berusaha menghalang rakyatnya daripada meninggalkan Vietnam secara haram;
- (ii) untuk meluaskan "Orderly Departure Programme (ODP)" sebagai saluran ulung untuk rakyatnya keluar dari Vietnam;
- (iii) untuk menerima semua rakyatnya yang ingin pulang ke Vietnam secara sukarela;

- (iv) Untuk mengambil bahagian secara aktif di dalam Persidangan Antarabangsa mengenai Orang-orang Pelarian Indochina dan Mesyuarat Persediaannya yang akan diadakan di tahun hadapan yang bertujuan untuk mencari penyelesaian yang komprehensif dan berkekal kepada masalah orang-orang Pelarian Indochina.

Mengenai soalan sama ada Hanoi bercadang untuk menerima balik rakyatnya sekiranya dihantar pulang oleh Kerajaan Malaysia, pihak Vietnam telah menyatakan persetujuannya untuk menghantar satu delegasi ke Malaysia tidak lama lagi bagi tujuan membincangkan hal ini.

SEKOLAH MENENGAH TEMANGAN—PEMBINAAN

21. Tuan Haji Mohamed bin Haji Isa minta Menteri Pendidikan menyatakan sama ada beliau sedar bahawa Bandar Temangan dalam kawasan saya mempunyai penduduk seramai lebih daripada 26 ribu, dengan kampung-kampung kecil bertaburan, tetapi bandar ini tidak mempunyai sebuah sekolah menengah untuk kemudahan pelajar-pelajar dan rakyat yang miskin sekitar bandar tersebut, bilakah sebuah Sekolah Menengah akan dibina di Temangan bagi kemudahan pelajar-pelajar agar tidak lagi berulang alik ke Bandar Machang sejauh lebih dari 30 kilometer itu.

Dr Leo Michael Toyad: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pendidikan ada merancang untuk membina sebuah Sekolah Menengah di Kawasan Temangan iaitu Sekolah Menengah Temangan. Kementerian ini sedang dalam proses pengambilan tapak sekolah berkenaan dari pemilik

persendirian pembinaan sekolah tersebut akan dilaksanakan apabila urusan pengambilan tapak tadi telah selesai.

PELANCONG KE MALAYSIA

22. Tuan Haji Mohamed bin Haji Isa minta Menteri Kebudayaan dan Pelancongan menyatakan memandangkan berbagai galakan untuk menarik lebih ramai pelancongan datang ke Malaysia, juga Malaysia akan menjadi tuan rumah bagi Persidangan Ketua-Ketua Komenwel kelak:

- (a) berapa peratuskah jumlah pelancong yang datang ke Malaysia mulai dari 1 Jan. 1988 sehingga 31 Sept. 1988, serta berapakah hasil pendapatan Kerajaan dari pelawat-pelawat asing jika dibandingkan dengan tempoh yang sama bagi tahun 1987;
- (b) berikan angka-angka rakyat asing manakah yang ramai sekali melawat Malaysia, dan juga bagi rakyat Malaysia ke Negeri manakah yang ramai sekali melancong; dan
- (c) apakah langkah-langkah serta persiapan bagi Negara kita untuk menyambut Persidangan Ketua-ketua Komenwel dalam konteks pelancongan, dan adakah Ketua-ketua Komenwel itu akan melawat setiap negeri di Malaysia.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan (Tuan Abdul Raman bin Suliman):

- (a) Jumlah pelancong yang melawat Malaysia dari bulan Januari hingga bulan September 1988 dianggarkan sebanyak 2,598,350 iaitu 7.3 peratus lebih tinggi dari tempoh yang sama tahun lalu. Hasil yang

diperolehi untuk jangka masa ini dalam tahun 1988 dianggarkan bertambah sebanyak 11.3 peratus iaitu M\$1,268.5 pada tahun 1987.

- (b) Rakyat dari negara-negara ASEAN adalah yang paling ramai melancong ke Malaysia. Dianggarkan 1,729,420 pelancong Singapura dan 178,390 pelancong dari Thailand melawat Malaysia bagi tempoh Januari 1988 hingga September, 1988. Ini diikuti oleh negara Jepun, Britain, Australia, USA, Hong Kong, Indonesia, India, Taiwan, West Germany. Bagi rakyat Malaysia pula Singapura merupakan destinasi pelancongan yang paling digemari.
- (c) Dari segi pelancongan, rancangan-rancangan yang diatur bagi menyambut Persidangan Ketua-Ketua Kommenwel adalah seperti berikut:
- (i) menyediakan pakej-pakej lawatan dalam negeri bagi mereka yang ingin melancong.
 - (ii) menyediakan kemudahan produk dan infrastruktur pelancongan di tempat-tempat tertentu, terutama tempat-tempat yang akan dilawati oleh Ketua-Ketua Kommenwel seperti Pulau Langkawi.
 - (iii) mengatur pertunjukan-pertunjukan kebudayaan semasa persidangan tersebut.
 - (iv) menjaga kebersihan dan mengindahkan tempat-tempat yang akan di lawati terutamanya di Bandaraya Kuala Lumpur.

Mengenai negeri-negeri yang akan dilawati oleh Ketua-Ketua Kommenwel, dijangkakan mereka hanya dapat melawat Pulau Langkawi dan Melaka sahaja dan bukan setiap negeri di Malaysia oleh kerana kesuntukan masa.

AMARAN HAD LAJU KENDERAAN

23. Tuan Hu Sepang minta Menteri Pengangkutan apakah yang telah terjadi kepada rancangan untuk memaksa kenderaan berat untuk menggunakan alat amaran kelajuan (speed warning device) dan sila nyatakan mengapa hingga sekarang rancangan ini tidak dilancarkan.

Datin Paduka Hajjah Zaleha binti Ismail: Penggunaan alat amaran had laju di kenderaan-kenderaan berat ditangguhkan oleh kerana Kementerian ini sedang dalam usaha untuk mengkaji had-had laju kenderaan. Oleh kerana kajian semula had laju kenderaan melibatkan beberapa agensi Kerajaan, ianya mengambil sedikit masa lagi untuk disiapkan. Walau bagaimanapun, Kementerian Pengangkutan berharap bahawa had-had laju baru akan ditetapkan pada bulan November akan datang.

HUBUNGAN MALAYSIA DENGAN RUSSIA

24. Dato' Haji Zakaria bin Haji Abdul Rahman minta Menteri Luar Negeri menyatakan sama ada hubungan yang bertambah erat antara Malaysia dengan Komunis Russia akhir-akhir ini merupakan suatu lencongan kepada Dasar Luar yang diamalkan oleh negara kita selama ini, terutama Dasar ZOPFAN dan Dasar Hubungan SAMAJARAK antara Malaysia dengan Kuasa-Kuasa Besar seperti PRC, USSR dan USA.

Dato' Dr Abdullah Fadzil bin Che Wan: Sebagaimana yang Ahli Yang Berhormat sedia maklum, Malaysia adalah sebuah negara berkecuali. Adalah menjadi dasar luar kita mengadakan hubungan yang baik dengan kuasa-kuasa besar seperti Amerika Syarikat, Republik Rakyat China dan Soviet Union serta juga negara-negara lain tanpa mengira sistem politik dan ekonomi sesebuah negara.

Berkaitan dengan hubungan kita dengan Soviet Union, sukacita saya tegaskan bahawa usaha-usaha untuk mengeratkan hubungan dua hala tidaklah merupakan sebagai satu lencongan kepada dasar luar kita. Sebenarnya usaha-usaha ini adalah bertujuan mengseimbangkan hubungan kita bersesuaian dengan dasar berkecuali yang disebut di atas. Sebagai perbandingan peringkat kerjasama dua hala yang ujud sekarang ini di antara Malaysia dengan Soviet Union adalah jauh lebih rendah jika dibandingkan dengan apa yang ujud di antara Malaysia dengan Amerika Syarikat. Oleh yang demikian adalah dirasakan perlu kita meningkatkan lagi hubungan kita dengan Soviet Union dalam bidang-bidang tertentu yang akan mendatangkan faedah bersama dan atas prinsip tidak campur tangan mengenai hal-hal dalam negara masing-masing.

PEMULAUAN KELAS DI SMJK SHAN TAO LIKAS

25. Tuan Hsing Yin Shean minta Menteri Pendidikan menyatakan pada pagi 14hb Julai pelajar-pelajar SMJK Shan Tao Likas (Sabah) telah memulaukan kelas selama dua jam kerana tidak berpuashati dengan pentadbiran sekolah dan ada guru-guru yang mereka sukai telah bertukar ke tempat lain, apakah langkah-langkah yang diambil oleh

Kementerian beliau untuk mengatasi masalah ini. Dan memandangkan majoriti dari guru-guru tidak senang dengan pengetua kerana tidak berbuat sesuatu ke atas disiplin pelajar-pelajar, apakah Kementerian beliau akan menukarkan pengetua tersebut ke sekolah lain. Jika tidak, mengapa.

Dr Leo Michael Toyad: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pendidikan melalui Jabatan Pendidikan Negeri Sabah telah menyasat isu pelajar-pelajar SMJK Shan Tao Likas (Sabah) dan mendapati bahawa masalah tersebut telah diatasi melalui perundingan di antara pihak-pihak terlibat. Jabatan Pendidikan Negeri masih mengawasi keadaan sekolah berkenaan semenjak pemulauan kelas itu berlaku hingga sekarang supaya perkara yang sama tidak berulang.

Semenjak kejadian itu, Jabatan Pendidikan Sabah telah mengawasi mereka dan juga perjalanan sekolah berkenaan. Sehingga sekarang keadaan telah dapat dikawal dan sekolah berjalan dengan baik.

Pengetua tersebut tidak ditukarkan kerana tidak ada sebab untuk berbuat demikian kerana beliau adalah seorang yang bertanggungjawab dan menjalankan tugasnya dengan baik.

(Soalan No. 26. Sila lihat jawapan No. 23 pada 19-10-88)

ANGKATAN TENTERA— KEMALANGAN YANG DIALAMI

27. Dato' Haji Zainal Abidin bin Zin minta Menteri Pertahanan menerangkan berapa banyakkah kerugian wang dan kehilangan nyawa yang dialami oleh Angkatan Tentera DiRaja dan Angkatan Laut DiRaja Malaysia atas kemalangan-kemalangan yang berlaku di laut dan di udara serta berapakah pula bilangan

kapal terbang-kapal terbang pejuang/pelatih yang terhempas dan bilangan kapal Angkatan Tentera DiRaja yang tenggelam sejak 1978 hingga 1988.

Timbalan Menteri Pertahanan (Dato' Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha): Soal kerugian yang dialami oleh Angkatan Tentera agak sukar dinyatakan dengan tepat kerana ianya tergantung kepada apakah jenis kemalangan yang dialami. Kerugian wang dalam Angkatan Tentera Udara DiRaja mungkin boleh didasarkan kepada jumlah pesawat yang terhempas.

Untuk maklumat Ahli Yang Berhormat dan Dewan yang mulia ini bilangan pesawat yang terhempas sejak 1978 adalah sebanyak 17 buah kesemuanya dan pecahannya adalah seperti berikut:

- 8 buah pesawat Tebuan
- 5 buah pesawat A4 Skyhawk
- 3 buah pesawat F5 dan
- 2 buah MB 339

Manakala kejadian kemalangan yang melibatkan kapal-kapal TLDM di laut sejak tahun 1970 sehingga 1988 ialah sebanyak 3 kali, iaitu 2 kejadian pelancaran dan satu kejadian kapal tenggelam di laut. Sementara jumlah kehilangan nyawa akibat kemalangan di laut ialah 2 anggota telah terkorban dan 3 hilang di laut. Terdapat juga kemalangan kecil yang tidak melibatkan nyawa atau kerugian besar berlaku di sepanjang tempoh tersebut.

Di dalam usaha untuk menghindari kejadian-kejadian yang tidak diinginkan ini, ATM sentiasa mengikuti dan mematuhi undang-undang peraturan-peraturan dan prosedur-prosedur yang telah ditetapkan terutama sekali yang melibatkan keselamatan.

HICOM—KEUNTUNGAN DAN KERUGIAN ANAK SYARIKAT

28. Tuan Lee Lam Thye minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) bagaimanakah prestasi Perbadanan Perindustrian Berat Malaysia (HICOM) sejak dimulakan dalam tahun 1980 dan bukannya satu kenyataan bahawa walaupun ia telah meminjam dan membelanjakan dengan banyak semua projek raksaksa, tidak satu pun yang menghasilkan untung, jika benar, mengapa?
- (b) berapa banyak kerugian telah terkumpul oleh HICOM sehingga 31-3-1988 dan apakah kerugian itu; dan
- (c) apakah kemajuan yang telah dibuat setakat ini dalam menyusun dan memulihkan semula pengurusan Perusahaan Otomobil Nasional Berhad (PROTON) Perwaja Terengganu dan Kilang Simen di Pulau Langkawi, apakah sebab salah pengurusan itu berlaku dalam ketiga-tiga projek HICOM ini dan apakah tindakan yang telah diambil terhadap mereka yang terlibat.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Datuk Kasitah bin Gaddam):

- (a) Perbadanan Industri Berat Malaysia Bhd (HICOM) sejak ditubuhkan pada 27hb November 1980, sebagai syarikat induk telah mencatatkan keuntungan terkumpul berjumlah \$46.709 juta. Walau bagaimanapun di peringkat kumpulan, HICOM mengalami kerugian terkumpul sebanyak \$206.381 juta dalam tahun yang berakhir pada 31-3-1987.

Adalah tidak benar bahawa semua projek yang dijalankan oleh HICOM itu rugi. Bagi makluman Yang Berhormat, daripada enam anak syarikatnya, sebanyak tiga syarikat itu mendapat keuntungan. Bagi syarikat bersekutu pula yang berjumlah enam buah syarikat, sebuah syarikat sudah pun membuat keuntungan.

- (b) Saya tidak dapat memberi kedudukan prestasi HICOM sehingga 31-3-1988 kerana penyata kewangan syarikat-syarikat berkenaan sedang di audit sekarang.
- (c) Di antara langkah-langkah yang telah diambil untuk memperbaiki prestasi syarikat-syarikat HICOM ialah penyusunan semula pengurusan beberapa syarikatnya iaitu Perusahaan Otomobil Nasional Sdn Bhd (PROTON) dan Perwaja Trengganu Sdn Bhd (PTSB). Sebagaimana Yang Berhormat sedia maklum, tiga pegawai kanan dari Mitsubishi Motors Corporation (MMC) dan Mitsubishi Corporation of Japan (MC) telah dilantik mulai 1hb Ogos sebagai Pengarah Urusan, Pengurus Besar Korporat (Perancangan Korporat) dan Pengurus Besar Korporat (Perniagaan) Proton.

Bagi Perwaja Trengganu Sdn Bhd, Pengarah/Pengurus Besar yang baru iaitu Yg. Bhg. Dato' Eric Chia telah dilantik pada bulan Mei 1988. Sementara bagi kilang simen di Pulau Langkawi, kedudukannya sedang dipertimbang dalam rancangan mengrasonalisasi industri simen negara.

Adalah tidak benar bahawa kerugian yang dialami oleh HICOM adalah disebabkan oleh salah pengurusan. Untuk makluman Yang Berhormat bahawa

kerugian yang dialami oleh HICOM adalah disebabkan perkara-perkara berikut:

- (1) Kenaikan dalam nilai matawang Yen Jepun menyebabkan kos faedah bagi syarikat-syarikat subsidiari yang terlibat dengan pinjaman Yen melambung tinggi. Contohnya, bagi tahun kewangan 1986/87, jumlah kerugian pertukaran matawang asing bagi syarikat PTSB, KCSB dan Proton berjumlah \$106.317 juta berbanding dengan \$82.623 juta dalam tahun kewangan 1985/86.
- (2) Keadaan pasaran yang lembab.
- (3) Projek-projek industri berat memerlukan tempoh kandungan (long gestation period) yang lama untuk membangun. Kerugian projek di peringkat awal memang dijangkakan.

Bagaimanapun langkah yang positif akan terus diambil untuk memajukan prestasi syarikat-syarikat HICOM termasuk penyusunan semula jadual pinjaman, menembusi pasaran eksport, mengrasonalisasi industri yang sama di negara ini di samping mengemaskan pengurusan syarikat berkenaan.

PEKERJA DI JABATAN PARIT DAN TALIAIR—BILANGAN

29. Tuan Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan minta Menteri Pertanian menyatakan sama ada sedar atau tidak bahawa pekerja-pekerja JPT tidak cukup di suatu-suatu tempat tidak seperti di zaman sebelum merdeka dahulu. Kalau sedar kenapakah pekerja-pekerja itu tidak ditambah sedangkan negara mempunyai banyak pekerja-pekerja yang menganggur.

Timbalan Menteri Pertanian (Dato' Alexander Yu Lung Lee): Pada amnya

bilangan pekerja-pekerja di Jabatan Parit dan Tali Air adalah mencukupi untuk melaksanakan berbagai aktiviti Jabatan.

Seperti mana yang Yang Berhormat sedia maklum, adalah menjadi hasrat Kerajaan untuk mengecilkan saiz Perkhidmatan Awam; dan selaras dengan itu Jabatan Parit dan Tali Air akan mengekalkan kakitangan yang sedia ada. Untuk menggunakan tenaga manusia dengan lebih berkesan, JPT telah mengambil tindakan dari masa ke semasa bagi menempatkan semula (redeploy) kakitangan dari sesuatu projek yang siap dilaksanakan dan di mana tenaga pekerja tidak diperlukan kepada projek-projek yang memerlukan tambahan kakitangan.

Di samping itu sekiranya timbul masalah kekurangan tenaga pekerja pada tempoh tertentu khasnya dalam bidang kerja pengendalian dan penyelenggaraan seperti membersihkan parit, taliair, sungai dan sebagainya JPT mengambil langkah mengswastakan aktiviti-aktiviti sedemikian sama ada melalui sebut-harga atau gotong-royong. Oleh yang demikian tidak timbul masalah kekurangan pekerja-pekerja.

Bagaimana pun sekiranya Yang Berhormat dapat memberikan maklumat-maklumat yang lebih tepat, kita akan membuat kajian yang lebih terperinci.

KOLEJ SELATAN DI JOHOR— PENUBUHAN

30. Tuan Chian Heng Kai minta Menteri Pendidikan menyatakan:

- (a) perkembangan kemaskini berhubung dengan permohonan untuk menubuh Kolej Selatan di Johor; dan
- (b) sama ada kelayakan kemasukan ke Kolej Selatan terbuka kepada murid-murid Sekolah

Menengah Cina (Persendirian) mempunyai Sijil Senior Middle III.

Dr Leo Michael Toyad:

- (a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pendidikan telah pun memberi kelulusan secara prinsip kepada permohonan menubuhkan Kolej Selatan di Johor. Salah satu asas pertimbangan untuk menubuhkan Kolej tersebut adalah ianya didiri dan didaftarkan di tapak yang berasingan daripada Sekolah Menengah Foon Yew.
- (b) Kelayakan masuk ke Kolej Selatan adalah Sijil Pelajaran Malaysia ataupun kelulusan yang setaraf dengannya. Oleh sebab itu soalan sama ada Kolej tersebut dibuka kepada murid-murid Sekolah Menengah Cina yang mempunyai Sijil Senior Middle III tidak timbul.

DASAR EKONOMI BARU— PENYERTAAN BUMIPUTERA

31. Tuan Mohamad Subky bin Abdul Raof minta Perdana Menteri menyatakan sebab kegagalan mencapai kadar 30 peratus penyertaan Bumiputera dalam bidang perniagaan dan perindustrian dalam konteks Dasar Ekonomi Baru.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato' Dr Siti Zaharah binti Haji Sulaiman): Pertanyaan Yang Berhormat dijawab bersama-sama dengan soalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Tuan Lee Lam Thye pada 10-10-1988 yang lalu oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri. Oleh itu tiada sebarang jawapan tambahan yang akan dibuat bagi soalan tersebut.

KES TUNTUTAN KECIL

32. Tuan Samson Chin Chee Tsu minta Menteri Kehakiman menyatakan jumlah kes-kes tuntutan kecil yang telah direkodkan dan diselesaikan atau diketepikan oleh Mahkamah Majistret Kelas Dua di setiap negeri sejak ianya dimulakan. Sejauh manakah operasi tersebut telah berjaya. Sekiranya tidak, mengapa.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato' Oo Gin Sun): Jumlah kes-kes tuntutan kecil yang telah direkodkan dan diselesaikan oleh Mahkamah Majistret Kelas Dua di setiap negeri sejak ianya dimulakan pada 1-8-1987 di Semenanjung Malaysia dan 1-9-1987 di Borneo ialah seperti berikut:

<i>Negeri</i>	<i>Jumlah Kes Didaftarkan</i>	<i>Jumlah Kes Diselesaikan</i>
Wilayah Persekutuan	6,096	4,347
Perlis	210	110
Kedah	333	193
Pulau Pinang	2,087	1,346
Perak	2,418	1,565
Pahang	1,310	878
Selangor	3,975	1,591
Melaka	827	429
Johor	1,894	650
Negeri Sembilan	933	569
Kelantan	1,290	604
Terengganu ..	577	381
Sabah	4,413	2,193
Sarawak	1,235	554
JUMLAH ..	27,598	15,410

Pada permulaannya Mahkamah Majistret Kelas Dua yang mendengar kes-kes tuntutan kecil menghadapi beberapa masalah kecil seperti pihak penuntut tidak faham cara-cara mengisi dan mengfail borang-borang tuntutan tetapi setelah keterangan serta tunjuk ajar diberi kepada mereka masalah ini telah dapat diatasi dengan baik. Di samping itu satu "Buku Panduan Atas Tuntutan Kecil" sedang disediakan oleh Jabatan Kehakiman dan ini akan diedarkan kepada orang ramai kelak.

LAWATAN PERDANA MENTERI KE TAIWAN

33. Tuan Fung Ket Wing minta Menteri Luar Negeri menyatakan sama ada benar Y.A.B. Perdana Menteri telah melawat Taiwan secara senyap pada 18hb Julai, 1988; nyatakan tujuan lawatan beliau itu dan sama ada lawatannya itu mengingkari dan menjejaskan perjanjian dua hala antara Malaysia dan Republik Rakyat China; apakah langkah-langkah yang akan diambil untuk membaiki keadaan ini.

Dato' Dr Abdullah Fadzil bin Che Wan: Memanglah benar Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah membuat lawatan persendirian ke Taipei pada bulan Julai. Tujuan lawatan tersebut adalah untuk memberi gambaran yang jelas mengenai peluang-peluang pelaburan di Malaysia kepada sektor swasta di Taiwan.

Lawatan itu dibuat tanpa publisiti untuk mengelakkan spekulasi atas dasar satu China (one China) yang dipatuhi oleh Kerajaan.

Di sini perlulah ditekankan bahawa Kerajaan mengiktiraf Taiwan sebagai wilayah bahagian negara Republik Rakyat China. Berkaitan dengan perkara ini saya juga ingin menjelaskan bahawa mengikut persefahaman yang dicapai dengan

Kerajaan Republik Rakyat China pada tahun 1974 tidak terdapat apa-apa peruntukan yang menyekat Malaysia mengada dan meneruskan hubungan muhibbah di peringkat rakyat ke rakyat (people to people) dan hubungan perdagangan dan ekonomi yang tidak melibatkan hubungan resmi. Yang Berhormat tentulah sedar bahawa Pemerintah Republik Rakyat China juga tidak menentang sikap kita itu.

KEMPEN SEMARAK

34. Tuan R. Karpal Singh minta Menteri Penerangan menyatakan jumlah wang keseluruhannya yang telah dibelanjakan untuk Kempen Semarak setakat ini. Dan sejauh manakah kempen ini telah memberikan sumbangan kepada kepentingan negara.

Menteri Penerangan (Dato' Mohamed bin Rahmat): Jawapan bagi soalan ini adalah sama seperti jawapan bagi soalan No. 11 dari Yang Berhormat Ahli dari Bukit Mertajam yang dijawab di Dewan yang mulia ini pada 11-10-1988. Kementerian ini tidak ingin membuat tambahan kepada jawapan tersebut.

USUL

WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN YANG DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT

3.40 ptg.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Datuk Kasitah bin Gaddam): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa Dewan ini mengikut peruntukan Peraturan Mesyuarat 12 dan 14 (1) hendaklah ditangguhkan hingga pukul 4 petang esok, Jumaat, 21hb Oktober, 1988, apabila tamat

mesyuarat hari ini untuk hanya Yang Berhormat Menteri Kewangan mengemukakan Rang Undang-undang Perbekalan 1989 bagi bacaan kali yang kedua dan membentangkan Usul Anggaran Pembangunan 1989 dan sebaik sahaja lepas itu Dewan ini hendaklah ditangguhkan hingga hari Selasa, 25hb Oktober, 1988.

Menteri Buruh (Tuan Lee Kim Sai): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa usul ini dipersetujukan.

Usul dikemukakan bagi diputuskan, dan disetujui

Diputuskan,

Bahawa Dewan ini mengikut peruntukan Peraturan Mesyuarat 12 dan 14 (1) hendaklah ditangguhkan hingga pukul 4 petang esok, Jumaat 21hb Oktober, 1988, apabila tamat mesyuarat hari ini untuk hanya Yang Berhormat Menteri Kewangan mengemukakan Rang Undang-undang Perbekalan 1989 bagi bacaan kali yang kedua dan membentangkan Usul Anggaran Pembangunan 1989 dan sebaik sahaja lepas itu Dewan ini hendaklah ditangguhkan hingga hari Selasa, 25hb Oktober, 1988.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG SYARIKAT (PINDAAN)

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

3.34 ptg.

Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Dato Kok Wee Kiat): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon

mencadangkan bahawa satu Rang undang-undang bernama Akta untuk meminda Akta Syarikat 1965 dibaca bagi kali yang kedua.

Tuan Yang di-Pertua, tujuan Rang Undang-undang (Pindaan) ini ialah untuk meminda Akta Syarikat 1965 bagi melicinkan lagi jentera pentadbiran dan penguatkuasaan Akta Syarikat tersebut. Selain daripada itu, Rang Undang-undang (Pindaan) ini juga telah mengambil kira beberapa pindaan berbangkit berikutan dari pindaan-pindaan yang telah dibuat di masa lalu.

Tuan Yang di-Pertua, Akta Syarikat 1965 adalah satu Akta yang membolehkan pengusaha-pengusaha menubuhkan berbagai jenis organisasi koporat untuk menjalankan perniagaan mereka. Ia juga menetapkan, antara lain, acara tertentu bersabit dengan penubuhan syarikat, perlembagaannya, hubungannya dengan anggota-anggota dan para piutangnya, pengurusan dan pembubarannya. Sejak penguatkuasaan Akta ini dalam tahun 1965, beberapa pindaan telah dibuat sejajar dengan pendedaran masa dan perkembangan yang pesat di dalam sektor koporat. Kali ini pindaan-pindaan yang dicadangkan tidak melibatkan implikasi secara langsung ke atas sektor koporat pada keseluruhannya. Rang Undang-undang (Pindaan) ini dibentangkan mencadangkan hanya 5 pindaan kepada Akta tersebut.

Pindaan yang pertama ialah pindaan kepada Seksyen 7. Pindaan ini adalah dibuat bagi membolehkan pembayaran yuran-yuran yang perlu dibayar kepada Pendaftar Syarikat di bawah Akta Syarikat 1965 dibuat dengan cara selain daripada tunai. Dengan pindaan ini, kuasa akan diberi kepada Menteri untuk menetapkan berbagai cara untuk memungut bayaran yuran umpama melalui penggunaan

setem atau melalui sistem akaun GIRO sebuah bank, misalnya Bank Simpanan Nasional. Kemungkinan juga di masa hadapan, apabila wujudnya satu sistem yang sewajar, syarikat-syarikat akan boleh memfail dokumen-dokumen dengan cara elektronik di samping membuat bayaran yuran dengan cara elektronik juga.

Tuan Yang di-Pertua, Seksyen 7A yang baru adalah dimasukkan daripada beberapa permohonan yang diterima daripada badan-badan berkanun dan agensi-agensi Kerajaan supaya diberi pengecualian dari membuat pembayaran kepada Pendaftar Syarikat apabila mereka membuat urusan dengan pejabat itu. Pada masa ini, Pendaftar Syarikat tidak mempunyai kuasa di bawah Akta Syarikat 1965 untuk memberi pengecualian kepada mana-mana pihak dari membuat bayaran apabila mereka membuat permohonan mendapat maklumat-maklumat syarikat. Sungguhpun demikian, secara amalan, Pendaftar Syarikat telah memberi pengecualian kepada permohonan-permohonan yang diterima daripada Kementerian-kementerian dan Jabatan-jabatan Kerajaan, tetapi bukan kepada badan-badan berkanun dan agensi-agensi Kerajaan seperti Bank Negara Malaysia dan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja. Beberapa buah badan-badan berkanun dan agensi-agensi Kerajaan tersebut telah membuat permohonan supaya dikecualikan juga dari kehendak membuat bayaran yuran di atas alasan bahawa maklumat-maklumat syarikat yang diminta adalah bagi maksud menjalankan tugas-tugasnya di bawah undang-undang yang ditadbir olehnya. Dengan kemasukan Seksyen 7A yang baru, Menteri akan mempunyai kuasa untuk menimbangkan permohonan-permohonan yang tersebut dan memberi pengecualian dari kehendak membuat bayaran yuran kepada mana-mana badan-badan berkanun

atau agensi-agensi Kerajaan yang difikirkan sewajarnya.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi pindaan ketara yang telah dicadangkan adalah pindaan kepada Seksyen 113 yang bertujuan membuat penyerahan simpanan memorandum pelepasan gadaian mandatori. Pada masa ini, tidak semua syarikat-syarikat yang telah mewujudkan gadaian terhadap harta-hartanya bagi kepentingan pemberi pinjaman menyerah simpan memorandum pelepasan gadaian ke pejabat Pendaftar Syarikat apabila sesuatu pinjaman telah dijelaskan ataupun sesuatu harta telah dilepaskan dari gadaian. Pihak syarikat hanya menyerah simpan dokumen yang berkenaan mengikut sesuka hatinya ataupun mengikut pertimbangan sendiri oleh kerana peruntukan Seksyen 113 yang ada sekarang tidak mewajibkannya berbuat demikian. Oleh kerana itu fail sebuah syarikat yang disimpan di pejabat Pendaftar Syarikat tidak akan memberi gambaran yang kemaskini mengenai kedudukan pinjaman-pinjaman yang diperolehi oleh syarikat itu dan serta gadaian-gadaian yang masih wujud.

Tuan Yang di-Pertua, dengan membuat penyerah-simpanan memorandum pelepasan gadaian mandatori seperti yang dicadangkan maka penyimpanan rekod berhubung dengan pewujudan dan pelepasan gadaian oleh Pejabat Pendaftar Syarikat akan menjadi lebih kemaskini dan lebih berfaedah kepada orang awam yang memeriksa fail-fail syarikat.

Tuan Yang di-Pertua, pindaan-pindaan yang lain adalah pindaan yang kecil yang perlu dibuat berikutan dari pindaan-pindaan yang telah dibuat melalui Akta Syarikat (Pindaan) terdahulu dan tidak mempunyai kesan besar.

Tuan Yang di-Pertua, seperti yang saya telah katakan tadi, pindaan-pindaan ini adalah dicadangkan bagi melicinkan lagi jentera pentadbiran dan penguatkuasaan Akta Syarikat 1965 dan tidak mempunyai implikasi secara langsung ke atas sektor koporat.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Timbalan Menteri Buruh (Dato Wan Abu Bakar bin Wan Mohamed): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah bahawa satu Rang Undang-undang bernama suatu Akta bagi meminda Akta Syarikat 1965 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Yang Berhormat dari Padang Terap.

3.53 ptg.

Dato' Dr Affifudin bin Haji Omar (Padang Terap): Tuan Yang di-Pertua, dalam suasana pembangunan ekonomi kita, pindaan-pindaan kepada Akta Syarikat 1965 perlu dibuat dari semasa ke semasa untuk mensesuaikan kehendak-kehendak perdagangan di masa kini. Pindaan-pindaan ini mestilah dibuat dengan tujuan semata-mata untuk memberi insentif-insentif kepada usahawan-usahawan, baik dari luar negeri mahupun dari dalam negeri. Kegigihan sesuatu sistem ekonomi dapat dilihat dari banyaknya berlaku transaction di dalamnya. Sifat dinamis ini perlu ditingkatkan lagi dengan memberikan kemudahan-kemudahan kepada syarikat-syarikat untuk mengembangkan perniagaan masing-masing.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengambil bahagian dalam perbincangan ini dengan mengemukakan beberapa isu kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Hujah saya bermula dengan satu proposition, dengan izin, yang mengatakan bahawa dengan memperbanyakkan perniagaan-perniagaan di negara kita, maka suatu mobilisasi sumber ekonomi yang maksimum boleh dicapai. Ini seterusnya akan menggerakkan ekonomi kita pada tahap keaktifan yang tinggi dan justeru itu pembangunan ekonomi akan berlaku dengan pesatnya.

Tuan Yang di-Pertua, pendaftaran syarikat-syarikat di negara kita dilakukan dengan prosedur yang mudah, tidak susah untuk sesiapa menubuh apa-apa bentuk syarikat sekalipun. Apa-apa bentuk syarikat perniagaan di negara ini dapat ditubuhkan dengan senang. Syabas saya ucapkan kepada pihak Kerajaan. Dan dengan adanya pindaan-pindaan di dalam Akta Syarikat 1965 ini iaitu seperti yang dibentangkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri, khususnya di dalam Seksyen 7 (14), kemudahan-kemudahan di dalam hal ini ditambahkan lagi. Oleh itu, Tuan Yang di-Pertua, segala kemudahan untuk memperbanyakkan permit perniagaan di negara ini telahpun wujud. Tetapi persoalan saya yang pertama ialah adakah ianya akan menggerakkan ekonomi kita pada tahap keaktifan yang tinggi, at the highest level of activity, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua.

Marilah kita teliti keadaan yang berlaku sekarang. Pemerhatian saya sepintas lalu menunjukkan bahawa walaupun banyak syarikat-syarikat ditubuhkan di negara kita, banyak pula yang ditutup dan dimasukkan ke dalam receivership oleh bank-bank dan juga creditors yang lain, lebih-lebih lagi di dalam masa tiga tahun yang lalu apabila berlaku recession di negara kita. Di dalam iklim biasa pun kadar pembubaran ataupun penutupan syarikat adalah tinggi. Oleh itu, di dalam ketiadaan statistik yang konkrit, saya pohon supaya

Kementerian membuat kajian untuk mendapatkan statistik ini supaya kita lebih tahu mengenai keadaan ini. Walau bagaimanapun, saya mengatakan di sini kalaulah kadar penutupan syarikat adalah melebihi kadar penubuhan syarikat, maka tentu sekali proposition yang pertama yang saya kemukakan tadi iaitu faktor memperbanyakkan perniagaan di negara ini akan tiada lagi dan sebaliknya andainya kadar penubuhan syarikat hanya sama atau lebih sedikit sahaja daripada kadar penutupan syarikat, maka penggerakan ekonomi kita akan berlaku dengan kadar yang lembab. Mengapakah hal ini berlaku, Tuan Yang di-Pertua?

Sebab pertama, pada pendapat saya ialah ketiadaan atau kekurangan peluang berniaga lantaran monopoli oleh sebilangan syarikat-syarikat besar ataupun syarikat-syarikat yang dipunyai oleh Kerajaan ataupun yang dipunyai oleh orang-orang yang berpengaruh. Di dalam pasaran umum, general consumer market, dengan izin, syarikat-syarikat kecil dan sederhana selalu sahaja dihimpit keluar oleh syarikat-syarikat besar yang established melalui persaingan harga yang artificial, dengan izin. Misalannya apabila sebuah department store ataupun dipanggil "supermarket" di negara kita ini ditubuhkan di satu-satu tempat, segala kedai-kedai kecil yang menjual kain misalnya, yang menjual kasut ataupun yang menjual barang-barang runcit keperluan rumah akan menjadi meleset. Ini berlaku kerana supermarket-supermarket itu pada satu-satu masa akan menurunkan harga sesuatu barang sehingga ke bawah paras kos, tetapi menaikkan harga barang-barang lain.

Misalnya untuk keterangan lanjut, sesiapa yang pergi ke supermarket tersebut akan tertarik dengan harga susu misalnya yang terlalu murah

tetapi dengan terpampangnyanya barang-barang lain di tempat-tempat yang sama yang dinaikkan sedikit harganya, bukan susu sahaja yang akan dibeli oleh orang-orang yang tertarik dengan harga murah tadi, malahan barang-barang ini pun dibeli juga iaitu barang-barang yang dinaikkan harga melebihi daripada harga yang berpatutan.

Tuan Yang di-Pertua, dengan mengeksploitasikan psikologi pengguna sebegini, yakni secara sorong dan tarik ini, pengguna-pengguna akan bertumpu ke supermarket-supermarket ini. Tarikan-tarikan ini berlaku dengan kuat lagi apabila pengiklanan-pengiklanan yang mempunyai unsur-unsur penipuan dibuat. Misalnya poster-poster dan banner-banner yang memberitahu mengenai jualan murah, jualan Hari Raya, ataupun jualan Krismas ataupun jualan Deepavali ataupun jualan hari raya Cina yang dipasang di sepanjang tahun untuk menarik para pembeli yang tidak tahu bahawa apa yang didakwa itu adalah tidak betul. Maka terhapuslah kedai-kedai kecil yang berdekatan.

Di dalam pasaran institusi, dengan izin, institutional market pula, syarikat-syarikat kepunyaan Kerajaan melenyapkan saingan dari syarikat swasta lantaran advantages yang dipunyai oleh syarikat-syarikat Kerajaan ini. Di dalam segala tender-tender yang mana syarikat Kerajaan terlibat selalunya saingan lain akan tertewas. Prinsip yang berbunyi "tidak semestinya tawaran yang paling rendah diterima" menyediakan pentas untuk pemilihan yang subjektif dan arbitrary, sehingga menjadi tidak bermakna lagi, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua, pihak Kerajaan telah menunjukkan kesedaran tentang hakikat-hakikat yang saya sebut itu. Ini dicerminkan oleh tindakan-tindakan yang telah diambil berapa lama dahulu seperti menghalang syarikat-syarikat

Kerajaan mengambil bahagian di dalam mana-mana tender yang dikeluarkan oleh agensi-agensi yang memilikinya. Tindakan oleh Unit-unit Penguatkuasa Kementerian Perdagangan dan Perindustrian ke atas supermarket-supermarket yang membuat iklan yang mengelirukan dan pemeriksaan mengejut ke atas harga-harga barang sedikit sebanyak mengatasi masalah ini. Tetapi, Tuan Yang di-Pertua, segala tindakan yang diambil oleh pihak Kerajaan itu pada pendapat saya hanya membawa kesan sementara sahaja.

Untuk memastikan suatu suasana perdagangan yang bebas dari kemungkinan-kemungkinan berlakunya apa yang saya sebutkan tadi, saya cadangkan supaya Kerajaan mengkaji kemungkinan diwujudkan satu Rang Undang-undang yang menghalang monopoli atau apa yang dipanggil "anti-trust law" seperti yang diadakan di Amerika Syarikat. Rang Undang-undang ini mestilah bertujuan membolehkan sesiapa sahaja yang mempunyai sumber-sumber ekonomi berniaga dan bersaing di dalam pasaran bebas secara adil. Sesiapa yang cekap menjalankan perniagaannya akan terus hidup dan sesiapa yang kurang cekap terpaksa berundur lantaran kerugian. Tujuan pasaran bebas ialah untuk memastikan, dengan izin, "the survival of the most efficient". Kriteria ini bukan ditentukan oleh orang lain selain daripada pengguna.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun tidak ada pasaran bebas yang 100% bebas di dunia ini, mana-mana usaha untuk meningkatkan tahap kebebasan setinggi-tinggi akan mengukuhkan sistem ekonomi yang kita anuti ini iaitu sistem kapitalistik. Adalah tidak salah Kerajaan memainkan peranan campur tangan di dalam pasaran untuk memastikan keadilan di mana keadilan belum ada.

Misalannya penglibatan syarikat-syarikat Kerajaan di dalam pasaran adalah semata-mata untuk memberi peluang dan tenaga "handicap" kepada bumiputera yang selama ini tertinggal di dalam bidang perdagangan dan industri pengeluaran. Tetapi apa yang kita bimbang ialah syarikat-syarikat Kerajaan ini menjadi "ends in themselves", dengan izin, yakni mereka akan wujud terus sebagai syarikat-syarikat Kerajaan tanpa memindahkannya kepada usahawan-usahawan bumiputera yang layak menerimanya. Pada hal tujuan Kerajaan menubuhkan mereka ialah sebagai "means" atau alat untuk meneroka bidang-bidang perdagangan dan pengeluaran yang belum diceburi oleh bumiputera. Syarikat-syarikat ini mesti dinilai kejayaannya dari segi prestasi perdagangan atau pengeluaran sepertimana kita menilai syarikat-syarikat lain iaitu syarikat-syarikat swasta. Elemen-elemen subsidi Kerajaan mesti disifatkan sebagai kos kepada syarikat-syarikat Kerajaan ini kerana apabila diberi kepada usahawan bumiputera nanti kekuatannya adalah kekuatan tulin bukan kekuatan sementara lantaran disokong oleh subsidi.

Tuan Yang di-Pertua, jikalau hendak kita bandingkan dengan manusia biarlah syarikat-syarikat ini menjadi seperti seorang yang kuat hasil dari "exercise" ataupun riadahnya bukan kuat hasil dari meminum tonik-tonik kekuatan yang hanya memberi kekuatan sementara sahaja.

Sehubungan dengan ini, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin merujuk kepada pindaan kepada Seksyen 7 iaitu penambahan Seksyen baru 7A yang berbunyi dan, dengan izin, saya quote:

"The Minister may, by order published in the *Gazette*, exempt any statutory body or government agency from paying any or all of the

fees specified in the Second Schedule or prescribed under this Act."

Tuan Yang di-Pertua, pengecualian ini, kalau banyak, menambahkan kebimbangan yang saya sebut tadi. Apabila agensi-agensi Kerajaan yang berkecimpung di dalam bidang perdagangan diberi pengecualian sebegini, kalau banyaklah, Tuan Yang di-Pertua, ianya bermakna satu keadaan yang artificial diwujudkan yakni kekuatan mereka adalah kekuatan palsu. Segala kos yang dikecualikan itu tidak akan tertunjuk di dalam neraca kira-kira mereka.

Justeru itu apabila ianya diserahkan kepada usahawan bumiputera maka kelemahan ini akan menjejaskan perjalanannya apabila dipegang oleh bumiputera itu. Oleh itu, Tuan Yang di-Pertua, saya menyeru supaya faktor ini diambil kira oleh mana-mana syarikat Kerajaan yang hendak diserahkan kepada usahawan-usahawan bumiputera. Pindaan ini ada baiknya dari segi membolehkan syarikat Kerajaan menjalankan kerjanya tanpa halangan kekurangan modal. Tetapi seperti apa yang saya katakan tadi biarlah ianya dikuatkan betul-betul sebelum diserahkan kepada usahawan bumiputera.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyeru pihak Kerajaan supaya menyerahkan syarikat-syarikat yang viable sebanyak-banyaknya kepada usahawan-usahawan bumiputera melalui program penswastaaan yang dijalankan sekarang.

Pada masa ini sudah ada banyak bumiputera yang berkebolehan menguruskan syarikat-syarikat perniagaan dan kilang-kilang pengeluaran. Tidaklah perlu diberi semuanya kepada Permodalan Nasional Berhad (PNB).

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

Saya cadangkan supaya PNB mengambil alih syarikat-syarikat besar sahaja yang profitabilitinya tidak begitu tinggi kerana PNB ada kebolehan membaikinya. Biarlah syarikat-syarikat yang sederhana dan yang kecil-kecil yang mempunyai kadar keuntungan yang tinggi diberi kepada usahawan-usahawan bumi-putera. Apa yang berlaku sekarang, Tuan Yang di-Pertua, adalah sebaliknya. Saya harap perkara ini ditimbang semula oleh Kerajaan untuk kebaikan semua.

Tuan Yang di-Pertua, satu daripada insentif-insentif yang perlu diambil kira secara serius ialah penurunan corporate tax. Saya telah bercakap berkali-kali mengenai hal ini di dalam Dewan yang mulia ini semenjak dua tahun yang lalu. Usaha kita untuk membangun sektor korporat negara bukan sahaja tertumpu kepada usaha menarik pelaburan dari luar negeri yang mana walaupun corporate tax tidak diturunkan, insentif-insentif lain masih ada seperti "tax holidays", "locational incentives" dan lain-lain lagi.

Tetapi kita mesti sedar, Tuan Yang di-Pertua, bahawa pelaburan dari luar negeri hanya merupakan sebahagian dari dunia perdagangan dan pengeluaran kita sahaja. Yang sebahagian lagi iaitu perlabur-pelabur dan usahawan-usahawan anak negeri adalah penting juga ataupun mungkin lebih penting. Merekalah yang sebenarnya menjadi akar tunjang kepada pembangunan sektor industri kita. Kemudahan-kemudahan perlu diberi kepada mereka untuk mengembangkan perniagaan mereka di samping kita menarik pelabur-pelabur asing dengan segala insentif-insentif dan kemudahan-kemudahan yang kita sediakan.

Tuan Yang di-Pertua, syarikat-syarikat tempatan kebanyakannya tidak dapat mengambil kesempatan untuk package incentives yang saya

sebut tadi. Ini ialah kerana mereka ada tanah sendiri misalnya yang terletak di luar kawasan-kawasan yang mendapat tax holidays. Ada juga di kalangan mereka yang telah pun menjalankan usaha-usaha mereka sebelum insentif-insentif ini diwujudkan. Oleh itu insentif yang sesuai kepada mereka ialah penurunan corporate tax yang kadarnya pada masa ini ialah 40% + 5% development tax, iaitu satu kadar yang tertinggi di dunia ini.

Saya mengucapkan terima kasih dan syabas kepada pihak Kerajaan telah mengeneppikan kadar insentif atau kadar excessive profit tax tidak berapa lama dulu. Tetapi saya cadangkan di sini supaya diturunkan kadar corporate tax kepada 30% agar bukan sahaja pelabur-pelabur asing akan berduyun-duyun datang malah usahawan-usahawan tempatan akan menjadi bertambah gigih menjalankan perniagaan masing-masing.

Tuan Yang di-Pertua, dasar liberal di dalam pembangunan ekonomi yang dianuti oleh Kerajaan kita pada masa ini adalah satu pencetus kepada pembangunan sektor korporat. Liberalisma ini dicerminkan di dalam program penswastan oleh pihak Kerajaan yang mana peranan campur tangan Kerajaan di dalam pasaran bebas adalah diminimakan. Ini bermakna sektor swasta mesti memainkan peranan yang lebih di dalam pembangunan ekonomi negara pada masa ini.

Tuan Yang di-Pertua, untuk mempercepatkan penglibatan sektor swasta di dalam peranan ini, alangkah baiknya koporat teks diturunkan kepada tahap yang saya cadangkan itu. Di dalam satu sesi dahulu Dewan yang mulia ini diberitahu oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan apabila beliau menjawab soalan saya, bahawa shortfall di dalam pendapatan Kerajaan adalah hanya \$500 juta sahaja, andainya koporat teks diturunkan kepada tahap 30%.

Saya pasti shortfall ini boleh diatasi berganda-ganda apabila banyak lagi syarikat-syarikat diwujudkan dan menjalankan perniagaan dan seterusnya pengeluaran mereka pada tahap yang lebih tinggi dan membayar cukai kepada Kerajaan.

Kerajaan patut sedar bahawa tahap pendapatan yang tidak dapat diperolehi dari margin selalunya di atasi oleh pendapatan dari business volume yang tinggi, dengan izin. Prinsip perniagaan ini adalah sesuai diaplikasikan kepada penurunan kadar korporat teks ini dan akibat-akibatnya.

Tuan Yang di-Pertua, apabila diambil kira hujah-hujah saya ini, maka barulah proposition, dengan izin, yang saya bentang di awal ucapan saya tadi boleh berlaku di alam nyata. Justru itu barulah wujud suasana perniagaan yang baik sesuai dengan usaha-usaha yang dijalankan oleh Kerajaan seperti yang diperuntukkan di dalam Akta Syarikat yang dibuat pindaan pada hari ini.

Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali saya ingin mencadangkan supaya Jabatan Pendaftaran Syarikat mengurangkan centralisationnya yang pada masa ini menjejaskan kecekapan. Misalannya, adalah sangat susah untuk mendapatkan apa-apa maklumat mengenai sesuatu syarikat dari Pejabat-pejabat Wilayah seperti di Kedah, Perlis hingga ke Sabah. Saya mendapat tahu bahawa setengah-setengah fail syarikat berada di dalam status floating ataupun fail terapung sampai setahun lamanya akibat dari sistem centralisation ini. Alangkah baiknya jikalau jabatan ini di decentralisekan sekurang-kurangnya di dalam menyimpan maklumat untuk menentukan satu sistem pentadbiran dan permakluman yang lebih cekap.

Tuan Yang di-Pertua, saya pohon menyokong Rang Undang-undang ini dan terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Tebrau.

4.14 ptg.

Puan Siti Zainabon binti Abu Bakar (Tebrau): Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengambil bahagian dalam perbincangan Rang Undang-undang bagi meminda Akta Syarikat 1965.

Kebelakangan ini beberapa pindaan telah dilakukan ke atas Akta Syarikat 1965 bagi melicinkan lagi pengawasan syarikat-syarikat berdaftar oleh Kerajaan dan pengurusan syarikat-syarikat berdaftar itu sendiri oleh pengarah-pengarahnya.

Dengan pindaan-pindaan yang dibuat, penekanan dibuat terhadap peranan tugas dan tanggungjawab Pengarah-pengarah Syarikat, denda-denda yang tinggi terhadap syarikat-syarikat dan Pengarah-pengarahnya jika tidak mematuhi peraturan-peraturan Akta Syarikat 1965 ini. Tanggungjawab seorang Pengarah Syarikat adalah tanggungjawab yang berat dan bukan satu jawapan yang glorified, dengan izin, dan dipikul bersama tidak kira Pengarah berjawatan executive ataupun bukan executive. Penyerahan akaun dengan Pendaftar Syarikat dalam tempoh yang singkat selepas penutupan akaun iaitu 6 bulan selepas penutupan akaun merupakan satu perkara yang masih belum dapat dipatuhi oleh kebanyakan syarikat-syarikat berdaftar. Pengarah-pengarah Syarikat adalah bertanggungjawab menyelesaikan akaun-akaun untuk dibentangkan di Mesyuarat Agung dan juga menyerahkan akaun yang telah diaudit kepada Pendaftar Syarikat. Perkara ini pada pendapat saya memanglah penting bagi mendisiplinkan syarikat-syarikat menyiap dan mengemaskinikan segala perihal kewangan mereka kerana tanggungjawab Pengarah yang utama ialah kepada pemegang-pemegang saham syarikat yang telah melabur

wang mereka dalam syarikat tersebut dan memberi kepercayaan kepada Pengarah-pengarah tersebut untuk mengendalikan pelaburan mereka dengan sewajarnya.

Walau bagaimanapun, kedudukan pada masa ini adalah menjadi perkara biasa bagi syarikat-syarikat berdaftar terutamanya syarikat-syarikat sendirian berhad dan syarikat berhad yang tidak dipasarkan di Bursa Saham, tidak dapat mematuhi syarat pembentangan akaun mereka mengikut seksyen 16 (9) (1) Akta Syarikat 1965. Apa yang mereka lakukan ialah memohon lanjutan masa dari Pertubuhan Syarikat dan atas sebab-sebab tertentu Pendaftar Syarikat boleh memberi masa lanjutan Semenjak Mac/April tahun ini, nampaknya permohonan lanjutan masa ini tidak dilayani oleh Pendaftar Syarikat dan memandangkan peruntukan-peruntukan dalam Akta Syarikat 1965 begitu ketat boleh diramalkan banyak syarikat-syarikat dan Pengarah-pengarah Syarikat akan dikenakan denda yang tinggi kerana kelewatan penyerahan akaun dan lain-lain perkara berkaitan.

Di sini ingin saya mengetahui dan saya harap dalam jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri akan memberitahu apakah yang dimaksudkan "special reasons", dengan izin, atau sebab-sebab tertentu yang boleh dipertimbangkan oleh Pendaftar Syarikat. Punca-punca kelewatan syarikat menyiapkan dan menyerahkan akaun mereka memang banyak, seperti beban kerja, pertukaran pengurusan, penyusunan semula syarikat dan juga didapati hampir 50% syarikat-syarikat berdaftar mempunyai 31hb Disember sebagai tarikh penutupan akaun. Oleh itu begitu sukar bagi Firma-firma Akauntan dan Juru Audit untuk menyelesaikan akaun-akaun syarikat dalam tempoh 6 bulan yang telah ditetapkan.

Selain dari itu kita dapati apabila ekonomi negara mula merosot pada pertengahan tahun 80an, banyak syarikat-syarikat kecil dan sederhana mengalami kerugian dan ada yang hampir gulung tikar. Berikutan itu, kedudukan kewangan syarikat sangat lemah, hampir mereka tidak mampu membayar kos audit, kos perakaunan dan lain-lain kos. Kebanyakan syarikat-syarikat seperti ini menjadi syarikat dormant atau shelved company, dengan izin. Apabila ekonomi pulih, ada syarikat-syarikat yang tidak bergerak dahulu mula pulih dalam bidang perniagaan mereka. Apabila sudah membangun semula, barulah mereka mengemaskinikan rekod-rekod syarikat. Masalah yang timbul ialah apabila penyata-penyata mereka diserahkan kepada Pendaftar Syarikat, mereka dikenakan denda yang sangat tinggi.

Saya diberitahu mengikut maklumat-maklumat yang diterima dari Firma-firma Akauntan didapati ada syarikat-syarikat yang dua tahun lewat didenda \$10,000; lima tahun lewat \$24,000; tiga tahun lewat \$9,000. Maklumat-maklumat seterusnya saya difahamkan sedang dikumpulkan oleh Institut Akauntan Malaysia. Bagi syarikat-syarikat yang belum ada perniagaan atau baru hendak mula pulih perniagaan mereka, denda yang keterlaluan sangat berat hendak dipikul. Bagaimana syarikat-syarikat ini mampu membayar denda yang begitu tinggi jika saham berbayar hanya \$2 wang di tangan \$2 dan tiada harta lain. Serupa juga jika tuntutan dibuat ke atas Pengarah-pengarah Syarikat, kemungkinan mereka juga tidak mampu membayar denda-denda yang begitu tinggi. Saya sedar dari segi kewangan Kerajaan akan mendapat keuntungan yang lebih dan saya ingin tahu juga berapa banyakkah denda-denda yang telah dikenakan di atas kesalahan-kesalahan di bawah Akta Syarikat 1965 dalam tahun ini?

Juga mengikut pengetahuan saya, setakat ini ada lebihkurang 170,000 syarikat-syarikat yang didaftarkan dan masih banyak yang lewat menyerahkan penyata tahunan akaun mereka. Saya khuatir jika syarikat-syarikat ini tidak mampu membayar denda-denda yang tinggi, berapa ramaikah Pengarah-pengarah yang akan dimasukkan ke dalam penjara kerana tidak mampu membayar denda. Walaupun ignorant of the law is no excuse, dengan izin, tetapi dalam perkara ini, saya ingin mencadangkan supaya Kerajaan memberi amnesty period, dengan izin, atau masa penangguhan bagi syarikat-syarikat mengemaskinikan akaun-akaun dan rekod-rekod mereka. Juga bukan hanya tanggungjawab setiausaha syarikat, akauntan syarikat dan juruaudit syarikat memberitahu dan memberi nasihat kepada syarikat-syarikat perihal denda yang tinggi yang akan dikenakan, tetapi juga saya harap Kerajaan akan memberi kesedaran kepada masyarakat korporat tentang "no-nonsense attitude", dengan izin, yang akan diambil oleh Kerajaan dalam hal ini selepas masa "amnesty period" nanti.

Selain dari itu, Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini tiada peruntukan di dalam Akta Syarikat 1965 yang memerlukan juruaudit membuat ulasan ke atas laporan pengarah-pengarah di mana kadang-kadang ada yang bercanggah dengan butir-butir dalam penyata akaun. Oleh itu dicadangkan supaya Akta Syarikat 1965 membuat peruntukan bagi juruaudit membuat laporan ke atas perkara-perkara yang bercanggah di antara laporan pengarah-pengarah dan penyata akaun yang telah diaudit. Akta Syarikat 1965 pada masa ini juga tidak ada memberi format tertentu yang perlu diikuti oleh syarikat-syarikat apabila menyediakan penyata-penyata kewangan. Oleh itu adalah dicadangkan supaya Akta ini memperuntukkan format tertentu supaya penyata-penyata kewangan

boleh disediakan dengan secara uniform seperti dilakukan oleh Bank Negara bagi bank-bank.

Dengan itu, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Besut.

4.21 ptg.

Dato' Haji Zakaria bin Haji Abdul Rahman (Besut): Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kerana diberi peluang untuk saya mengambil bahagian di dalam membahaskan Rang Undang-undang bernama suatu Akta bagi meminda Akta Syarikat 1965. Saya mengambil peluang yang berharga ini untuk menyentuh satu perkara sahaja, iaitu penyertaan bumiputera khususnya di dalam syarikat-syarikat perniagaan.

Kita merasa amat bangga dan bertuah kerana Dasar Ekonomi Baru telah memberi kejayaan yang nyata kepada penyertaan bumiputera, khususnya di dalam lapangan perniagaan dan perusahan terutama sekali di dalam dekad pertama Dasar Ekonomi Baru, iaitu kira-kira pada awal tahun 70an hinggalah kepada pertengahan tahun 80an. Kejayaan penyertaan bumiputera ini sangat jelas terutama sekali telah ramai yang berjaya menerokai memasuki sektor korporat dan juga mengambil bahagian di dalam lain-lain lapangan termasuklah sektor profesional, tetapi keadaan dan kejayaan ini telah berubah dan menjadi sebaliknya pada pertengahan tahun 80an sehinggalah pada hari ini. Pada masa ini rata-rata diperkatakan termasuk juga di dalam Dewan yang mulia ini baru sahaja kita mendengar ucapan-ucapan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat yang memperkatakan kegagalan bumiputera di dalam bidang ini di sana-sini. Kegagalan ini adalah merupakan kegagalan kepada Dasar Ekonomi Baru yang sangat mendukacitakan kita

sekalian yang ingin melihat kejayaan dasar ini kerana kita yakin melalui kejayaan Dasar Ekonomi Baru ini akan dapat mengubah struktur masyarakat kita dan akan membuka peluang dan mengubah kedudukan taraf bumiputera yang pada dahulunya dianggap di tahap yang rendah tetapi kita harap akan dapat berubah dapat bersama-sama dengan rakan-rakan rakyat negara kita daripada keturunan yang lain yang telah lebih maju di dalam bidang perniagaan.

Tuan Sim Kwang Yang: (*Bangun*)

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, ada yang bangun.

Tuan Sim Kwang Yang: Point of order. Saya minta maaf kepada Yang Berhormat yang sedang bercakap tadi, tak ada cukup kuorum.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, sila bilang. Setiausaha. 20—tak cukup kuorum. Sila bunyikan loceng.

(*Loceng dibunyikan*).

Tuan Yang di-Pertua: Minta dibilang semula. 30—sudah cukup kuorum. Sila teruskan.

Dato' Haji Zakaria bin Haji Abdul Rahman: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya sedang membicarakan soal penyertaan bumiputera di dalam bidang perniagaan dan saya tengah menyebut bahawa kegagalan penyertaan bumiputera di dalam bidang ini adalah juga merupakan kegagalan di dalam Dasar Ekonomi Baru dan saya juga menyebut keadaan ini sangat mendukacitakan kita sekalian dan nyata perkara ini berlaku kerana pada masa ini dan beberapa tahun yang lalu kita dapati bukan sahaja syarikat-syarikat kepunyaan bumiputera yang kecil-kecilan terpaksa gulung tikar, tetapi syarikat-syarikat besar, syarikat-syarikat korporat kepunyaan bumiputera atau usahasama yang diambil bahagian oleh bumiputera juga menghadapi masalah

yang sama. Akibatnya kita dapati banyak hartabenda kepunyaan bumiputera termasuklah tanah-tanah yang tergedai dan akhirnya telah terlelong dan banyak pula bumiputera usahawan-usahawan ahli-ahli peniaga yang telah pun dilatih khusus di bawah Dasar Ekonomi Baru ini yang telah mempunyai pengalaman dan kebolehan yang telah menjadi harapan yang satu hari mungkin menunjukkan sinar yang cerah kepada kejayaan bangsa kita pada masa ini telah gagal dan telah pun menjadi bankrap. Keadaan ini lebih mendukacitakan apabila secara nyata kita tidak dapat melihat usaha-usaha yang serius dijalankan oleh pihak Kerajaan untuk memperbaiki atau mengatasinya.

Tuan Yang di-Pertua, banyak sebab-sebab telah diperkatakan. Saya hanya hendak menarik perhatian atas beberapa sebab di antara sebab-sebab yang pernah diperkatakan itu. Pertama, kegagalan ini berpunca daripada kemudahan-kemudahan dan peluang-peluang yang semakin terhad daripada setahun ke setahun, khususnya terhadap syarikat-syarikat bumiputera. Mungkin juga peluang ini menjadi terhad kerana kesilapan pihak berkuasa melaksanakan beberapa dasar tertentu dengan tidak cermat. Umpamanya sebagai contoh, mungkin juga oleh sebab dasar-dasar penswastaan, dasar-dasar penyerahan projek-projek secara "package" di mana akan mengurangkan peluang-peluang terutama sekali bagi syarikat-syarikat kecil untuk menyertai atau untuk mengambil bahagian.

Kebanyakan syarikat-syarikat kecil yang telah mengeluarkan modal secara berhempas-pulas untuk memulakan usaha dan perniagaan masing-masing dan setengah-setengahnya telah pun membeli peralatan dan persiapan tertentu, apabila dalam setahun dua sahaja tidak memperolehi peluang-peluang atau projek-projek dan sebagainya, sudah tentu mereka tidak

mampu untuk bertahan lebih lama lagi dan akhirnya mereka terpaksa gulung tikar.

Sebab yang kedua ialah terdapat penindasan terhadap setengah-setengah atau boleh dikatakan kebanyakan daripada usahawan-usahawan, peniaga-peniaga atau syarikat-syarikat kepunyaan bumiputera. Penindasan ini berlaku dengan berbagai cara, sungguhpun barangkali sukar kita hendak membuktikan dengan nyata, tetapi hal ini diperkatakan di mana-mana sahaja, terutama sekali oleh golongan usahawan-usahawan dan peniaga-peniaga bumiputera sendiri. Umpamanya, penekanan oleh pihak-pihak politik, orang-orang politik, pemimpin-pemimpin politik, penekanan oleh pihak Jabatan sendiri, termasuklah Pendaftar Syarikat—baharu sahaja telah diperkatakan oleh Ahli Yang Berhormat yang berucap tadi—begitu juga mungkin, tidak mungkin, perkara ini memang jelas sebenarnya penekanan dari pihak bank-bank dan institusi-institusi kewangan. Tidak perlu saya huraikan dengan lebih lanjut tetapi jelaslah menunjukkan adanya penindasan dan penekanan dan barangkali boleh kita menyetujui bahawa mungkin wujud satu senarai sebagaimana yang disebut sebagai senarai hitam di mana syarikat-syarikat atau usahawan-usahawan atau peniaga-peniaga bumiputera ini yang disenaraikan sebagai yang akan dimatikan.

Sebab yang ketiga ialah pembahagian peluang yang tidak adil. Ini juga barangkali sukar untuk kita membuktikan secara nyata, tetapi tidak dapat kita nafikan. Perkara ini diperkatakan di mana-mana sahaja, termasuk di dalam Dewan ini, termasuk di mana-mana sahaja di kalangan peniaga-peniaga, usahawan-usahawan bumiputera kecil atau besar. Mereka terasa tidak puas hati kerana ada setengah-setengah di antara syarikat-syarikat bumiputera ini yang

telah bertungkus lumus secara serius untuk mendapat sesuatu projek atau peluang dan setengahnya telah pun membelanjakan beratus ribu ringgit sebagai perbelanjaan pra-operasi dan mereka telah memperolehi kelayakan mengikut timbang tara biasa, tetapi akhirnya gagal untuk mendapat peluang atau projek-projek kerana dengan sebab pertimbangan yang tidak adil. Kadangkala syarikat-syarikat atau individu, orang perseorangan yang tidak membuat persediaan dan tidak mempunyai kelayakan memperolehi peluang-peluang seumpama ini...

Tuan Hashim bin Safin: (*Bangun*)

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Tanah Merah bangun. Yang Berhormat dari Tanah Merah hendak apa?

Tuan Hashim bin Safin: Minta penjelasan dari Yang Berhormat dari Besut. Kalau boleh ditunjuk contoh secara spesifik, manakah syarikat yang telah bersiap sedia dan menyatakan tidak adil.

Kedua, apakah kriteria keadilan yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat dari Besut itu.

Dato' Haji Zakaria bin Haji Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, tidak perlu saya menyebutkan senarai di sini, kalau kita menyebut satu projek, contoh umumnya, barangkali kepada Yang Berhormat agak dekat sedikit, katakan jambatan Kuala Terengganu, kita dapati banyak tender yang telah dikemukakan, ada di antaranya syarikat-syarikat yang telah membuat persiapan, yang telah memberi tawaran yang lebih sesuai, tetapi ditolak dan akhirnya didapati orang yang dianggap memperolehi dengan cara yang tidak adil telah memperolehi tender. Begitu juga projek-projek yang lain. Kita boleh dapat tahu, sebab boleh dikatakan kebanyakan pemborong-pemborong misalnya, di

dalam kerja-kerja pemborongan, mereka tahu selepas tender dibuka, mereka duduk dalam senarai nombor berapa, pertama, kedua, ketiga, keempat, kelima. Kalau mereka pertama, kedua, ketiga, keempat, mereka rasa sekurang-kurangnya keempat, kelima boleh dapat, tetapi didapati orang yang dalam senarai nombor 10 atau nombor 20 boleh dapat. Ini adalah keadaan biasa, tidak perlulah saya menyebut contoh satu persatu. Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Hashim bin Safin: (*Bangun*)

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Yang Berhormat dari Tanah Merah minta jalan.

Dato' Haji Zakaria bin Haji Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin habiskan, ada dua sebab sahaja lagi.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Yang Berhormat.

Tuan Hashim bin Safin: Demi keadilan.

Tuan Yang di-Pertua: Hendak beri atau tidak mahu beri.

Dato' Haji Zakaria bin Haji Abdul Rahman: Saya tidak beri jalan.

Tuan Hashim bin Safin: Tidak adil.

Dato' Haji Zakaria bin Haji Abdul Rahman: Betulkah, Tuan Yang di-Pertua, saya tidak beri jalan itu satu perbuatan yang tidak adil?

Tuan Yang di-Pertua: Jangan tanya saya itu, tidak boleh tanya saya.

Dato' Haji Zakaria bin Haji Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua sebagai Pengerusi, mengikut Peraturan Mesyuarat, adakah saya mesti memberi peluang, kalau mesti saya beri.

Tuan Yang di-Pertua: Tidak.

Dato' Haji Zakaria bin Haji Abdul Rahman: Kalau tidak, saya tidak beri, itu bukan satu perbuatan yang tidak adil, itu hak saya.

Tuan Yang di-Pertua: Sila teruskan.

Dato' Haji Zakaria bin Haji Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, sebab yang keempat, yang menyebabkan kegagalan usahawan bumiputera. . .

Tuan Hashim bin Safin: (*Bangun*)

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Tanah Merah, sila duduk, dia tidak beri jalan.

Dato' Haji Zakaria bin Haji Abdul Rahman: Saya seorang bumiputera, saya mengakui dalam tubuh saya ada darah Melayu mengalir, saya percaya orang Melayu yang lain juga yang mengaku ada darah Melayu mengalir ke dalam badannya, merasa dukacita di atas kegagalan Dasar Ekonomi Baru. Apakah berdosa saya memperkatakan perkara itu di dalam Dewan ini?

Tuan Yang di-Pertua, saya merasa dukacita kegagalan bumiputera ini di dalam sektor perdagangan, perindustrian tidak mendapat pembelaan dan bantuan yang sepatutnya. Kalau Menteri tidak bersetuju dengan pendapat saya, boleh membuat jawapan, tetapi ini pendapat saya. Saya mengatakan usaha yang dijalankan ada, saya bukan kata tidak ada, tetapi tidak mencukupi, tidak serius. Saya merasa sepatutnya pemimpin-pemimpin kita mengalirkan air mata melihat 10 orang atau 20 orang usahawan bumiputera bankrap dan ada setengahnya terpaksa melarikan diri ke luar negeri. Inikah yang kita hendak hasil daripada usaha kita mewujudkan Dasar Ekonomi Baru? Saya rasa semua, bukan sahaja bumiputera, sepatutnya seluruh rakyat menyetujui pendapat saya ini. Usaha patutlah dijalankan secara serius, tidak cukup dengan hanya kita memperkatakan: Oh! bumiputera peluang telah kita

beri; beri jaga bank, curi duit bank; kita beri peluang berniaga, tipu duit syarikat, lepas itu penipu, dapat duit joli, maka biarlah bumiputera ini kecewa semuanya, biarlah mereka gagal, itu mereka punya hal.

Saya merasa sebagai pemimpin negara kita tidak sepatutnya berbuat demikian. Yang salah, kita hukum, yang mencuri kita hukum, yang menipu kita hukum, tetapi yang gagal dengan sebab-sebab tertentu, yang masih boleh diperbaiki maka perlu kita mencari jalan untuk memperbaikinya. Jika kita mengadakan Ekonomi Baru selepas tahun 1991, kerana hendak mewujudkan semula generasi baru, terutama sekali bangsa Melayu, bumiputera untuk dimajukan di dalam sektor perusahaan dan perniagaan ini, barangkali kita memerlukan tenaga dan kewangan yang berlipat ganda lagi daripada apa yang telah kita belanjakan selama ini.

Tuan Yang di-Pertua, sebab yang akhir saya hendak sebut di sini yang saya nampak ialah yang menggagalkan syarikat-syarikat atau usahawan-usahawan atau perniagaan bumiputera kerana iklim pelaburan yang tidak sihat, yang wujud dalam negeri kita pada masa ini. Pada akhir-akhir ini, terutama sekali selepas pertengahan tahun 80an, iaitu keadaan politik yang tidak stabil. Keadaan politik yang tidak stabil ini tidak dapat dinafikan akan menyebabkan iklim pelaburan yang tidak sihat. Dengan yang demikian akan mewujudkan suasana yang tidak sihat dan dengan yang demikian tidak membolehkan syarikat-syarikat, khususnya syarikat-syarikat bumiputera untuk terus maju, maka usaha-usaha untuk menyelesaikan masalah ini perlulah dijalankan dan dijalankan dengan bersungguh-sungguh oleh semua pihak. Saya tidak menyatakan satu pihak sahaja yang patut melaksanakan, tetapi oleh semua pihak yang cintakan negara.

Tuan Hashim bin Safin: (*Bangun*)

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tanah Merah bangun pula.

Dato' Haji Zakaria bin Abdul Rahman: Saya benarkan kali ini.

Tuan Hashim bin Safin: Fasal usaha menyatu-padukan itu, saya tertarik, Tuan Yang di-Pertua. Pertama, saya dengar dan menangkap dua perkara yang baik pandangan. Yang Berhormat dari Besut. Pertamanya mengakui hakikat bahawa ketidak stabilan politik itu mempengaruhi iklim pelaburan itu sendiri. Jadi, dengan sendirinyalah perkembangan politik akhir-akhir ini adalah mempengaruhi iklim pelaburan, termasuklah kenyataan-kenyataan pemimpin-pemimpin yang pernah sama-sama kita sanjung.

Kedua, apakah Yang Berhormat dapat meyakini usaha untuk kita mencari penyelesaian ke arah mencapai matlamat sebenar membangun ekonomi negara melalui kestabilan politik yang tentunya didokong oleh pihak-pihak yang bertanggungjawab sama ada di sebelah pihak Yang Berhormat ataupun di pihak kami?

Dato' Haji Zakaria bin Haji Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya saya membenarkan peluang untuk Ahli Yang Berhormat dari Tanah Merah minta penjelasan kerana memang saya pun sudah jangka dan saya pun hendak menjerat apa perkara yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat itu. Usaha penyelesaian terutama sekali dari segi politik ialah melalui perpaduan. Perpaduan hanya boleh diwujudkan melalui keikhlasan. Itu mengikut keyakinan saya. Ia bukan hanya wujud melalui kata-kata sahaja "saya mahu berdamai, saya kasih, saya sayang, saya hormat" tetapi di belakang mulut saya mencaci, memaki hamun. Perbuatan seumpama itu tidak

membawa ke arah perpaduan. Ini keyakinan saya.

Saya mendengar dua hari yang lalu, keluar dalam suratkhobar, dalam televisyen, Ahli-ahli Dewan pun diinterview, saya pun diinterview, apabila kita mendengar pucuk pimpinan menganjurkan pertemuan, perundingan untuk menyelesaikan masalah perpecahan di kalangan kita untuk mewujudkan perpaduan. Saya berkata dalam interview saya—walaupun separuh sahaja dikeluarkan oleh televisyen, saya kata perkara ini boleh sekiranya semua pihak melaksanakannya, menerimanya dengan tulus ikhlas, dengan kejujuran. Tetapi kalau tidak ada kejujuran, perkara ini hanya dilakukan semata-mata atas hasrat putar-belit politik, maka jangan harap hasilnya boleh dicapai. Ini keyakinan saya dan apa yang saya sebut itu jelas ternyata kerana hari semalam—satu hari sahaja kemudian—suratkhobar utama yang boleh dikatakan dikuasai oleh pucuk pimpinan negara, kumpulan *UTUSAN MALAYSIA* telah dengan besarnya mengeluarkan berita memburukkan beberapa orang peribadi, beberapa orang individu tertentu. Inikah cara kita hendak berunding, hendak berdamai? Hari ini saya hendak berdamai, hendak berunding dengan satu orang tetapi petangnya saya menyebut, memaki hamun, memburuk-burukkan peribadi orang itu! Inikah menggambarkan keikhlasan saya? Bagi saya jelas perkara ini, Tuan Yang di-Pertua, kalau benar-benar kita hendak berunding, kita hendak menyelesaikan masalah walaupun kita tahu kawan kita, lawan kita mempunyai keburukan, kita pendamkanlah perkara itu dahulu. Sehingga kita berunding, kita jangan ungkit-ungkit, kita jangan korek-korek keburukan orang. Mana boleh berunding, A dengan B berunding, berjumpa sahaja B korek keburukan A, A korek keburukan B, dibesar-besarkan pula di khalayak ramai dan

melalui surat-suratkhobar. Inikah cara berunding?

Tuan Hashim bin Safin: (*Bangun*)

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Tanah Merah bangun pula, hendak beri jalan?

Dato' Haji Zakaria bin Haji Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, itulah sahaja ucapan saya yang secara serius saya fikir perkara ini sepatutnya mendapat perhatian daripada semua pihak. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua Yang Berhormat Menteri menjawab.

4.44 ptg.

Dato' Kok Wee Kiat: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan ke atas Rang Undang-undang bagi meminda Akta Syarikat, 1965. Saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah menyokong Rang Undang-undang ini.

Tuan Yang di-Pertua, kalau saya di universiti pada masa sekarang, saya melihat ucapan Yang Berhormat dari Padang Terap sangat seronok tetapi malangnya ada banyak butir-butir dan cakap-cakapnya ialah "theoretical" dan kalau nanti ada masa saya boleh cakap dengan dia di luar Dewan yang mulia ini tetapi di sini saya hendak menjawab beberapa perkara yang sudah dibangkitkan. Tetapi saya hendak menitikberatkan di sini, kebanyakan perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat itu seperti penglibatan syarikat-syarikat Kerajaan, kewujudan satu undang-undang monopoli atau anti-trust law, adalah tidak berkaitan dengan Undang-undang Syarikat. Namun begitu, teguran beliau adalah diambil ingatan dan akan dipertimbangkan.

Pejabat Pendaftar Syarikat sedang dilengkapi dengan sistem komputer

yang kompleks untuk membolehkan orang awam lebih mudah mendapat maklumat baik mengenai syarikat yang dibubarkan, diletak di bawah "receivership" atau sebagainya. Mengikut statistik yang dianggarkan, jumlah bilangan syarikat yang dibubarkan tidak begitu besar. Dalam tahun 1986 dibubarkan hanya 248 syarikat dan dalam tahun 1987 274 syarikat berbanding dengan jumlah syarikat kesemuanya iaitu 170,000. Hingga September tahun ini, 231 syarikat telah dibubarkan. Dengan adanya maklumat-maklumat yang kemaskini dan serta peruntukan-peruntukan undang-undang menghendaki mendedahkan maklumat-maklumat yang perlu bagi membolehkan pelabur-pelabur dan pengusaha-pengusaha membuat tafsiran yang wajar, maka ekonomi negara ini semestinya akan berkembang dengan sihat dan menanam keyakinan ke dalam pelabur-pelabur dan pengusaha-pengusaha.

Pengecualian yang dicadangkan diberi kepada badan-badan berkanun dan agensi-agensi Kerajaan adalah terhad kepada bayaran yuran berkenaan membuat permohonan untuk maklumat-maklumat syarikat sahaja dan bukan kepada bayaran-bayaran yuran yang lain. Pengecualian hanya akan diberi kepada badan-badan berkanun atau agensi-agensi Kerajaan yang menguatkuasakan undang-undang sahaja. Itu saya hendak menitikberatkan.

Berkaitan pembinaan projek penswastan dan cukai korporat, perkara itu bukan di bawah bidangkuasa Kementerian Perdagangan dan Perindustrian. Pandangan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Padang Terap saya pasti akan dibawa ke perhatian Kementerian-kementerian berkenaan.

Berkaitan "decentralisation", dengan izin, Pejabat Pendaftar Syarikat, di sini untuk makluman Yang

Berhormat, usaha sedang dibuat untuk menurunkan kuasa kepada pejabat-pejabat cawangan. Di masa ini pelaksanaan sedang diperolehi untuk menjadikan setiap cawangan disambung terus secara "on-line" dengan sistem komputer. Dengan ini maklumat yang disimpan di ibu pejabat boleh didapati dengan mudah dari mana-mana cawangan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pejabat itu sedang dilengkapi juga dengan peralatan telefax, ini juga akan mempercepatkan bekalan maklumat dari dan kepada mana-mana cawangan.

Saya mengucapkan berbanyak terima kasih kepada Yang Berhormat dari Tebrau untuk beberapa cadangan dari beliau.

Tuan Yang di-Pertua, di sini saya hendak mengambil peluang menerangkan lagi sekali sebab-sebab Pendaftar Syarikat menimbang dalam mempertimbangkan permohonan lanjutan masa untuk membenteng akaun syarikat berasaskan.

Yang pertama, masalah beban kerja syarikat-syarikat yang tidak dapat diatasi dalam tempoh masa yang ditetapkan adalah masalah yang telah lama wujud, ini bukan satu masalah yang dibangkitkan baru-baru ini. Nampaknya syarikat-syarikat dan Juru Audit tidak langsung mahu cuba mencari jalan penyelesaian. Setengahnya telah menganggap lanjutan masa adalah hak mereka dan berpendapat kelulusan dari Pendaftar harus diberi secara automatik, malah ramai yang membuat permohonan dengan menggunakan surat saiklostail, dengan memberi sebab-sebab yang serupa bagi setiap syarikat dan pada setiap tahun.

Sebab yang kedua, pemegang-pemegang saham berhak mendapat salinan akaun syarikatnya dengan secepat mungkin bagi menilai pelaburan mereka bagi membolehkan

mereka menilai keberkesanan fungsi pengarah yang mereka lantik. Sebilangan pengarah-pengarah tidak bertanggungjawab dan menggunakan delaying tactics, dengan izin, untuk menindas atau "oppress" pemegang saham minoriti.

Sebab yang ketiga, Pejabat Pendaftar Syarikat sebagai pusat sumber maklumat yang penting bagi institusi kewangan para pemiutang, para pembekal dan lain-lainnya yang berurusan dengan syarikat mempunyai tanggungjawab memastikan semua akaun-akaun syarikat terdapat dalam fail untuk pemeriksaan awal. Jika tidak Pejabat itu akan menghadapi kesulitan untuk menerangkan kepada orang awam.

Sebab yang keempat, pindaan yang memberi kuasa kepada Pendaftar untuk mengkompaun kesalahan tidak atau lewat membentangkan akaun telah pun dikuatkuasakan mulai 1-2-1987, tetapi Pendaftar hanya menggunakan kuasa itu mulai bulan Julai tahun ini, dengan itu secara tidak langsung tempoh pertanggungjawaban atau "grace period" telah pun diberi.

Persoalan berkaitan dengan permohonan lanjutan masa untuk membentangkan akaun tahunan telah dibincangkan oleh pihak-pihak yang terlibat iaitu Malaysian Institute of Accountants (MIA) dan Malaysian Institute of Chartered Secretaries and Administrators (MAICSA), yang mewakili syarikat-syarikat pelanggan mereka dengan Pejabat Pendaftar Syarikat pada 7hb Julai, 1988. Sebab dan tujuan pelaksanaan seksyen berkaitan diperketatkan telah pun disampaikan dan difahami oleh mereka.

Berkaitan dengan denda berat. Tuan Yang di-Pertua, tujuan utama denda dikenakan bukan untuk menambah pendapatan Kerajaan, ianya adalah satu langkah mengelakkan syarikat-syarikat dari berterusan melanggar

peruntukan undang-undang, dengan itu pelabur-pelabur yang perlu menilai kedudukan kewangan mana-mana syarikat akan dapat berbuat begitu dengan segera.

Pematuhan undang-undang terutamanya yang berkait dengan accountability, dengan izin, akan menambah kepercayaan dari para pelabur.

Di sini untuk makluman Dewan yang mulia ini, Pendaftar boleh melanjutkan masa untuk membentangkan akaun di bawah seksyen 169 jika ada alasan yang munasabah. Lebih 95% syarikat yang mohon memberi alasan bahawa Juru Audit mereka tak ada masa untuk menyelesaikan kerja audit, sebab itulah Pendaftar merasa tidak munasabah.

Di sini saya hendak menerangkan lagi peruntukan seksyen-seksyen 169 (1) dan (3) yang berkait dengan kehendak membentangkan akaun telah terkandung dalam Akta semenjak Akta Syarikat 1965 diwujudkan dan dikuatkuasakan dalam tahun 1966. Peruntukan ini yang menetapkan tempoh masa akaun-akaun syarikat wajib dibentangkan semestinya telah difahami amnya oleh mereka yang terlibat dalam pentadbiran syarikat dan khususnya oleh para profesional yang menjual khidmat ikhtisas dalam bidang korporat.

Dewan yang mulia ini dalam satu persidangan yang lepas telah bersetuju bahawa kelewatan akaun adalah suatu kesalahan yang serius dan telah meluluskan untuk menaikkan hukumannya dari dua tahun penjara atau denda \$2,000 kepada 5 tahun penjara atau denda \$5,000, tetapi sekarang penjara 5 tahun atau denda \$30,000. Setakat ini denda yang dikenakan oleh Pendaftar ke atas suatu kesalahan jauh lebih rendah dari jumlah maxima yang ditetapkan.

Sebenarnya amaun minima yang biasa dikenakan bagi sesuatu kelewatan yang tidak melebihi satu bulan hanya \$200 dan kadar ini meningkat mengikut tempoh kelewatan. Syarikat yang dikenakan denda yang tinggi adalah syarikat-syarikat yang melakukan kesalahan berulang bagi beberapa tahun. Mereka biasanya bukan first offender, dengan izin. Kerajaan sedar dan telah mengambil kira kesusahan yang dihadapi oleh pengarah-pengarah syarikat untuk menjelaskan denda yang berat. Oleh itu syarikat-syarikat masih diberi peluang membuat rayuan dan biasanya rayuan dipertimbangkan dengan penuh simpati.

Di sinilah saya menasihatkan kalau ada orang merasa tindakan oleh Pendaftar Syarikat tidak adil bolehlah merayu. Peluang untuk membuat rayuan ini telah juga dimaklumkan kepada badan yang mewakili syarikat-syarikat pelanggan yakni MIA dan MAICSA.

Yang Berhormat dari Tebrau pun ada mencadangkan prescribed form of accounts, dengan izin. Walaupun Akta Syarikat menurunkan kehendak-kehendak yang mesti dipatuhi berkenaan dengan bentuk dan kandungan akaun pada amnya Kerajaan berasa wajar kita bentuk akaun ditetapkan oleh persatuan-persatuan yang terlibat di dalam bidang perakaunan seperti Institut Akaun Malaysia (MIA) dan Malaysian Association of Certified Public Accountants (MACPA). Dengan cara ini bentuk akaun diikuti oleh Akauntan-akauntan akan menjadi lebih up-to-date. Jika bentuk akaun ditetapkan di dalam undang-undang setiap kali bentuk ditukar pindaan kepada Akta perlu dibuat.

Tuan Yang di-Pertua, berkaitan bahasan dari Yang Berhormat dari Besut, saya rasa saya tidak perlu komen oleh kerana semua perkara yang dibangkitkan oleh Yang

Berhormat itu tidak ada kaitan dengan Rang Undang-undang (Pindaan) ini. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibaca kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

(Tuan Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Jawatankuasa*)

Fasal 1 hingga 6 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG WANG TAK DITUNTUT (PINDAAN)

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

5.07 ptg.

Timbalan Menteri Kewangan (Tuan Mohamed Farid bin Ariffin): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan bahawa satu Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Akta Wang Tak Dituntut 1965 dibaca kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, pindaan-pindaan yang dicadangkan melalui Rang Undang-undang ini adalah bertujuan untuk memperkemas lagi tafsiran-tafsiran dan juga prosedur yang berkaitan dengan pengurusan Wang Tak Dituntut serta untuk memberi kuasa yang lebih luas kepada

Pendaftar Wang Tak Dituntut bagi membolehkan urusan pentadbiran dilaksanakan dengan lebih licin dan berkesan.

Pada masa ini urusan pentadbiran mengenai Wang Tak Dituntut adalah di bawah bidang kuasa Pendaftar Wang Tak Dituntut, Jabatan Akauntan Negara dengan berpandukan kepada Akta Wang Tak Dituntut 1965. Akta berkenaan memperuntukkan bahawa apa-apa wang yang sepatutnya dibayar oleh sesebuah syarikat kepada pihak pemiliknya tetapi telah tidak dituntut oleh pihak-pihak yang berhak menuntutnya dalam sesuatu tempoh yang telah ditetapkan hendaklah diserahkan kepada Pendaftar Wang Tak Dituntut untuk dimasukkan ke dalam Kumpulan Wang Disatukan.

Wang Tak Dituntut itu termasuklah dalam bentuk wang gaji, dividen, bonus, faedah dan wang simpanan dari akaun di bank-bank, perbadanan-perbadanan, badan-badan awam dan pertubuhan awam yang diisytiharkan sebagai syarikat oleh Menteri Kewangan mengikut peruntukan Seksyen 8 sub-seksyen (1) Akta berkenaan.

Dalam melaksanakan urusan pentadbiran Wang Tak Dituntut itu pihak Pendaftar Wang Tak Dituntut mendapati bahawa terdapat beberapa kelemahan dalam setengah-setengah peruntukan Akta itu yang menyebabkan perlaksanaannya tidak dapat dijalankan dengan licin dan berkesan.

Kelemahan-kelemahan itu termasuklah:

- (i) Peraturan-peraturan mengenai bayaran pengiklanan yang dikenakan kepada syarikat-syarikat kerana mengiklankan daftar wang tak dituntut dalam *Warta Kerajaan* seperti yang diperlukan mengikut Akta. Bayaran iklan ini dirasakan tidak patut dikenakan kerana

syarikat-syarikat yang membuat iklan itu tidak dapat apa-apa faedah daripadanya. Ia dibuat atas kehendak Akta ini.

- (ii) Peraturan yang sedia ada juga memberi peluang kepada syarikat-syarikat untuk melambat-lambatkan penyerahan wang tak dituntut kepada Pendaftar Wang Tak Dituntut.
- (iii) Denda-denda yang boleh dikenakan ke atas kesalahan-kesalahan di bawah Akta ini adalah agak rendah dan tidak berkesan untuk mengurangkan kadar kesalahannya.
- (iv) Kuasa pemeriksaan oleh Pendaftar Wang Tak Dituntut adalah tidak begitu menyeluruh yang menyebabkan sukar baginya untuk bertindak dengan lebih berkesan.
- (v) Beberapa tafsiran didapati tidak lengkap dan menyebabkan ada setengah-setengah perkara yang boleh dielakkan daripada tertakluk kepada Akta berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, bagi mengatasi kelemahan-kelemahan itu, pindaan-pindaan sewajarnya perlu dibuat ke atas Akta Wang Tak Dituntut 1965 yang dicadangkan dalam Rang Undang-undang yang dibentangkan di Dewan yang mulia ini.

Tuan Yang di-Pertua, Fasal 2 bertujuan untuk memansuhkan seksyen 3 Akta berkenaan yang pada masa ini memperuntukkan bahawa peruntukan-peruntukan Akta itu hendaklah dibaca dan ditafsirkan sebagai pembantu dan bukan untuk mengenenpikan peruntukan-peruntukan mana-mana undang-undang yang bertulis lain yang ada berkaitan dengan pelupusan Wang Tidak Dituntut. Dengan memansuhkan seksyen 3, semua syarikat firma akan dikawal oleh Akta

itu dalam perkara-perkara berkaitan dengan pelupusan wang tak dituntut. Pindaan ini juga akan mencegah syarikat dan firma, termasuk bank, daripada memasukkan sesuatu fasal yang tertentu dalam kaedah-kaedah ataupun peraturan-peraturan mereka yang membolehkan pelupusan wang tak dituntut dibuat bagi faedah mereka sahaja dan seterusnya mengelak pemeriksaan oleh Pendaftar Wang Tak Dituntut.

Fasal 3, Tuan Yang di-Pertua, adalah bertujuan untuk meminda sesuatu kesisipan gubalan dalam seksyen 7 Akta berkenaan iaitu untuk mengubah tanda kurungan terdapat dalam seksyen itu.

Fasal 4, bertujuan meminda seksyen 8 sebagaimana berikut iaitu:

- (a) memansuhkan subseksyen (2) dan nombor subseksyen (1). Ini adalah untuk mensesuaikannya dengan pemansuhan seksyen 3;
- (b) menggantikan perenggan (c) iaitu mengenai takrif "company", dengan izin, dengan perenggan baru. Perenggan ini mentakrifkan semua organisasi sebagai syarikat, kecuali yang diisytiharkan oleh Menteri sebagai bukan syarikat. Cadangan ini adalah lebih praktikal memandangkan proses pengisytiharan sesebuah organisasi sebagai syarikat adalah rumit dari segi pentadbiran, lebih-lebih lagi memandangkan bilangan organisasi itu semakin bertambah setiap tahun;
- (c) meminda takrif "owner", dengan izin, mengikut pengertian Akta Syarikat 1965 bagi membolehkan tafsiran "owner", itu dalam Akta ini meliputi juga liquidators, dengan izin;

- (d) meminda takrif "unclaimed moneys", dengan izin, supaya ianya meliputi commission, simpanan tetap ataupun lain-lain simpanan, faedah simpanan dan apa-apa wang dalam kredit akaun dagangan yang telah tidak dikendalikan melalui apa-apa transaksi bagi tempoh tidak kurang daripada dua tahun.

Tuan Yang di-Pertua, Fasal 5, bertujuan meminda seksyen 10 sebagaimana berikut:

- (a) menggantikan subseksyen 2 dengan peruntukan baru bagi membolehkan syarikat ataupun firma mengemukakan terus kepada Ketua Pengarah Percetakan suatu salinan daftar yang mengandungi senarai semua wang tak dituntut untuk diiklankan dalam *Warta* setiap tahun tanpa membayar apa-apa bayaran bagi pengiklanan tersebut. Cadangan ini dirasakan wajar bagi memudahkan urusan oleh syarikat-syarikat;
- (b) menggantikan perkataan "four copies", dengan izin, dalam subseksyen 3 dengan perkataan "two copies", dengan izin. Dan cadangan ini adalah wajar oleh kerana dua salinan daftar sahaja yang diperlukan oleh Pendaftar Wang Tak Dituntut;
- (c) menggantikan perkataan-perkataan "advertise", dengan izin, dalam subseksyen 5 dengan perkataan-perkataan "forward for advertisement", dengan izin, bagi tujuan melepaskan tanggungjawab syarikat untuk mengiklankan salinan daftar wang tak dituntut. Pelepasan tanggungjawab syarikat ini adalah wajar oleh kerana syarikat tidak mempunyai kuasa untuk menentukan tarikh bagi sesuatu daftar diiklankan;

(d) menggantikan perkataan-perkataan "one thousand", dengan izin, dengan perkataan-perkataan "three thousand", dengan izin, dan perkataan-perkataan "fifty ringgit" dengan perkataan-perkataan "not less than fifty ringgit and not more than one hundred ringgit", dengan izin. Kedua-duanya adalah dalam subseksyen 5 bagi tujuan mengenakan penalti yang lebih tinggi ke atas syarikat-syarikat yang melanggar peraturan.

Fasal 6, Tuan Yang di-Pertua, adalah bertujuan meminda seksyen 11 sebagaimana berikut:

(a) menggantikan perkataan-perkataan "advertisement under subsection 2 of section 10", dengan izin, dalam subsection 1 dengan perkataan-perkataan "date of lodgement with the Registrar under subsection 3 of section 10 of copies of entries in the Register kept under subsection 1 of that section", dengan izin. Pindaan ini bertujuan untuk mengelakkan syarikat-syarikat daripada mengambil kesempatan ke atas kelewatan mewartakan daftar Wang Tak Dituntut oleh pencetak Kerajaan dengan melewati pemindahan Wang Tak Dituntut yang mereka pegang kepada Akaun Amanah Disatukan. Ini adalah kerana peruntukan yang ada sekarang mengaitkan penyerahan Wang Tak Dituntut dengan tarikh Pengiklanan.

(b) menggantikan perkataan-perkataan "one thousand", dengan izin, sub-seksyen 3 dengan perkataan "three thousand", dengan izin. Ini adalah untuk meningkatkan penalti maksimum supaya selaras dengan pindaan ke atas

denda di bawah seksyen 10 dan sub-seksyen 5;

(c) mewujudkan sub-seksyen baru 5 kepada seksyen 11 yang memperuntuk bahawa faedah-faedah tidak dibayarkan ke atas wang tak dituntut yang disimpan dalam Akaun Amanah Disatukan atau Akaun Hasil Disatukan.

Tuan Yang di-Pertua, Fasal 7 pula bertujuan untuk meminda sub-seksyen 1 kepada seksyen 12 bagi memberi kuasa kepada Pendaftar atau sesiapa yang diberi kuasa olehnya untuk merampas dan menahan apa-apa buku, daftar, rekod atau dokumen yang boleh memberi keterangan mengenai ketidakpatuhan kepada Akta ini. Sebelum ini Pendaftar Wang Tak Dituntut hanya mempunyai kuasa untuk menjalankan pemeriksaan sahaja ke atas dokumen-dokumen tersebut yang dimiliki oleh syarikat. Di samping itu, Fasal ini juga bertujuan untuk meminda subseksyen 4 bagi meningkatkan penalti daripada seribu kepada tiga ribu ringgit di atas ketidakpatuhan syarikat kepada Akta.

Fasal 8, Tuan Yang di-Pertua, adalah bertujuan untuk mengganti perkataan "may", dengan izin, dalam subseksyen 1 kepada seksyen 13 dengan perkataan "shall", dengan izin. Ini adalah untuk menjadikan mandatori bagi Menteri mengarah pembayaran kepada pihak menuntut yang sebenarnya jika tuntutan itu dibuat ke atas wang tak dituntut yang telah tersimpan dalam Akaun Hasil Disatukan.

(Timbalan Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Mesyuarat*)

Tuan Yang di-Pertua, dengan pindaan-pindaan yang dicadangkan itu adalah dipercayai bahawa kelemahan-kelemahan yang terdapat pada masa ini dalam Akta Wang Tak Dituntut akan dapat diatasi dan seterusnya membolehkan Pendaftar Wang Tak

Dituntut melaksanakan urusan pentadbirannya dengan lebih licin dan berkesan. Bagi mencapai hasrat ini, pindaan-pindaan sebagaimana yang dicadangkan dalam Rang Undang-undang berkenaan adalah perlu diberi pertimbangan oleh Dewan yang mulia ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar (Tuan Law Hieng Ding): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah suatu Akta untuk meminda Akta Wang Tak Dituntut 1965 dibaca kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Ahli Yang Berhormat dari Maran.

5.20 ptg.

Tuan Haji Mohamad bin Abdullah (Maran): Tuan Yang di-Pertua, saya hanya akan mengambil masa yang ringkas berucap berkenaan dengan pindaan Akta Wang Tak Dituntut, 1965.

Apabila sesuatu Akta dibuat sudah barang tentu ada perkara yang berlaku, dan kalau tidak ada perkara yang berlaku, sudah tentu Akta itu tidak dibuat. Dengan ini bererti adanya Akta Wang Tak Dituntut ini bermakna sudah banyak wang yang tidak dituntut. Sebab itulah kita mengadakan Akta ini.

Tuan Yang di-Pertua, kalau kita perhatikan sebenarnya Akta ini telah diwujudkan sejak tahun 1965. Jadi, sudah barang tentu wang-wang yang tak dituntut itu telah banyak jumlahnya. Jadi, bolehkah pihak Kementerian yang berkenaan memberikan penjelasan di Dewan ini mengenai berapakah jumlah wang tak dituntut itu sejak 1965 hingga sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, barang yang tak dituntut ini sudah tentu ada sebab-sebabnya mengapa tidak dituntut. Kita tidak terbayangkan oleh kerana wang adalah satu asas keperluan yang menjadi nilai kepentingan kepada manusia tetapi ada juga kalanya wang ini tidak dituntut. Jadi, sejak tahun 1965 sehingga sekarang, apakah di antara sebab-sebabnya wang itu tidak dituntut?

Seperkara lain, saya ingin mendapat penjelasan di sini, adakah kita mengasingkan wang yang tidak dituntut itu dengan sumber-sumber lain kerana saya percaya wang tak dituntut itu bermacam-macam keadaannya sebab kita tidak tahu siapa pewarisnya dan sebagainya. Jadi, adakah kita asingkan penggunaan wang tak dituntut itu, sama ada kita menggunakan untuk kebajikan seperti membuat rumah kebajikan anak yatim dan sebagainya.

Jadi, saya percaya, kalau kita membuatkan hal kebajikan, sudah barang tentu pewaris wang asal itu akan mendapat ganjaran ataupun mendapat pahala kerana wang itu digunakan untuk kebajikan.

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara yang penting ialah mengenai kita memberikan peruntukan kepada syarikat-syarikat yang berkenaan supaya mengiklankan sendiri wang-wang yang tak dituntut, tetapi pihak Kerajaan mestilah memberitahu kepada syarikat-syarikat yang berkenaan supaya sentiasa mengiklankan wang-wang yang tidak dituntut itu apabila cukup masanya. Kalau tidak, syarikat-syarikat yang berkenaan akan melengah-lengahkan atau akan menggunakan wang-wang yang tak dituntut itu bagi faedah syarikat-syarikat mereka kerana mereka berkehendakkan keuntungan. Jadi, Kerajaan mestilah mengambil perhatian di atas perkara ini. Kalau kita hanya membiarkan sahaja syarikat itu bertindak secara

bersendirian, sudah barang tentu kadangkala mereka akan melengah-lengahkan dan kita tidak dapat mengawalinya.

Satu perkara yang lain ialah sejak tahun 1965 berapa banyakkah syarikat-syarikat yang telah dikenakan denda kerana tidak mengiklankan wang-wang yang tidak dituntut itu. Kalau sekiranya kita mengadakan Akta sahaja dan tidak menguatkuasakannya, memanglah Akta ini akan kurang berkesan dan pihak-pihak yang berkenaan akan tidak mengambil tindakan bagi mengiklankan wang-wang yang tidak dituntut.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa itu sahaja. Terima Kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat Timbalan Menteri boleh menjawab.

5.27 ptg.

Tuan Mohamed Farid bin Ariffin: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat dari Maran yang telah mengambil bahagian di dalam membahaskan Rang Undang-undang ini, tetapi saya ingin menyatakan di sini bahawa sebahagian besar daripada perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat mengenai denda ataupun enforcement of the law, dengan izin, telah pun diambil kira dalam Rang Undang-undang yang telah dibentangkan ini. Jadi, oleh kerana itu, maka saranan Ahli Yang Berhormat supaya kita mempertingkatkan lagi usaha untuk memerhati syarikat-syarikat yang memegang wang-wang yang tidak dituntut itu akan diambil perhatian.

Saya meminta maaf kerana setakat ini saya tidak ada dalam simpanan saya jumlah wang yang tidak dituntut sejak dari tahun 1965 sampailah ke hari ini. Walau bagaimanapun, saya

akan memberikan satu jawapan bertulis kepada Ahli Yang Berhormat, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, mengenai jumlah wang yang dipinta itu.

Tentang sebab-sebab wang ini tidak dituntut, ianya tentu banyak sekali. Setengahnya tak mengetahui wangnya ada dalam simpanan ataupun bonus orang yang meninggal dunia dan banyak sebab-sebab yang lain dan wang itu disimpan di merata-rata tempat terutamanya dalam syarikat-syarikat, bank dan sebagainya. Oleh kerana itulah maka kita telah pun memperkemaskan Rang Undang-undang ini untuk membenarkan supaya Menteri dan juga Pendaftar mempunyai kuasa-kuasa yang tertentu supaya wang-wang yang tidak dituntut ini dapat diiklan dan diwartakan dengan secepat mungkin. Jika sekiranya terdapat orang-orang yang berkenaan yang berhak menuntut wang-wang tersebut, maka Fasal 8 memberi kuasa kepada Menteri untuk mengarahkan bayaran tersebut kepada pihak-pihak yang berkenaan. Jika sekiranya wang itu tidak dituntut, maka ianya akan dipindahkan kepada satu akaun yang dinamakan Akaun Amanah Yang Disatukan ataupun Akaun Hasil Yang Disatukan dan tentu sekali dalam perkataan-perkataan "Akaun Amanah Yang Disatukan" ini adalah mempunyai maksudnya yang tertentu.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak ada lagi komen-komen lain daripada perbahasan tersebut dan saya mengucapkan terima kasih sekali lagi.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

(Tuan Timbalan Yang di-Pertua
mempengerusikan Jawatankuasa)

Fasal 1 hingga 8 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG PERTUBUHAN PELADANG (PINDAAN)

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

5.30 ptg.

Timbalan Menteri Pertanian (Dato' Alexander Yu Lung Lee): Tuan Yang di-Pertua, saya memohon mencadangkan iaitu satu Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta Pertubuhan Peladang 1973 dibacakan kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, pada umumnya tujuan pindaan Akta ini ialah untuk membolehkan Pertubuhan Peladang menceburi secara aktif aktiviti-aktiviti ekonomi di samping memperkemaskan Akta tersebut sejajar dengan perubahan yang berlaku sejak Pertubuhan Peladang mula ditubuhkan pada tahun 1973.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya memberi penjelasan tentang bahagian-bahagian yang dipinda dalam Rang Undang-undang Pertubuhan Peladang (Pindaan) 1988 di antara lain adalah seperti berikut:

- (1) Pertubuhan Peladang boleh melaksanakan aktiviti-aktiviti tanpa penyertaan secara langsung oleh ahli-ahlinya.

Akta Pertubuhan Peladang 1973 tidak membenarkan sesebuah Pertubuhan Peladang menjalankan aktiviti-aktivitinya tanpa penglibatan ahli atau unit-unit ahlinya secara langsung atau terus.

Dari pengalaman Pertubuhan Peladang adalah sukar bagi mereka untuk melibatkan semua ahli-ahlinya dalam setiap aktiviti-aktiviti yang dijalankan kerana kebanyakan ahli merupakan petani sepenuh masa dan mereka tidak berupaya dari segi masa dan kepakaran untuk melibatkan diri secara terus dalam setiap aktiviti Pertubuhan Peladang. Sekatan ini boleh menjejaskan perkembangan kegiatan Pertubuhan Peladang.

Dalam Rang Undang-undang Pertubuhan Peladang (Pindaan) 1988 ini kebenaran diberi kepada Pertubuhan Peladang itu sendiri untuk menjalankan aktiviti-aktiviti tanpa memerlukan penglibatan ahli-ahli atau unit-unit ahlinya secara langsung. Namun demikian ahli-ahli dan unit-unit ahli masih mendapat manfaat daripada aktiviti-aktiviti yang dijalankan oleh Pertubuhan Peladang.

- (2) Memberi kuasa kepada Pendaftar bagi membenarkan Pertubuhan Peladang menubuhkan "syarikat atau menyertai ekuiti dalam usaha-usaha perdagangan dan perniagaan. Akta Pertubuhan Peladang 1973 tidak mempunyai peruntukan khusus mengenai kuasa Pendaftar membenarkan sesebuah Pertubuhan Peladang menubuh syarikat dalam menjalankan usaha-usaha perdagangan dan perniagaan. Pindaan ini mencadangkan supaya Pendaftar diberi kuasa

bagi membenarkan Pertubuhan Peladang menubuhkan syarikat atau menyertai ekuiti dalam usaha-usaha perdagangan dan perniagaan. Dengan pindaan-pindaan ini akan membolehkan Pertubuhan Peladang mencuburi aktiviti perniagaan dengan lebih luas.

Di samping itu pindaan ini juga akan secara khusus membolehkan Pertubuhan Peladang khasnya Pertubuhan Peladang Kebangsaan (NAFAS) dan Pertubuhan Peladang Negeri:

- (i) mengasingkan projek-projek besar dan mempunyai risiko tinggi daripada operasi biasa pertubuhan itu, dengan menubuhkan anak syarikat;
 - (ii) berkongsi dengan pihak-pihak lain seperti SEDC atau menubuhkan syarikat usahasama bagi memajukan ladang atau menjalankan sesuatu projek yang berdaya maju;
 - (iii) menubuhkan anak syarikat dengan menjemput penyertaan ekuiti pihak creditor seperti bank sebagai salah satu cara penyelesaian yang boleh dipertimbangkan dalam kes-kes di mana Pertubuhan Peladang mengalami masalah bayaran hutang.
- (3) Penubuhan syarikat atau penyertaan ekuiti perlu mendapat kelulusan bertulis dari Pendaftar terlebih dahulu dan Pendaftar boleh mengenakan apa-apa syarat.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun melalui pindaan ini, Pertu-

buhan Peladang dibenarkan untuk menubuhkan syarikat atau menyertai ekuiti tetapi ianya perlu memenuhi syarat-syarat dan peraturan-peraturan tertentu. Di antara syarat-syaratnya ialah sesebuah Pertubuhan Peladang yang ingin menubuhkan syarikat atau menyertai ekuiti mestilah mendapat kelulusan bertulis terlebih dahulu daripada Pendaftar iaitu Ketua Pengarah Lembaga Pertubuhan Peladang.

Dalam memberi kebenaran tersebut, Pendaftar berkuasa mengenakan apa-apa syarat yang difikirkan perlu dan wajar.

Kementerian Pertanian sedang merumuskan syarat-syarat yang sesuai dan berkesan seperti menetapkan jumlah modal berbayar bagi sesuatu Pertubuhan Peladang yang ingin menubuhkan syarikat atau menyertai ekuiti, di samping itu menentukan cara untuk mengawal aktiviti-aktiviti yang dijalankan dan bidang kuasa pihak pengurusan syarikat dan syarat-syarat lain.

Semua ini akan dijadikan kriteria penentuan oleh Pendaftar dalam meluluskan permohonan sesuatu Pertubuhan Peladang yang ingin menubuhkan syarikat atau menyertai ekuiti dalam usaha-usaha perdagangan dan perniagaan.

- (4) Dengan peraturan ini Pendaftar akan dapat mengawasi penubuhan syarikat atau penyertaan ekuiti oleh sesebuah Pertubuhan Peladang. Syarat-syarat ini mengambil kira faktor-faktor seperti kesesuaian pelaburan dan keupayaan Pertubuhan Peladang dari segi modal dan pengurusan. Ini dapat menjamin bahawa aktiviti

yang diceburi dapat memberi faedah kepada Pertubuhan Peladang dan ahli-ahlinya. Kementerian Pertanian yakin, penubuhan syarikat atau penyertaan ekuiti oleh Pertubuhan Peladang akan dapat dikawal dan Pertubuhan Peladang akan lebih berhati-hati untuk menubuh syarikat atau memiliki ekuiti.

- (5) Pendaftar boleh mengawalselia kuasa-kuasa Pertubuhan Peladang. Dalam Rang Undang-undang Pertubuhan Peladang (Pindaan) 1988. Pendaftar diberi kuasa mengawalselia aktiviti-aktiviti sesebuah Pertubuhan Peladang melalui perintah bertulis untuk memastikan kecekapan dan untuk mengelak dari berlakunya penyelewengan dan persaingan yang tidak sihat di antara Pertubuhan-pertubuhan Peladang.

Mana-mana pertubuhan yang tidak berpuas hati dengan keputusan Pendaftar mengenai cadangan penubuhan syarikat atau penyertaan ekuiti atau syarat-syarat yang dikenakan boleh merayu kepada Menteri dalam tempoh 30 hari dari tarikh keputusan itu dibuat. Apa-apa keputusan Menteri mengenai perkara tersebut adalah muktamad dan tidak boleh dipersoalkan dalam mana-mana mahkamah.

- (6) Menghadkan liabiliti ahli-ahli Pertubuhan Peladang.

Pada masa ini peruntukan mengenai had liabiliti seseorang ahli atau unit ahli atas hutang sesebuah Pertubuhan Peladang terkandung dalam Peraturan 61 (3) Peraturan-peraturan Pertubuhan Peladang 1983 memandangkan bahawa peruntukan ini amat mustahak

bagi tujuan melindungi ahli-ahli atau unit-unit ahli dari tuntutan hutang pihak luar yang jumlahnya melebihi kadar syer atau kepentingan masing-masing. Maka pindaan yang dicadangkan ini perlulah dimasukkan bagi mengelakkan peruntukan tersebut dipersoalkan atas alasan ianya terkeluar dari bidang kuasa (ultra virus), dengan izin, dengan Akta itu.

- (7) Pindaan perkataan Pendaftar kepada Ketua Pendaftar.

Akta Pertubuhan Peladang 1973 memperuntukkan bahawa Ketua Pengarah Lembaga Pertubuhan Peladang adalah Pendaftar Syarikat Kerjasama Berasaskan Pertanian. Sebutan Pendaftar ini juga terdapat di dalam Ordinan Syarikat Kerjasama, 1948 Tanah Melayu, Ordinan Syarikat Kerjasama, 1958 Sabah dan Ordinan Syarikat Kerjasama Sarawak sebelum ianya dipinda. Walau bagaimanapun apabila Parlimen meluluskan Akta Syarikat Koperatif (Pindaan dan Perluasan), 1976 maka terdapat dua peringkat Pendaftar di dalam Akta dan Ordinan tersebut iaitu Pendaftar dan Ketua Pendaftar. Akibat pindaan kepada Akta dan Ordinan-ordinan ini taraf Pendaftar Syarikat Kerjasama Berasaskan Pertanian terke bawah dari taraf Ketua Pendaftar Syarikat Kerjasama dan ini memberi kesan kepada beberapa peruntukan dalam Akta dan Ordinan-ordinan tersebut yang menyentuh perbezaan kuasa-kuasa Pendaftar dan Ketua Pendaftar.

Keadaan ini perlu diperbetulkan dengan meminda perkataan "Pendaftar Syarikat

Kerjasama Berasaskan Pertanian" kepada "Ketua Pendaftar Syarikat Kerjasama Berasaskan Pertanian."

Tuan Yang di-Pertua, pada amnya Rang Undang-undang Pertubuhan Peladang (Pindaan) 1988 dapat meluaskan bagi aktiviti Pertubuhan Peladang terutama dalam bidang ekonomi sesuai dengan perkembangan semasa. Walaupun kuasa bagi Pertubuhan Peladang bergiat dalam bidang perniagaan dan perdagangan diperluaskan, Rang Undang-undang pindaan ini juga memperuntukkan kuasa yang secukupnya kepada Pendaftar Pertubuhan Peladang untuk mengawal kegiatan tersebut dan mengambil tindakan yang perlu terhadap apa-apa penyelewengan dan penyalahgunaan kuasa di bawah Akta ini.

Kementerian Pertanian mengambil berat tentang semua perkara ini dan berharap dengan adanya pindaan-pindaan seperti yang terkandung dalam Rang Undang-undang ini matlamat bagi membangunkan sosio-ekonomi peladang dan sektor pertanian keseluruhannya boleh dicapai.

Dengan itu, Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Timbalan Menteri Buruh (Dato' Wan Abu Bakar bin Wan Mohamed): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah suatu Akta untuk meminda Akta Pertubuhan Peladang 1973 dibacakan kali kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas.

Yang Berhormat dari Tanah Merah.

5.41 ptg.

Tuan Hashim bin Safin (Tanah Merah): Tuan Yang di-Pertua, saya

ingin mengambil bahagian untuk membincangkan sesuatu mengenai Rang Undang-undang yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Pertanian sekejap tadi yang bernama suatu Akta untuk meminda Akta Pertubuhan Peladang 1973.

Sesungguhnya, pindaan ini amat baik sekali dan sememangnya pindaan untuk mencari kebaikan dan ini merupakan satu perkembangan yang memungkinkan peladang-peladang kita akan meningkat ke satu tahap yang boleh akhirnya memberi sumbangan ekonomi melalui sektor pertanian kepada negara kita.

Di dalam perkara ini saya suka menarik perhatian kepada pertubuhan peladang itu sendiri yang mana ianya meliputi golongan petani-petani di kampung-kampung, di desa-desa yang rata-rata petani ini miskin sama ada dari segi pemilikan tanah, miskin dari segi ilmu, miskin dari segi pengalaman, tetapi mereka ini kaya dengan semangat untuk melihat satu perubahan kepada diri mereka, keluarga mereka dan masyarakat mereka.

Apa yang berlaku, mereka telah memberi sambutan untuk berorganisasi dalam satu pertubuhan yang dinamakan Pertubuhan Peladang sama ada di peringkat kampung melalui unit-unit peladang ataupun di peringkat daerah melalui pertubuhan peladang daerah, negeri dan seterusnya kepada peringkat kebangsaan.

Selama ini perjalanan baik, tetapi saya suka menyarankan sesuatu usaha untuk mencergaskan, activate, dengan izin, pertubuhan peladang itu ke arah yang lebih berkesan dengan usaha-usaha daripada pihak Kementerian ataupun Lembaga sendiri untuk menjamin ianya lebih cepat memberi kesan kepada matlamat-matlamat yang termaktub di dalam tujuan pindaan kita. Apa yang saya

maksudkan, kalau kita mulakan di peringkat unit peladang di kawasan-kawasan, setakat ini penyertaan memang mendapat sambutan tetapi yang perlu kita lihat dan teliti dan cuba memperbaiki ialah dari segi persatuan itu sendiri, keanggotaan ahli jawatankuasa unit-unit peladang itu. Memang di dalam Akta ataupun di dalam undang-undang tubuh unit itu barangkali mensyaratkan bahawa setiap ahli itu adalah terdiri daripada peladang ataupun petani tetapi perkara ini kadang-kadang diambil kesempatan oleh pihak-pihak tertentu yang juga boleh menggunakan apa sahaja peluang untuk membuktikan mereka itu petani untuk memegang jawatan-jawatan, misalnya menjadi ketua unit sedangkan mereka bukan begitu berminat untuk memajukan unit peladang itu tetapi mereka ini mempunyai minat ataupun tujuan lain untuk memperalatkan unit peladang demi kepentingan diri sama ada di segi politik, sama ada di segi pengaruh ataupun tujuan-tujuan lain yang kalau hendak dibuktikan agak susah tetapi dari segi cara pergerakan, kita nampak bahawa ada golongan-golongan yang sentiasa suka memperalatkan kelompok-kelompok manusia demi tujuan mereka.

Saya memang mengalami perkara ini kerana saya pernah juga terlibat dengan unit-unit peladang dan akhirnya saya tahu saya tidak boleh memberi sumbangan, saya berundur, tetapi dari segi syarat kalau hendak dipertikaikan, orang yang terlibat itu memang barangkali mereka juga dari luar bandar, mempunyai ladang, mempunyai tanah sekadar dua tiga ekar dan layak menjadi ahli yang boleh dipilih. Apa yang saya maksudkan tadi, ada ketua-ketua unit, ahli-ahli jawatankuasa dipilih kerana pengaruh mereka, kerana mereka pandai memainkan peranan tetapi mereka mempunyai tujuan lain sehingga unit mereka tidak berjaya. Saya minta perkara ini perlu diawasi

dan pastikan apa cara sama ada melalui kempen, melalui penerangan yang jelas supaya unit-unit itu lebih berjaya.

Dalam hal ini saya pernah menerima sungutan dari beberapa siswazah-siswazah ataupun yang berkelulusan sedikit, yang berpengalaman, ia juga terlibat dengan pertanian, mereka mengatakan mereka cuba untuk mendampingi pertumbuhan peladang, kalau boleh menjadi ahli Lembaga Pengarah Pertubuhan Peladang Kawasan, kalau boleh ahli Lembaga Pengarah di peringkat Negeri, tetapi mereka tidak berkesempatan. Jikalau bertanding, di pemilihan mereka tentunya kalah kerana belum terkenal dan sebagainya. Jadi, perlu kita memikirkan ke arah menonjolkan siswazah-siswazah tadi yang mula berminat dengan pertanian dan juga sebahagian mereka sudah memiliki kawasan ataupun syarikat mereka sendiri di bidang pertanian untuk mencebur diri melalui organisasi peladang itu dengan harapan mereka boleh memberi sumbangan yang baik berdasarkan pendidikan mereka, berdasarkan kecekapan mereka untuk menangkap atau menterjemahkan sesuatu perkara demi kebaikan unit peladang itu sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, kembali kepada usaha di dalam pindaan ini untuk membolehkan aktiviti peladang itu dapat ditingkatkan ke tahap sehingga membolehkan penubuhan syarikat sendiri ataupun memiliki, membeli ekuiti daripada syarikat-syarikat yang lebih maju ataupun berdaya maju tinggi demi kebaikan ahli-ahli.

Saya amat tertarik kepada perkara ini, kerana selama ini barangkali perkembangan kepada usaha perniagaan itu agak terhad, antaranya kerana faktor organisasi itu sendiri, kedua, kerana Akta itu sendiri yang

barangkali agak mengikat. Dalam hal ini kalaulah perkara ini mendapat perhatian terutamanya, Lembaga Pertubuhan Peladang, saya mengharap Kerajaan Negeri atau melalui budibicara Kementerian atau Menteri, Timbalan Menteri, Pengerusi-pengerusi ataupun Pengarah-pengarahnya untuk berunding dengan Kerajaan Negeri untuk mendapatkan kawasan-kawasan tanah yang diberi kepada pertubuhan peladang itu dalam bentuk yang lebih luas, kerana pernah sebelum ini saya mendengar rungutan-rungutan daripada Pertubuhan-pertubuhan Peladang sama ada di peringkat kawasan mahupun negeri yang agak susah untuk mendapat tanah kerana difahamkan keyakinan daripada pihak Kerajaan Negeri sendiri tentang soal pengurusan, soal kewangan, soal pengalaman, kononnya Kerajaan Negeri memandang siapa yang berada di dalam Lembaga Pengarah, bila diteliti latar belakang, barangkali Lembaga Pengarah ini kurang mampu kalau diberi tanah 1.000 ekar untuk membuat ladang mungkin tidak berjaya dan sebagainya.

Jadi, dalam perkara ini barangkali dengan cadangan-cadangan tadi kemasukan tenaga-tenaga baru, tenaga muda siswazah petani daripada Universiti Pertanian menganggotai pertubuhan peladang melalui pembentukan syarikat yang terdiri daripada ahli-ahli yang lebih diyakini dengan pengurusan lebih baik, dengan soal-soal hutang pinjaman dan sebagainya yang meyakinkan, saya mengharap Kerajaan Negeri memberi peluang untuk pertubuhan peladang memiliki tanah yang lebih luas untuk mereka usahakan sama ada melalui anak syarikat yang ditubuh atau melalui kongsi (joint-venture) dengan syarikat-syarikat lain, sama ada di dalam negeri mahupun luar negeri kerana kita menyedari pada hari ini kalau kita hendak memajukan petani-petani kita, kita memang tidak

boleh mengharap kepada petani-petani secara perseorangan. Kita mengharap kemajuan pertanian ini dalam bentuk perladangan dan sesuailah persatuan atau pertubuhan peladang ini difikirkan ke arah mereka memiliki ladang yang luas sama ada untuk menanam pisang emas, untuk mengusahakan ulat sutera atau sebagainya difikirkan ataupun dikaji daripada semasa ke semasa.

Ketiganya, Tuan Yang di-Pertua, tentang hutang. Saya ingin menarik perhatian bahawa saya dapati sebahagian tertentu pertubuhan-pertubuhan peladang ataupun kegiatan-kegiatan pertubuhan peladang ini terlibat dengan tanggungan hutang yang agak besar berbanding dengan kemampuan mereka. Dalam hal ini saya suka mencadangkan tak usahlah kita bimbangkan soal hutang ini kerana kepada peladang-peladang barangkali besar, saya katakan tadi secara perbandingan, tetapi jika dibandingkan dengan hutang-hutang kompeni-kompeni yang besar, beratus-ratus juta, berpuluh-puluh juta ataupun diselewengkan melalui BMF berbillion-billion, apalah kepada peladang di kampung-kampung ini sedikit hutang itu walaupun berbentuk wang Kerajaan diberi kepada mereka. Jadi, saya cadangkan Kerajaan menambah peruntukan berilah kepada pertubuhan peladang sejumlah yang lebih besar untuk mereka memulihkan keadaan mereka. Jangan takut kepada hutang ataupun hutang yang mereka tak boleh bayar. Saya yakin mereka dapat usahakan melalui pembekalan ataupun penambahan peruntukan lebih besar kepada peladang-peladang ini untuk mereka dapat membaiki diri mereka memulih keadaan kerana kalau kita tidak bekalkan peruntukan tambahan, barangkali hutang yang ada tak berbayar dan mereka juga tidak akan dapat meningkat maju.

Oleh itu, Tuan Yang di-Pertua, saya mencadangkan supaya pindaan ini

diberi sokongan yang sewajarnya kerana saya yakin dan percaya ianya akan memberi kemudahan-kemudahan yang lebih luas dari segi Akta itu sendiri kepada Pertubuhan Peladang, kepada NAFAS, kepada Peladang Negeri, kepada peladang-peladang dan unit seterusnya di bawah untuk mereka bergerak demi kebaikan ahli-ahli dan khususnya kebaikan petani-petani yang merupakan sebahagian besar penyokong Kerajaan yang setia untuk menjamin kestabilan dan kemakmuran negara ini.

Saya mohon menyokong, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat dari Jerai.

5.55 ptg.

Tuan Haji Ghazali bin Ahmad (Jerai): Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin mengambil peluang dalam perbahasan atas pindaan Akta Pertubuhan Peladang 1973. Memandangkan pertubuhan peladang sebuah organisasi rakyat yang miskin kerana petani-petani yang miskin inilah menumpukan perhatian mereka menerusi sebuah pertubuhan yang dapat memperbaiki nasib mereka dan keluarga mereka.

Sungguhpun setelah 15 tahun Akta ini telah berjalan dan asas-asas kepada petani-petani sudah mula nampak sedikit sebanyak kejayaan daripada pertubuhan-pertubuhan peladang ini, namun begitu peladang-peladang bukan sahaja dikehendaki mereka memperbaiki pertanian mereka sahaja, mereka juga harus diberi perhatian untuk memasarkan hasil mahsul mereka di samping memperbaiki tanaman-tanaman mereka. Kalaulah ada peluang-peluang yang boleh dalam bidang usahaniaga yang boleh dibuat oleh petani-petani itu sendiri maka peluang-peluang ini patutlah

disalurkan kepada pertubuhan-pertubuhan peladang ini. Janganlah mereka hanya diperalatkan hanya bagi projek-projek kacil sahaja sedangkan peluang-peluang yang lebih besar yang boleh dimainkan oleh pertubuhan ini tidak pun diberi peluang oleh pihak-pihak yang tertentu.

Saya nampak pertubuhan-pertubuhan peladang di Kedah yang hanya ada jentera-jentera kecil membajak sahaja. Sepatutnya negeri Kedah sebagai sebuah negeri yang menghasilkan padi bagi makanan penduduk negara kita, peranan pertubuhan ini harus lebih besar, mereka bukan sahaja sekadar untuk memberi baja dan juga menjaga tanaman mereka, mereka juga harus diberi modal pusingan yang besar kepada pertubuhan ini. Modal pusingan ini dapatlah pertubuhan ini mengambil kira dalam perdagangan dan perniagaan mereka, umpamanya mereka dapat mengadakan jentera-jentera "harvester" yang besar yang dapat menuai padi pada musim padi. Sekarang ini saya tidak nampak jentera menuai padi ini ada pada pertubuhan-pertubuhan peladang, hanya ada pada puak-puak yang sentiasa menjalankan perniagaan dengan menggunakan jentera-jentera yang besar. Haruslah pertubuhan ini diberi kemudahan-kemudahan yang begitu baik supaya mereka bukan sahaja dapat menanam padi yang baik, mereka juga boleh memasarkan padi mereka, beras mereka dan inilah keperluan-keperluan yang ada kepada mereka.

Begitu juga bantuan-bantuan yang lain yang patut diberikan oleh Kementerian sama ada usaha mereka dalam bidang ternakan. Peluang-peluang ini juga harus disalurkan menerusi pertubuhan peladang. Kalaulah ternakan biri-biri yang hendak dimajukan oleh Kementerian Pertanian apatah salahnya kalau dalam urusan ini disalurkan menerusi pertubuhan peladang. Biarlah

pertubuhan peladang memainkan peranan ini sebagai badan petani yang betul-betul untuk menjamin, memperbaiki ekonomi dan sosial mereka.

Tuan Yang di-Pertua, pada hemat saya sudah banyak pejabat-pejabat pertubuhan peladang yang diwujudkan di negara kita dan banyak sudah anak-anak tani yang maju yang sudah berada di menara-menara gading dan telah dapat banyak pelajaran, tetapi sejauh manakah sumbangan balik daripada anak-anak tani ini kepada pembangunan pertanian negara kita yang boleh disalurkan menerusi pertubuhan-pertubuhan peladang ini.

Oleh yang demikian, Kementerian Pertanian harus memberi satu sumbangan besar ke arah mengalirkan petani-petani moden dari golongan para intelektual kita yang telah mendapat pelajaran yang baik sama ada dari dalam dan luar negeri untuk membimbing dan memberi satu harapan baru kepada pertanian negara yang lebih baik menerusi pertubuhan peladang ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa eloklah dengan pindaan-pindaan ini supaya peluang-peluang yang lebih besar dalam bidang perniagaan dan perdagangan malahan satu industri pertanian yang lebih berkesan patut diberikan perhatian dengan tumpuan kepada pertubuhan peladang ini. Menerusi pertubuhan peladang inilah dapat kita melahir satu generasi baru petani-petani kita yang lebih maju dalam bidang pertanian. Namun demikian ada juga orang telah mengambil kesempatan dalam menjadi Lembaga Pengarah dalam pertubuhan ini untuk kepentingan politik mereka dan juga menjadikan tempat untuk penghidupan keluarga mereka sendiri yang tidak menghiraukan kepentingan ahli-ahlinya. Ini juga pernah berlaku dalam pertubuhan ini. Namun demikian saya

rasa eloklah pertubuhan ini dalam Akta ini telah memberi kuasa yang banyak kepada Ketua Pendaftar supaya mengkaji dengan lebih teliti apabila lantikan-lantikan pengarah-pengarah dibuat di dalam pertubuhan tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa setakat inilah sahaja pandangan saya dalam perbahasan ini untuk menambah usaha dalam membaiki sistem atau untuk meminda Akta Pertubuhan Peladang supaya dapat dinikmati benar-benar oleh petani-petani kita. Sekian.

6.02 ptg.

Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis (Simunjan): Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin mengambil bahagian dalam perbincangan mengenai Akta untuk meminda Akta Pertubuhan Peladang yang dibentangkan di sidang ini dibahaskan.

Saya rasa memanglah kena pada masa dan ketikanya Akta ini dipinda kerana apabila saya melihat kandungan Akta ini dan juga perubahan dan pindaan yang diharapkan dipinda, maka saya rasa pindaan yang dipohon itu adalah perlu disokong oleh semua pihak walaupun saya rasa ianya dalam masa beberapa tahun yang akan datang juga perlu dipinda lagi kerana sesuatu yang manusia buat perlu disesuaikan dengan perubahan dan peredaran masa. Hanya yang dibuat oleh Allah s.w.t. sahaja manusia tidak boleh mengubah. Tetapi apa yang telah kita buat sebagai manusia kita boleh mengubah, asalkan perubahan yang kita buat itu selaras dengan hasrat untuk mempertingkatkan, meninggikan taraf hidup rakyat, terutama sekali mereka yang berkhidmat kepada kita, rakyat yang berkhidmat kepada kita dengan memberi undi kepada kita untuk menang dan menubuhkan Kerajaan. Ini sistem kita. Jadi, oleh kerana itu

khidmat yang diberi kepada kita itu kita mesti bayar balik, kita mesti berkhidmat balik kepada mereka supaya mereka itu dapat menikmati kesenangan hidup dengan khidmat yang kita beri kepada mereka dan tanggungjawab yang diberi kepada kita harus kita gunakan untuk memberi manfaat kepada rakyat, terutama sekali para peladang.

Satu perkara yang ingin saya sentuh ialah peladang, kerana definisi ladang selalunya diibaratkan sebagai kawasan tanaman yang luas dan besar yang terorganised, dengan izin, ladang is a well organised estate. Tetapi peladang ertinya kalau kita ikut takrif itu orang yang mempunyai ladang yang besar, jadi ini kadang-kadang mengelirukan. Tetapi dalam amalan biasa kita, penerimaan kita selama ini, peladang tidak semestinya mempunyai ladang yang besar. Peladang ini kadang-kadang mempunyai satu ekar pun peladang juga, setengah ekar pun peladang, tidak ada ekar pun peladang juga, kerana dia sewa tanah orang, jadi dia tidak mempunyai ekar.

Jadi, saya rasa takrif "peladang" ini perlu diubah. Kalau kita tujukan kepada orang-orang yang tidak mempunyai ladang-ladang ataupun estet yang besar-besar, kalau sekiranya takrif kita peladang ialah petani-petani kecil yang perlu kita kumpul menubuhkan satu pertubuhan dipanggil pertubuhan peladang, jadi saya rasa dari segi ini komen saya ialah kita mesti meneliti akan nama yang mengelirukan ini. Nanti Guthrie pun kita terpaksa panggil peladang juga, kalau kita tidak menjelaskan keadaan nama yang akan kita pilih. Yang Berhormat dari Kuala Nerus pun nampaknya senyum, setuju di situ, katanya. Tuan Yang di-Pertua

Tuan Sim Kwang Yang: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat!

Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis: Ya.

Tuan Sim Kwang Yang: Minta penjelasan. Saya baca naskah English ini, "Farmers' Organization", sekiranya naskah English menjadi naskah authoritative, maka peladang memang kurang tepat. Mungkin pertubuhan petani kecil lagi baik, perlu dipinda nama itu. Terima kasih.

Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis: Jadi, Ahli DAP Bandar Kuching pun juga nampaknya terkeliru. Walaupun kita selalu kata DAP memang terkeliru atau mengelirukan, tetapi kali ini bukan hanya dia terkeliru, saya pun terkeliru juga dan bukan hasrat saya mengelirukan, tetapi terkeliru supaya di masa akan datang kita ini tidak terkeliru dan tidak ada orang yang memperalatkan perkara ini untuk mengelirukan orang lain. Jadi, saya fikir perlu dikaji oleh Timbalan Menteri Pertanian akan perkara ini.

Satu perkara lagi ialah kalau sekiranya Farmers' Organization is the accepted term, dengan izin, and which I think, dengan izin, kita perlu sesuaikan dengan Bahasa Malaysia, maka saya rasa kita perlu kajian dan kalau saya boleh beri komen seumpama ini, apa yang berlaku di kawasan-kawasan luar bandar. Pertubuhan peladang yang ada ataupun yang belum ada, selalunya tidak organised, tidak ada pengurusan yang teratur, kemudian mereka ini berkebun secara kecil-kecilan dan kebanyakannya miskin. Tidaklah miskin sangat, kerana selalunya petani yang di kampung-kampung susah untuk jadi miskin, terutama sekali di Sarawak itu susah hendak jadi miskin. Kerana apa? Kerana tidak ada nasi pun boleh tanam padi di tepi-tepi rumah, tidak ada ikan boleh pergi ke sungai menangkap ikan. Mereka ini miskin, tetapi tidak boleh jadi miskin.

Tuan Sim Kwang Yang: Minta penjelasan.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat, ada yang minta penjelasan.

Tuan Sim Kwang Yang: Tuan Yang di-Pertua, mengenai isu kemiskinan di negeri Sarawak, dalam pengalaman saya dalam kawasan Padawan, di antara kaum Bidayuh yang semuanya petani memang kemiskinan adalah satu masalah yang serius yang mana kadar kemiskinan pada tahun 1984 ialah setinggi 67%.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Apakah penjelasan Yang Berhormat?

Tuan Sim Kwang Yang: Maka saya minta penjelasan daripada Yang Berhormat dari Simunjan, adakah Simunjan lagi kaya ataupun orang Bidayuh di negeri Sarawak sahaja yang miskin ataupun mereka bohong mereka bukan miskin, tetapi capak miskin.

Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis: Tuan Yang di-Pertua, memang keadaannya miskin, tetapi saya rasa tidaklah kita boleh salahkan Kerajaan 100% ataupun DAP 100%, tidak boleh salahkan mereka itu, kerana saya ini 'Bebas' daripada DAP dan Kerajaan, jadi bebaslah. Tidak boleh salahkan semua itu, tetapi keadaannya memang tahap hidup itu tidak begitu memuaskan—tidak begitu memuaskan, kadang-kadang menyedihkan.

Tetapi kepada saya segolongan daripada mereka ini tidak boleh jadi miskin betul-betul kerana mereka tinggal di kawasan yang boleh mereka itu berupaya untuk menampung hidup. Kalau tidak ada air paip, pergi ke sungai ambil air sungai, minum, kerana kebiasaan mereka itu hidup dengan air itu, mereka tidak mati.

Kalau Timbalan Menteri Pertanian misal kata tiba-tiba selepas minum air sedap-sedap di Kuala Lumpur ke kawasan pendalaman, minum air sungai mungkin sakit kerana tidak

biasa, seperti kata orang Melayu "Alah bisa tegal biasa". Tetapi mereka berusaha, air tidak ada boleh pergi ke sungai; ikan tidak ada, tidak boleh dibeli di kedai, pergi ke sungai tangkap ikan. Kalau tidak percaya, saya boleh bawa pergi ke Sarawak di kampung saya, saya bawa tangkap ikan di sungai. Tidak ada sayur-sayuran, tanam sayur di sekeliling rumah; tidak ada nasi, tanam padi sedikit sebanyak. Jadi sebab itu saya kata alasannya tidak boleh betul-betul jadi miskin, tanah ada.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, satu lagi ialah saya tengok peladang-peladang, petani-petani. Tanaman-tanaman yang mereka dibenarkan untuk menanam, yang direkomendasikan oleh pihak Kerajaan untuk ditanam ialah kadang-kadang tanaman yang tidak boleh dimarket sama sekali. Mula-mula boleh tetapi oleh kerana semua golongan petani mengeluarkan hasil seperti itu akhirnya banyak sangat dikeluarkan, dihasilkan, maka marketnya tidak ada, glut, dengan izin. It has reached a stage of glut, dengan izin, saturated, dengan izin lagi. Jadi ertinya perancangan daripada pihak Kerajaan dalam memilih mana-mana tanaman untuk ditanam oleh petani tidak begitu betul, tidak mengena sasaran.

Jadi, saya rasa dalam kita berusaha untuk mempertingkatkan tahap ekonomi, membenarkan dan memberi peluang kepada petani-petani untuk melibatkan diri dalam bidang perniagaan, saya rasa mereka ini mesti diberi peluang untuk menanam tanaman-tanaman yang baik, yang mempunyai masa depan yang baik, yang mempunyai pasaran yang baik. Tidak guna untuk kita suruh mereka tanam pisang, kemudian yang satu lagi tanam pisang, tanam pisang, akhirnya pisang itu tidak ada yang beli, akhirnya ikan di laut yang beli pisang, kerana apa? Kerana tidak ada orang beli, campak ke laut, akhirnya ikan

yang makan, sebab itu saya kata ikan di laut yang beli!

Jadi saya menyeru Kerajaan supaya perancangan dari segi "crops", dengan izin, yang disuruh petani-petani menanam itu betul supaya mereka itu dapat melibatkan diri dalam bidang perniagaan, sedikit-tidaknya menjual bahan-bahan tanaman ini dengan harga yang lumayan. Dengan itu adalah ertinya kita ini meminda Rang Undang-undang, memberi peluang kepada mereka melibatkan diri dalam bidang perniagaan.

Satu lagi ialah kadang-kadang kekurangan "injection of ideas", dengan izin, dalam bidang perniagaan di kalangan mereka ini, terutama sekali di Sarawak. "Injection of ideas" ertinya macam mana pendapat-pendapat yang baru untuk mereka itu menjadi petani yang lebih menguntungkan, yang lebih bermakna. Jadi ini berkurangan. Oleh kerana itu, saya setuju dengan beberapa orang Ahli Yang Berhormat yang mencadangkan supaya sekarang kita mempunyai lebih kurang, akan datang saya fikir pada hujung tahun ini, kita mendapati bahawa lebih kurang lebih daripada 5,000 orang graduate lepasan universiti yang akan mendapati susah untuk mendapat kerja, yang menganggur. Jadi, mereka ini walaupun belum ada idea yang bernas kerana baru keluar universiti—minta maaflah kepada yang baru keluar—ini kerana pengalaman kurang, tetapi boleh kita injectkan mereka ini ke dalam pertubuhan peladang supaya mereka ini dapat memperolehi idea-idea baru dan supaya dapat mempertingkatkan taraf hidup mereka dan supaya dapat memberi tunjuk-ajar kepada peladang-peladang bagaimana menyertai bidang perniagaan dan bagaimana menguruskan perniagaan dan sebagainya.

Jadi, ini saya rasa perlu tetapi di samping itu kita tidak bolehlah hendak

serah kepada "unemployed graduates" sahaja—saya kata tadi "unemployed graduates"—tidak semestinya yang baru keluar universiti mesti pandai, berpidato pandailah kadang-kadang, kalau dahulunya ada "Speaker's Corner" macam di Universiti Malaya tetapi sekarang pidato pun tidak ada, jadi keluar itu semata-mata hendak cari kerja, tetapi pengalaman kurang. Oleh kerana itu saya rasa perlu juga mengambil orang yang berpengalaman untuk memberi lebih banyak ideas kepada mereka ini supaya pengurusan sistem-sistem perniagaan di kalangan mereka akan dapat dijalankan dengan teratur.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi saya tengok dalam Akta ini ada perubahan kepada koperasi. Di dalam Fasal 5 (c) mengatakan:

"5. Akta ibu adalah dipinda—

(c) dengan menggantikan perkataan-perkataan "Ordinan Syarikat Kerjasama Sarawak" di mana-mana jua terdapat dalam teks bahasa kebangsaan dengan perkataan-perkataan "Ordinan Koperasi Sarawak".

Jadi, saya percayalah perkara ini telah dibincangkan dengan pihak berkuasa Sarawak dan mendapat persetujuan daripada mereka dan saya berharap apa yang diubahsuaikan ini memberi manfaat kepada rakyat terutama sekali mereka dari golongan petani di negeri Sarawak.

Jadi, saya rasa itu sahajalah apa yang boleh saya sarankan, saya tidak ragu-ragu menyokong Rang Undang-undang ini.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat dari Sabak Bernam.

6.16 pgt.

Tuan Haji Hussein bin Haji Taib (Sabak Bernam): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun bagi mengambil

kesempatan dalam turut sama membahaskan suatu Akta bagi meminda Akta Pertubuhan Peladang, 1973 yang baru sahaja dibentangkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri sebentar tadi.

Tuan Yang di-Pertua, setelah mendengar huraian-huraian yang telah diberikan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri mengenai tujuan pindaan-pindaan yang dilakukan, saya tidak teragak-agak untuk memberikan sokongan dan saya rasa kebanyakan Ahli-ahli Dewan ini bersetuju dengan pindaan-pindaan ini kerana ianya memberikan manfaat yang berlebihan—kalau boleh saya katakan begitu—kepada peladang-peladang ataupun kepada petani-petani di mana terdapatnya pertubuhan-pertubuhan peladang di tempat-tempat tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, memanglah petani-petani mengharapkan wujudnya satu organisasi yang boleh membantu mereka dalam mengendalikan dan menguruskan soal-soal pertanian. Kalau dahulu kita berhadapan dengan pertubuhan syarikat-syarikat kerjasama di bawah Akta Koperasi, 1948 yang telah berfungsi bagi menolong petani-petani, pesawah-pesawah dan peladang di kawasan-kawasan pendalaman khususnya dan juga dengan adanya persatuan peladang yang telah juga dapat memberikan perkhidmatan kepada petani-petani dalam serba-serbi termasuk perdagangan dan perniagaan, tetapi kebanyakan pertubuhan-pertubuhan ini akhirnya berkecai di mana timbulnya atau wujudnya satu pertelagahan dan tidak ada penyelarasan di antara dua badan ini.

Oleh hal yang demikian, Kerajaan saya fikir setelah menimbang ini dengan teliti, mewujudkan satu Pertubuhan yang lebih besar yang dinamakan dengan Pertubuhan Peladang menurut Akta Peladang

1973 sebagai satu badan penyalaras bagi kegiatan ini, kalau saya tidak salah. Dengan tertubuhnya Pertubuhan Peladang ini, maka beberapa Unit Peladang atau Pertubuhan Peladang Negeri dan Kawasan diwujudkan, atau dengan ringkasnya PPK. Dan hari ini PPK telah memainkan peranannya di sawah-sawah, di kampung-kampung dan di luar bandar khususnya kepada petani-petani.

Saya ingin memberikan pandangan di sini dan beberapa teguran kepada Pertubuhan-pertubuhan PPK ini yang saya lihat.

Pertama sekali, peranan yang dimainkan oleh PPK khususnya di kawasan-kawasan sawah ianya hanya tertumpu kepada pengedaran baja, mengharapkan pengedaran baja yang diberikan oleh Kementerian Pertanian menerus kepada petani-petani, mungkin subsidi baja, yang disalurkan kepada PPK ini di mana PPK pula mengagih-agihkan baja ini kepada Unit-unit Peladang bagi tiap-tiap kawasan atau kampung, dengan itu sedikit sebanyak PPK atau Unit yang berkenaan dapatlah mendapat faedah hasil daripada komisyen yang mereka perolehi daripada penjualan baja kepada petani-petani ini. Walaupun demikian, mungkin terdapat pula cara agihan yang tidak samarata dalam mengagihkan baja ini dan mungkin terdapat juga penyelewengan dalam penyelenggaraannya. Saya harap ini dapat dikawal oleh Pertubuhan Peladang sama ada di peringkat negeri atau di peringkat yang lebih tinggi khususnya kepada 'Ketua Pendaftar', satu istilah baru yang diberikan dalam pindaan Akta ini.

Tuan Yang di-Pertua, didapati juga bahawa Pertubuhan Peladang mewujudkan kedai-kedai kecil bagi menampung keperluan petani-petani di mana petani-petani boleh mengambil barang-barang keperluan harian mereka, barang-barang runcit

mereka sementara menunggu hasil daripada sawah atau ladang yang mereka usahakan. Usaha ini adalah baik dan patut disokong, tetapi pengawasan kepada kedai-kedai ini mestilah dilakukan dengan bijaksana kerana kita tidak mahu mendapatkan keadaan di mana petani-petani mengambil bahan-bahan yang berlebihan daripada pendapatan yang mungkin diterima daripada hasil sawah-sawah mereka, yang akhirnya ini mungkin boleh melumpuhkan perniagaan PPK itu sendiri.

Di sinilah saya rasa perlunya pindaan Akta bagi menghadkan liability kepada ahli ataupun Pertubuhan-pertubuhan itu sendiri. Saya rasa ini termasuk dalam kategori ini di mana setiap yang diusahakan mestilah diperhatikan dan diberikan penelitian yang penuh supaya jangan menimbulkan kerugian dan juga sekali gus mungkin melumpuhkan kegiatan-kegiatan PPK itu sendiri.

Selain daripada itu peranan yang dimainkan oleh PPK ini juga dalam memajukan industri pertanian khususnya di sawah-sawah ialah dengan membuka mini-mini estet atau estet padi bagi kawasan padi, di mana saya dapati bahawa Pertubuhan Peladang lebih menumpukan kepada kawasan-kawasan yang sedia teratur dengan baik dari segi pengairannya, sawah yang baik, tanah yang rata, keadaan yang subur, dijadikan sebagai projek mini estet atau estet padi, bagi Pertubuhan Peladang yang sekali gus bolehlah dibanggakan kiranya sawah-sawah ini mendapatkan hasil yang baik, pada masa itu Pertubuhan Peladang akan mengaku bahawa ini adalah usaha daripada Pertubuhan Peladang atau PPK. Sebaliknya masih terdapat sawah-sawah yang terbiar, tanah yang rendah, yang tidak subur, yang tidak rata, yang terus dibiarkan. Kalau tidak percaya Yang Berhormat Timbalan Menteri, saya boleh bawanya ke kawasan saya di Sabak Bernam

hari ini dan saya boleh tunjuk bukti-buktinya. Inilah kawasan yang perlu dimajukan oleh PPK, inilah kawasan yang perlu mendapat bimbingan, pertolongan dan pembelaan bagi Pertubuhan ini supaya boleh menghasilkan keluaran yang maksimum mungkin.

Saya menyarankan perkara ini kepada Dewan ini supaya dapat diambil perhatian bukan sahaja oleh Kementerian ini, tetapi Pertubuhan Peladang Kebangsaan ataupun pihak Ketua Pendaftar sendiri. Walaupun demikian, kita patut mengucapkan terima kasih atas usaha-usaha bagi memajukan petani-petani, bagi memajukan taraf hidup petani, membela mereka dan memberikan pendahuluan-pendahuluan sama ada pendahuluan kepada pertanian, pendahuluan kepada upah baja, pendahuluan kepada upah tanaman, pendahuluan kepada upah angkut dan sebagainya. Banyak jenis bantuan diberikan, ianya bukanlah bantuan-bantuan percuma atau subsidi, tetapi hanya merupakan pendahuluan-pendahuluan sahaja kepada petani-petani yang akan diambil semula, yang akan dibayar semula oleh petani-petani kepada PPK yang berkenaan.

Memanglah kita tidak mengharapkan sesuatu bantuan sepenuhnya kerana kita faham bahawa bantuan ini diberikan sama ada secara langsung atau tidak langsung, bantuan daripada PPK sendiri atau pendahuluan daripada PPK sendiri atau menerusi Bank Pertanian yang memberikan pinjaman dalam usaha menghasilkan pertanian mereka. Tetapi saya sekali lagi menegaskan bahawa kawalan kepada pendahuluan-pendahuluan ini supaya jangan berlebihan di mana akhirnya mungkin boleh memanjakan kepada petani-petani atau peladang itu sendiri, kerana terdapat peladang-peladang yang berlebihan mengambil pendahuluan ini dengan tidak ada pengawasan yang cukup rapi, akhirnya

bila mereka menghasilkan, bila sampai atau tiba masa mereka menuai, mengambil hasil, mereka tidak boleh membayar semula pendahuluan-pendahuluan tersebut dan ini akan berlaku terus-menerus sampai tidak diketahui bila akan berakhir.

Selain daripada itu, saya suka juga menegur di sini Pertubuhan Peladang kerana tidak mempunyai kewibawaan yang cukup, tidak ada pengalaman yang cukup tetapi bernafsu besar dalam membuat sesuatu perniagaan. Saya katakan demikian kerana pernah saya dapati bahawa.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat, sila duduk!

Tuan Haji Hussein bin Haji Taib: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat boleh sambung pada bulan Disember. *(Ketawa)*

Ahli-ahli Yang Berhormat, masa sudah cukup. Mesyuarat ditangguhkan hingga pukul 4.00 petang esok, 21hb Oktober, 1988.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.